

MESYUARAT KETIGA, TAHUN KETIGA, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TRONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Berapakah jumlah Sekolah Kafa Intergrasi di tutup dari tahun 2020 hingga 2025 di Negeri Perak ,apakah faktor penutupan ini dan kenapakah berlaku kekurangan guru di Sekolah Kafa pada tahun 2025 ?

Jawapan Soalan 1

Telah dijawab secara lisan pada Persidangan Pertama 25 November 2025

Dato' Seri Yang Dipertua,

Yang Berhormat Trong telah membangkitkan soalan berkenaan jumlah Sekolah Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Integrasi yang telah ditutup di negeri Perak dari tahun 2020 hingga 2025.

Untuk makluman Yang Berhormat Trong, tiada Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) Integrasi KAFA yang telah ditutup operasinya dari tahun 2020 hingga 2025. Namun begitu, terdapat 16 buah sekolah yang telah ditangguhkan operasinya di lima (5) daerah seluruh negeri Perak iaitu:

- a. Daerah Larut, Matang dan Selama
 1. SRAR Al Irshadiyah Diniah, Kg Sungai Ara
 2. SRAR Akhlaqiah, Bendang Nering
 3. SRAR Muhammadiyah, Kg.Paya
 4. SRAR Nurul Hidayah, Sungai Bemban
 5. SRAR Darul Ulum, Kg. Tengah Changkat Ibol
- b. Daerah Kerian
 1. SRAR Al Falah, Parit Gabis
- c. Daerah Hilir Perak
 1. SRAR Saadah, Parit 4D Sungai Kerawai
 2. SRAR As Sibyan, Parit 1 Chenderong Balai
- d. Daerah Perak Tengah
 1. SRAR Matlubiah, Kg Ekor Lambat
 2. SRAR Aliyah, Kg Senin
- e. Daerah Kuala Kangsar
 1. SRAR Al Ijtihadiah, Kg Gapis
 2. SRAR Nurul Ittihadiyah, Kg. Seterus
 3. SRAR Al Ikhlasih, Kg. Changkat Duku
 4. SRAR Burhanul, Maknawiah Kg. Jenalik
 5. SRAR Ehsaniah, Kg. Seberang Manong
 6. SRAR Osmaniah, Kg Talang Tengah

Faktor penangguhan operasi bagi sekolah-sekolah ini adalah kerana jumlah muridnya yang sedikit. Berdasarkan nisbah guru KAFA terhadap jumlah murid yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah seorang guru bagi nisbah 30 orang murid. Selain itu, Enakmen

Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Perak) 2025 juga turut menetapkan jumlah murid yang perlu ada bagi sesebuah sekolah itu boleh beroperasi adalah tidak kurang daripada 20 orang murid. Kesemua sekolah yang telah ditangguhkan operasinya ini adalah sekolah yang mempunyai jumlah murid kurang daripada 30 orang murid.

Lanjutan penangguhan operasi tersebut, Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah melaksanakan penggabungan sekolah yang mengalami kekurangan murid bagi memastikan kelancaran perjalanan kelas KAFA dan kebajikan murid tidak terjejas.

Bagi menangani masalah kekurangan guru di SRAR KAFA pula, mulai tahun 2025 pihak JAKIM telah memberikan tambahan kuota guru KAFA seramai 100 orang kepada negeri Perak yang menjadikan jumlah kuota guru KAFA di negeri Perak meningkat kepada 3,310 orang guru.

Walau bagaimanapun, kekurangan guru masih berlaku disebabkan status jawatan guru KAFA adalah berstatus sambilan. Guru-guru yang mendapat jawatan yang lebih baik telah meletakkan jawatan sebagai guru KAFA dan menjadi antara penyumbang kepada kekurangan guru di sekolah-sekolah KAFA.

2. Berapakah jumlah penghuni jagaan warga emas, OKU dan kanak-kanak bawah seliaan JKM di Perak , apakah usaha pihak kerajaan dalam memastikan kanak-kanak di bawah jagaan JKM berjaya dalam pendidikan dan apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah permohonan kemasukan ke pusat jagaan JKM melebihi kapasiti pusat jagaan terutama warga emas ?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada Persidangan Ketiga 27 November 2025

Soalan Dari : YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD

Ahli Dewan Undangan Negeri : (BOTA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Memandangkan kajian Institut Darul Ridzuan menunjukkan keperluan makanan,perumahan dan bil utiliti menjadi beban utama rakyat Perak.Apakah strategi kerajaan negeri untuk kukuhkan jaringan keselamatan sosial yang lebih bersasar dalam Belanjawan 2026?
Adakah kerajaan bercadang menambahkan skim bantuan khas kategori isi rumah B40 luar bandar atau bandar kerana kedua-dua kelompok mempunyai keperluan yang sedikit berbeza?
Bagaimana kerajaan hendak memastikan agihan dapat berlaku secara adil dan tidak bertindih antara agensi?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Bota, Kerajaan Negeri mengambil maklum dapatan Institut Darul Ridzuan bahawa perbelanjaan makanan, perumahan dan utiliti merupakan antara beban utama yang ditanggung rakyat. Sehubungan itu, jaringan keselamatan sosial kekal menjadi fokus utama Belanjawan Negeri. Dalam Belanjawan 2025, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk peningkatan Bantuan Am JKM kepada RM500 sebulan, pelaksanaan Kad Perak Sejahtera, Program Bantuan Kotak Makanan, Kedai Bergerak Negeri Perak, Jualan Rahmah serta Program Bas Perak Sejahtera.Komitmen ini diteruskan dalam Belanjawan 2026 melalui peningkatan peruntukan Bantuan Am JKM daripada RM31 juta kepada RM37 juta, Kad Perak Sejahtera daripada RM24 juta kepada RM24.5 juta, serta Program Bantuan Kotak Makanan daripada RM5 juta kepada RM6 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan peruntukan baharu bagi Program Sayangi Rumahku sebanyak RM3 juta sebagai dana pusingan di bawah Yayasan Perak bagi membantu keperluan perumahan rakyat.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Air Perak (LAP) turut melaksanakan langkah proaktif untuk meringankan beban rakyat melalui subsidi air percuma dan pemberian rebat bil air. Subsidi air percuma disalurkan kepada golongan miskin dan termiskin yang berdaftar serta menerima bantuan bulanan daripada JKM, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) atau Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada kadar 25 meter padu sebulan bersamaan RM20.40.

Jika penggunaan air berada di bawah kadar tersebut, tiada bayaran dikenakan. Selain itu, rebat bil air sebanyak RM4.00 sebulan turut diberikan kepada semua pengguna akaun domestik di Negeri Perak. Sehingga Oktober 2025, hampir RM32 juta telah dibelanjakan oleh LAP bagi pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan Negeri sentiasa menilai keperluan semasa termasuk pertimbangan untuk menambah baik bantuan mengikut keperluan khusus masyarakat B40 di bandar dan luar bandar. Namun, sebarang peluasan skim bantuan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan negeri serta komitmen dasar semasa. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri komited memastikan hasil negeri dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat Perak, dengan penekanan terhadap penyelarasan antara jabatan dan agensi pelaksana supaya agihan bantuan dilaksanakan secara adil, tidak bertindih dan tepat kepada kumpulan sasaran.

2. Mohon nyatakan pendirian dan pelan tindakan kerajaan negeri terhadap penjualan produk vape dan rokok elektronik yang semakin berleluasa di negeri ini? Bagaimana kerajaan negeri hendak mengekang jualan produk ini secara atas talian? Adakah kerajaan mempertimbangkan penggubalan enakmen khusus diperingkat negeri bagi perkukuh kawalan penjualan bahan mengandungi nikotin seperti vape dan rokok elektronik?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 25 November 2025

JAWAPAN :

Dato' Seri Yang Dipertua,

Saya akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bota dan Yang Berhormat Simpang Pulai memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama, iaitu berkaitan penggunaan vape dan rokok

(a)

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak memandang serius berkaitan penjualan produk merokok secara dalam talian & pelan tindakan bagi mengekang aktiviti ini. JKN Perak akan terus menjalankan penguatkuasaan secara menyeluruh dan bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk penguatkuasaan perlesenan penjualan produk merokok. Selain itu aktiviti penguatkuasaan juga dirancang secara bersepadu bersama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia bagi penguatkuasaan dan pemantauan penjualan produk merokok di atas talian serta lain-lain agensi berkepentingan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

(b)

Pihak kerajaan memandang serius berkaitan peningkatan penggunaan produk vape dan rokok elektronik. Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah bersetuju untuk melaksanakan bahawa tiada lagi pengeluaran lesen jualan vape mulai Januari 2026. Seksyen 10(1) dibaca bersama peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024; larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, secara dalam talian. Aktiviti risikan melalui Unit Risikan Negeri dan Daerah sentiasa memantau aktiviti penjualan dalam talian atau mana-mana penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang tidak didaftarkan.

Melalui pewartaan **Akta 852**, merangkumi penguatkuasaan terhadap pendaftaran produk, kawalan terhadap penjualan sama ada kepada Orang Belum Dewasa (OBD) mahupun kaedah-kaedah penjualan yang ditetapkan serta penguatkuasaan terhadap perilaku masyarakat melalui penguatkuasaan terhadap larangan merokok di kawasan larangan merokok.

(c)

JKN Perak melalui Framework Convention of Tobacco Control (FCTF) KKM, Putrajaya akan sentiasa mengkaji dan membuat penilaian terhadap peruntukan yang dikhususkan kepada Orang Belum Dewasa (OBD) melalui peruntukan di bawah seksyen 53(1) di mana menteri membuat peraturan-peraturan yang boleh memberi manfaat dan menyekat penggunaan vape dan produk merokok terutama kepada OBD.

Perundangan di bawah Seksyen 15(1)(f) Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024) adalah larangan penerbitan iklan produk merokok yang bertujuan atau berkemungkinan untuk menggalakkan seseorang untuk merokok. Ini termasuk larangan membuat iklan yang mengandungi produk tembakau, bahan merokok, atau jenama produk tersebut, serta larangan promosi produk sebagai produk berhenti merokok.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Simpang Pulai,

(a)

National Health Morbidity Survey (NHMS) 2022 melaporkan bahawa prevalen merokok dalam kalangan pelajar adalah 6.2% atau 2,078 pelajar, dan prevalen

penggunaan vape adalah 14.9% (4,995 pelajar) dengan 28% daripadanya adalah pelajar lelaki dan 8.9% merupakan pelajar perempuan. Kajian sama juga menganggarkan hampir 65.7% pelajar yang merokok telah merokok sebelum umur 14 tahun. Selain itu, kajian *Global Adult Tobacco Survey (GATS)* yang dijalankan pada tahun 2023 dalam kalangan individu berumur 15 tahun dan ke atas mendapati seramai 4.8 juta (19.0%) rakyat Malaysia adalah perokok dengan kadar perokok semasa adalah 35 kali lebih tinggi dalam kalangan lelaki berbanding wanita. Manakala, kajian yang sama juga mendapati sebanyak 5.8% atau 1.4 juta rakyat Malaysia merupakan pengguna vape.

Kerajaan Negeri mengambil maklum kebimbangan terhadap peningkatan penggunaan rokok elektronik atau vape yang memberi kesan buruk kepada kesihatan awam.

Dalam mempertimbangkan pelaksanaan larangan lesen penjualan vape di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah meneliti dapatan daripada *Global Adult Tobacco Survey (GATS)* dan *National Health and Morbidity Survey (NHMS)* yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan penggunaan rokok elektronik di Malaysia serta risiko ketagihan nikotin yang tinggi. Penggunaan produk ini turut dikaitkan dengan pelbagai kesan buruk terhadap kesihatan paru-paru dan sistem kardiovaskular. Dari sudut ekonomi, penggunaan produk tembakau dan nikotin termasuk vape menyumbang kepada peningkatan kos rawatan penyakit tidak berjangkit yang ditanggung oleh kerajaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengambil kira laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kes-kes tangkapan berkaitan penjualan dan penyalahgunaan bahan melibatkan cecair vape di Negeri Perak. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap risiko penyalahgunaan bahan terlarang melalui saluran vape. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menilai dari semasa ke semasa impak kesihatan, sosial, ekonomi dan keselamatan awam berkaitan penggunaan serta penjualan vape dan rokok elektronik. Justeru, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan “cegah sebelum parah” dengan

melaksanakan langkah-langkah kawalan yang bersesuaian bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat Negeri Perak.

(b)

Pihak KKM sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan dan akan mengambil tindakan undang-undang dibawah Seksyen 10(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (AKPMDKA 2024/ Akta 852) terhadap kesalahan yang melibatkan penjualan secara dalam talian, melalui aktiviti risikan melalui Unit Risikan Negeri dan Daerah. Unit tersebut sentiasa memantau aktiviti penjualan dalam talian atau mana-mana penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang tidak didaftarkan.

(c)

Aktiviti risikan di bawah bidang kuasa KKM secara berterusan dilakukan dengan kerjasama daripada lain-lain agensi serta jabatan dipergiatkan serta tindakan undang-undang di bawah Seksyen 10(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (AKPMDKA 2024/Akta 852) terhadap kesalahan yang melibatkan penjualan secara dalam talian. Pihak kerajaan berbesar hati agar mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan ketidakakuran Akta 852 boleh menyalurkan kepada JKN Perak untuk tindakan selanjutnya bagi mengekang kejadian ini.

3. Mohon penjelasan yang tuntas apakah langkah serius yang boleh dan telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengawal anjing-anjing liar yang berkeliaran khasnya dikawasan PBT?Boleh tak bagi contoh tindakan dari PBT yang manakah yang sangat berjaya dalam pengawalan anjing2 atau haiwan ternakan yang berkeliaran?
Adakah kerajaan mahu mempertimbangkan enakmen khas bagi mengatasi masalah ini kerana terlampau banyak aduan yang diterima dari rakyat berkaitan isu ini?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pemakaian Akta 171 adalah terhad di dalam kawasan operasi PBT Sahaja. Di bawah Akta 171, PBT boleh dari semasa dari membuat atau meminda undang-undang kecil (UUK) mengenai segala perkara yang perlu untuk memelihara kesihatan, keselamatan, dan kesentosaan penduduk. Walaubagaimanapun, penguatkuasaan UUK adalah terhad di dalam kawasan operasi PBT Sahaja.

Haiwan rayau dikawal di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau. Sebagai contoh, Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Taiping) 2012. Di bawah UUK ini, haiwan ditakrifkan sebagai “haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing biri-biri, kambing, babi, arnab, gajah dan binatang ternakan yang lain termasuk ikan, ayam, itik, ayam turki, angsa dan burung atau unggas atau haiwan yang dipelihara bagi tujuan komersial, tidak kira sama ada hasil komersial tersebut adalah haiwan tersebut ataupun komoditi yang dihasilkan oleh haiwan tersebut.

Selain itu, aktiviti memelihara dan menternak haiwan perlu mendapatkan lesen dan kegagalan memperolehi lesen di bawah UUK ini adalah menjadi kesalahan dan boleh dikompaun dengan sejumlah wang tidak melebihi RM250.00.

Di samping itu, pemunya atau pemegang lesen yang membiarkan haiwan ternakan merayau-rayau di dalam kawasan PBT adalah melakukan satu kesalahan di bawah UUK ini. Mana-mana haiwan yang didapati merayau-rayau di dalam kawasan Majlis boleh ditangkap dengan apa jua cara oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa khas oleh Yang Dipertua dan hendaklah dengan serta-merta dibawa ke suatu tempat simpanan atau paun yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana lokasi lain yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha. Tiada pampasan kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau ditangkap atau tercedera atau dilupuskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Mana-mana haiwan yang ditangkap dan ditahan boleh didapatkan kembali oleh pemiliknya dengan membayar kos tuntutan semula tidak kurang daripada satu ribu ringgit (RM1000.00) untuk seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu atau sebahagian daripadanya kos simpanan sebanyak satu ratus ringgit (RM100.00) bagi seekor haiwan.

Dalam kes haiwan yang tidak dituntut oleh pemiliknya di dalam tempoh tiga hari dari tarikh tangkapan dibuat, atau pemiliknya tidak dapat dikesan, maka Majlis berhak untuk

melupuskan haiwan tersebut dengan apa jua cara yang difikirkan sesuai.

Seterusnya, Kerajaan Negeri dalam proses meminda UUK Pelesenan Anjing dan Premis Pemeliharaan Anjing Tahun bagi tujuan penambahbaikan. Pindaan UUK ini merangkumi perkara pelesenan anjing, kebersihan dan perlindungan, serangan dan pelupusan, pelesenan premis pembiakan, penguatkuasaan dan bahagian am. Tambahan, UUK ini hanya akan terpakai di dalam kawasan operasi PBT sahaja.

Soalan Dari : YB ENCIK CHOONG SHIN HENG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHENDERIANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Pembangunan Infra Sukan

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri pembangunan Infra Sukan terutama di kawasan DUN Chenderiang dan Parlimen Tapah?
- b) Mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan bersedia menimbangkan permohonan saya untuk membina sebuah trek larian balapan di kawasan Tapah bagi kegunaan masyarakat setempat dan pelajar sekolah?

Jawapan Soalan 1

Perkara tersebut adalah di luar kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kampar. Perancangan pembinaan luar premis sekolah adalah di luar bidang kuasa Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

NOMBOR RUJUKAN : 25805

SOALAN ADUN : CHENDERIANG

Soalan:

Pembangunan Infra Sukan

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri pembangunan Infra Sukan terutama di kawasan DUN Chenderiang dan Parlimen Tapah?

- b) Mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah kerajaan bersedia menimbangkan permohonan saya untuk membina sebuah trek larian balapan di kawasan Tapah bagi kegunaan masyarakat setempat dan pelajar sekolah?

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Negeri Perak sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat untuk mempunyai kemudahan sukan komuniti yang selesa dan berkualiti, termasuk di kawasan DUN Chenderiang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak (JBS Perak), setakat ini Kementerian Belia dan Sukan

(KBS) belum mempunyai perancangan khusus untuk membina infrastruktur sukan baharu di kawasan DUN Chenderiang mahupun di peringkat Parlimen Tapah.

Dasar semasa KBS kini lebih memberi fokus kepada usaha menaik taraf, menyelenggara dan membaiki pulih fasiliti sukan yang sedia ada di bawah seliaan kementerian. Pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan kemudahan yang telah dibina dapat terus dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat dan kekal dalam keadaan selamat, kondusif serta berdaya guna.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui JBS Perak sentiasa terbuka menerima cadangan dan permohonan daripada pihak berkepentingan tempatan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), persatuan belia, kelab komuniti dan pemimpin setempat bagi menilai keperluan sebenar sesuatu kawasan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak dan justifikasi kukuh, cadangan tersebut boleh dipertimbangkan dalam perancangan pembangunan sukan negeri pada fasa akan datang.

Bagi kawasan Parlimen Tapah, sukacita dimaklumkan bahawa KBS telah pun memiliki sebuah kemudahan sukan utama iaitu Kompleks Sukan Tapah yang siap dibina sepenuhnya pada Disember 2017. Kompleks ini dibangunkan di atas tanah seluas 12.56 ekar di Mukim Batang Padang, dan kini diuruskan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Batang Padang.

Kompleks ini berfungsi sebagai pusat tumpuan utama aktiviti sukan, rekreasi dan pembangunan belia bagi kawasan Tapah dan sekitarnya. Antara kemudahan yang disediakan ialah gelanggang futsal berbumbung, dewan serbaguna yang menempatkan gelanggang bola jaring, sepak takraw dan badminton, serta ruang aktiviti terbuka untuk pelbagai program komuniti.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kompleks ini turut menerima peruntukan penyelenggaraan bagi tahun semasa bagi tujuan naik taraf bumbung dan baik pulih beberapa komponen infrastruktur agar ia dapat memberi keselesaan dan keselamatan yang lebih baik kepada para pengguna. Usaha penyelenggaraan berterusan ini penting supaya kompleks tersebut kekal menjadi nadi aktiviti sukan dan belia di daerah Batang Padang.

Selain itu, JBS Perak turut melaksanakan pelbagai inisiatif berbentuk program pembangunan komuniti sukan di kawasan sekitar Chenderiang dan Tapah, termasuk program Malaysia Aktif, Hari Sukan Negara Peringkat Daerah, Liga Sukan Komuniti Peringkat Daerah, Hari Belia Negara Peringkat Daerah dan Kursus Latihan Asas Sukan (KLAS). Inisiatif ini memberi peluang kepada masyarakat setempat, khususnya golongan belia, untuk terus aktif, sihat dan melibatkan diri dalam aktiviti sukan walaupun tanpa kemudahan baharu.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri melalui JBS Perak komited untuk terus memperkukuh infrastruktur sukan sedia ada sambil menilai potensi pembangunan baharu berdasarkan keperluan sebenar komuniti serta keupayaan kewangan semasa. Tumpuan utama ketika ini ialah memastikan fasiliti yang telah dibina dapat digunakan secara optimum, diselenggara dengan baik dan terus berperanan sebagai ruang utama aktiviti kesukanan dan pembangunan belia di kawasan Chenderiang dan Parlimen Tapah.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak (JBS Perak) pada prinsipnya amat menyokong dan terbuka terhadap sebarang cadangan yang dapat memperkukuh pembangunan sukan komuniti di peringkat akar umbi, termasuklah pembinaan kemudahan baharu seperti trek larian yang memberi manfaat kepada pelbagai peringkat masyarakat.

Namun demikian, sebelum sesuatu projek infrastruktur sukan dapat dipertimbangkan secara rasmi oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mahupun Kerajaan Negeri, beberapa perkara asas perlu diselesaikan terlebih dahulu khususnya berkaitan status dan pemilikan tanah di tapak cadangan.

Sebagai makluman, pembangunan mana-mana fasiliti sukan baharu hanya boleh dipertimbangkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri atau tanah milik Persekutuan yang telah mendapat kelulusan serta kebenaran rasmi daripada pihak berkuasa berwajib. Sekiranya tanah tersebut merupakan tanah persendirian, proses pengambilalihan atau penukaran status perlu diselesaikan terlebih dahulu bagi mengelakkan isu pentadbiran dan pengurusan di kemudian hari.

Selain itu, perlu juga diambil kira bahawa kajian kesesuaian tapak dan kajian teknikal tanah merupakan keperluan penting sebelum sebarang projek pembangunan seperti trek balapan dapat dilaksanakan. Kajian ini melibatkan aspek kejuruteraan, saliran, keselamatan struktur serta impak terhadap persekitaran sekeliling. Kajian tersebut memerlukan peruntukan yang besar dan biasanya dilaksanakan oleh agensi teknikal yang diiktiraf bagi memastikan tapak yang dicadangkan benar-benar sesuai dan selamat untuk pembangunan infrastruktur sukan. Sehubungan itu, sekiranya isu pemilikan tanah dapat diselesaikan dan kajian tapak berjaya dijalankan dengan keputusan yang positif, pihak JBS Perak bersedia untuk meneliti cadangan ini secara lebih mendalam dan mengemukakan kepada pihak Kementerian untuk pertimbangan di bawah peruntukan pembangunan sukan yang akan datang. Dalam masa yang sama, pihak JBS Perak turut mengalu-alukan kerjasama dengan agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menilai keperluan serta potensi lokasi yang paling sesuai.

Kerajaan Negeri amat menghargai keprihatinan serta komitmen Yang Berhormat dalam memperjuangkan kemudahan sukan untuk manfaat rakyat. Dengan perancangan rapi, sokongan pelbagai agensi serta peruntukan mencukupi, cadangan pembinaan trek larian balapan di Tapah ini berpotensi besar menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat sukan tempatan dan gaya hidup sihat masyarakat setempat.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

2. Kemudahan kesihatan

Kemudahan kesihatan merupakan keperluan asas bagi kesejahteraan rakyat. Di kawasan DUN Chenderiang, Hospital Tapah, Klinik kesihatan dan Klinik Desa memainkan peranan penting dalam memberikan rawatan kepada penduduk. Namun, terdapat aduan berhubung kekurangan fasiliti, peralatan perubatan, tenaga kerja kesihatan serta tahap keselesaan pesakit di hospital, klinik dan kemudahan kesihatan sedia ada. Sehubungan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan:

a) Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menambah baik kemudahan Hospital Tapah, Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di kawasan Tapah, khususnya di DUN Chenderiang, termasuk dari segi peningkatan fasiliti, tenaga kerja kesihatan dan peralatan perubatan bagi memenuhi keperluan penduduk setempat seperti penambahan mesin hemodialisis dan sebagainya?

b) Berapakah jumlah Klinik kesihatan dan Klinik Desa di kawasan DUN Chenderiang yang telah atau sedang dinaik taraf? Adakah kerja-kerja pembaikan ini merangkumi peningkatan kemudahan asas seperti bekalan air bersih, sistem saliran, dan ruang rawatan pesakit?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada Persidangan Ketiga 27 November 2025 (Khamis)

JAWAPAN :

Untuk Makluman Yang Berhormat Chenderiang ,
Hospital yang tertua di Malaysia ialah Hospital Taiping yang dibina pada tahun 1880. Ia dikenali sebagai Hospital Yeng Wah. Hospital ini kini memiliki jumlah katil operasi sebanyak 642 dan mencatatkan 41,869 kemasukan pesakit bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025, dengan purata 4,186 kemasukan

sebulan. Kadar penggunaan katil ,**Bed Occupancy Rate (BOR)** bagi tahun 2024 adalah 76.17%. Selain itu Hospital Batu Gajah dibuka pada tahun 1880, dalam masa sama dengan Hospital Taiping. Menurut sejarah, Batu Gajah diiktiraf sebagai hospital kedua tertua di negeri ini selepas Taiping. Hospital ini dengan 7,042 kemasukan pesakit dari Januari hingga Oktober 2025 kini memiliki jumlah katil operasi sebanyak 148 dan kadar penggunaan katil sebanyak 50.69%. Hospital Raja Permaisuri Bainun dibina pada tahun 1891 sebagai sebuah Hospital Daerah. Pada tahun 1942 Hospital ini dinaik taraf sebagai Hospital Negeri. Kini hospital ini menerima 58,932 kemasukan pesakit bagi tempoh Januari hingga Oktober 2025, dengan purata 5,893 kemasukan sebulan, serta mencatatkan BOR sebanyak 75.16% pada tahun 2024.

Hospital Tapah yang dibina dan beroperasi mulai tahun 1888 di persimpangan **Jalan Raja** dan **Jalan Station** di Tapah. Pada tahun **1917** (selepas Perang Dunia I), hospital dipindahkan ke lokasi baru di **Jalan Temoh** (sekitar 1 km dari tapak asal) dengan binaan hospital yang lebih besar. Kini hospital ini masih mampu menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar. Purata pesakit yang mendapatkan rawatan di Hospital Tapah adalah seperti berikut:

- I. Pesakit Dalam: 372 hingga 382 pesakit sebulan
- II. Pesakit Jabatan Kecemasan: 2,300 hingga 2,510 pesakit sebulan
- III. Pesakit Klinik Pakar : 693 hingga 696 pesakit sebulan

Selain itu kerajaan juga memberikan penekanan terhadap penyediaan perkhidmatan kesihatan primer kepada rakyat di kawasan Dun Chenderiang. Asasnya wujud satu (1) Klinik Kesihatan dan (4) Klinik Desa yang menyediakan perkhidmatan bagi penduduk sekitar. Jumlah kehadiran pesakit adalah seperti berikut :

Fasiliti Kesihatan	Jumlah kehadiran Pesakit Harian	
	Harian	Bulanan
Klinik Kesihatan Tapah (Jenis 3)	665	14,267
Klinik Desa Chenderiang	23	339
Klinik Desa Batu 6	21	323

Klinik Desa Batu Melintang	7	102
Klinik Desa Kg Jambai	3	46

Bagi meningkatkan fasiliti dan prasarana di Hospital Tapah, beberapa kerja penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memastikan persekitaran hospital kekal selesa dan selamat untuk pesakit serta petugas. Pada tahun 2025 sebanyak RM 513,724.00 telah diperuntukkan bagi Hospital Tapah untuk tujuan naik taraf fasiliti tersebut. Antara kerja yang telah dijalankan termasuk penambahbaikan infrastruktur di Unit Kecemasan, wad-wad, Unit Farmasi, Unit Kenderaan yang memiliki kenderaan (7 unit Ambulan, 2 Unit Van, 1 unit MPV, 1 unit kenderaan pacuan 4 roda, dan 1 unit van jenazah selain 2 unit kenderaan Spanco), **Unit Patologi (berperanan penting dalam proses diagnosis, pemantauan penyakit, dan menyokong rawatan klinikal) dan Unit Carakerja** (bertanggungjawab mengurus, menyelenggara, dan memastikan semua peralatan serta sistem kerja hospital berfungsi dengan baik). Manakala bagi kerja pembaikan dan naik taraf Klinik Desa Chenderiang, Daerah Batang Padang serta kerja infrastruktur dan kerja-kerja berkaitan kerajaan memperuntukkan RM 481,000.00 dan projek ini telah siap sepenuhnya menjelang awal bulan Disember 2025. Selain itu kerajaan juga memperuntukkan peruntukkan pembangunan bagi setiap Klinik Kesihatan Dan Klinik Desa.

Fasiliti Kesihatan	Jumlah Peruntukan (Persekutuan)	Status Pelaksanaan
Klinik Kesihatan Batu 17 (Jenis 7)	RM 122, 000.00	selesai
Klinik Kesihatan Tapah (Jenis 3)	RM 600, 000.00	selesai
Klinik Desa Batu 6	RM 650, 000.00	selesai
Klinik Desa Batu	RM 200, 000.00	Selesai
TAHUN : 2024	RM 653,210.00	

TAHUN : 2025	RM 554,083.49	

Bagi keperluan peralatan perubatan, Hospital Tapah turut menerima penambahan sebanyak 36 aset perubatan di Unit Hemodialisis, Unit Kecemasan, wad-wad dan Unit Fisioterapi.

Pihak Hospital Tapah turut mengemukakan permohonan pengisian jawatan secara berkala ke Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan kekosongan dapat diisi bagi kesinambungan perkhidmatan. Hospital Tapah juga merancang untuk menambah dan menggantikan beberapa peralatan perubatan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan. Permohonan telah dikemukakan bagi penggantian tiga (3) unit mesin hemodialisis sedia ada serta penambahan dua (2) unit baharu.

b) Untuk makluman YB Chenderiang, DUN Chenderiang mempunyai sebuah Klinik Kesihatan (Jenis 7) iaitu Klinik Kesihatan Batu 17 dan empat buah Klinik Desa iaitu Klinik Desa Chenderiang, Klinik Desa Batu 6, Klinik Desa Batu Melintang dan Klinik Desa Kampung Jambai.

Fasiliti Kesihatan	Status Naik Taraf
Klinik Kesihatan Batu 17 (Jenis 7)	Selesai proses naik taraf infrastruktur pada tahun 2024 yang merangkumi naik taraf pendawaian elektrik bernilai RM 122,000.00
Klinik Desa Batu 6	Selesai roboh dan dibina bangunan baru pada tahun 2024 yang merangkumi naik taraf kemudahan asas seperti ruang rawatan pesakit,

	pendawaian elektrik dan sistem saliran melibatkan kos RM 650,000.00
Klinik Desa Chenderiang	Proses naik taraf bangunan dan infrastruktur berkaitan pada 2025 yang merangkumi naik taraf kemudahan asas seperti ruang rawatan pesakit, pendawaian elektrik dan sistem saliran bernilai RM 481,000.00
Klinik Desa Batu Melintang	Proses naik taraf infrastruktur pada tahun 2025 yang merangkumi naik taraf pendawaian elektrik bernilai RM 200,000.00

Bagi fasiliti Hospital Tapah sehingga kini sistem bekalan air, elektrik, saliran serta tempat letak kenderaan dalam keadaan yang baik dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan yang perlu.

Bagi fasiliti Klinik Kesihatan dan Klinik Desa, keadaan kemudahan asas air dan saliran adalah baik dan mencukupi. Bagi Klinik Desa Batu 6 bekalan air bukit merawat dapat menyediakan bekalan air yang mencukupi ke fasiliti tersebut.

3. Bencana tanah runtuh dan banjir kilat

Beberapa kawasan di sekitar DUN Chenderiang telah mengalami tanah runtuh kecil dan banjir kilat, terutamanya selepas hujan lebat yang menjejaskan keselamatan penduduk dan pengguna jalan raya. Sehubungan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan negeri:

a) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani kejadian tanah runtuh di Taman Bunga Raya Tapah dan Taman Highland dan banjir kilat di kawasan sekitar Kampung Baru Chenderiang, Taman Seri Chenderiang, Kampung Pahang, Taman Highland, Kampung Samy dan Taman sekitar Jalan Pahang sampai ke batu 6 termasuk usaha jangka panjang untuk mengurangkan risiko bencana di kawasan berisiko tinggi tersebut?

b) Bilakah projek-projek tebatan banjir akan dilaksanakan oleh JPS di Kg Baru Chenderiang seperti pembinaan asas ban sungai yang akan memudahkan kerja penyelenggaraan di masa hadapan dan dapat memastikan tahap keberkesanan penyelenggaraan lebih optimum?

b) Apakah status laporan Siasatan Tanah (Soil Investigation- SI) terkini yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk Insiden tanah runtuh di Taman Bunga Raya Tapah?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN:

- a) Tindakan telah diambil oleh pihak Lembaga Air Perak (LAP) dengan adanya juga kerjasama pemaju yang telah disusuli dalam Mesyuarat Khas Bencana Daerah Batang Padang.
- b) Bagi kes jalan banjir di Jalan Pahang, Majlis Daerah Tapah telah membuat semakan awal melibatkan Kg. Tradisional Kg Azam dengan Taman Tapah 2 yang menyumbang kepada banjir kilat pada awal September 2025.
- c) Satu pertemuan bersama pemaju taman ini akan diadakan bagi membincang dan mencari penyelesaian.
- d) Tindakan seterusnya dan kesiapsagaan untuk mengambil tindakan adalah dijangkakan pada awal tahun 2026.
- e) Lima (5) lagi lokasi dalam pemantauan Majlis Daerah Tapah dan pihak Majlis Daerah Tapah akan sebaiknya bersiap sedia dalam memberi bantuan atas mengikut kapasiti Majlis Daerah Tapah .
- f) Pihak JPS Negeri Perak telah memohon Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan yang merangkumi Sungai Chenderiang termasuk Kg Baru Chenderiang dalam Rancangan Malaysia (RMK) dibawah Peruntukan Persekutuan setiap tahun.
- g) Walau bagaimanapun, sehingga kini projek tersebut masih belum mendapat keutamaan dan kelulusan di peringkat Persekutuan.
- h) Sekiranya kelulusan diperolehi, pelaksanaan RTB tersebut akan disegerakan.
- i) Kerja-kerja pembinaan asas ban sungai akan terus dilaksanakan secara tahunan tertakluk kepada kecukupan peruntukan tahun semasa di bawah program yang berkaitan.
- j) Pendekatan ini bertujuan memastikan kesinambungan fungsi kawalan banjir serta memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan jangka panjang secara lebih optimum.
- k) Soil Investigation (SI) yang disebut bukanlah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.
- l) Berdasarkan maklum balas Pejabat Kewangan Negeri kepada Majlis Daerah Tapah (MDT), permohonan peruntukan tidak dipertimbangkan setelah mengambil kira bahawa berlaku pencerobohan oleh pemaju ke atas tanah rizab Lembaga Air Perak (LAP).
- m) Setakat ini, pemaju tidak memberi komitmen untuk membiayai kos SI namun bersedia membaiki kerosakan pada struktur rumah yang diakibatkan oleh tanah rebak dan kerosakan pada struktur tanah. Selain itu, pemaju akan membina gabion wall dan melaksanakan Mackintosh Probe Test sebagai langkah pemantauan berterusan terhadap pergerakan tanah.
- n) Pemaju kini sedang menunggu maklum balas pihak penduduk bagi memuktamadkan perjanjian berkaitan tawaran untuk membaiki kerosakan ke atas rumah-rumah terjejas.

SOALAN-SOALAN LISAN

1. BANJIR.

- a) Adakah kerajaan bercadang mewujudkan siren amaran banjir dalam kawasan RPT Desa Seri Chepor dan Kg Besi ?
- b) Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mengatasi banjir kilat di Klebang Aman ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN:

- a) Kedudukan RPT Desa Seri Chepor dan Kg Besi adalah berhampiran dengan pertembungan antara dua (2) sungai iaitu Sungai Chepor dan Sungai Pari.
- b) Cadangan bagi memasang siren amaran banjir di kawasan ini adalah boleh dipertimbangkan atas faktor pertembungan dua (2) sungai tersebut serta berisiko untuk berlakunya kejadian banjir.
- c) Namun demikian, ianya perlu dilihat daripada aspek menyeluruh keperluan tersebut termasuk lokasi-lokasi lain yang lebih kritikal untuk pelaksanaan siren berkenaan.
- d) Berkenaan dengan siren amaran banjir, pihak JPS sedang melaksanakan projek sistem telemetri hidrologi untuk Projek Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 2 di seluruh Negeri Perak.
- e) Dalam pembangunan tersebut terdapat 27 stesen siren akan dibangunkan di kawasan-kawasan hotspot banjir yang telah dikenalpasti terdahulu. Berdasarkan semakan, lokasi yang dinyatakan tidak disebut dalam cadangan pembangunan sediaada.
- f) Namun, pihak jabatan akan meneliti permohonan tersebut untuk dimasukkan dalam cadangan pada masa akan datang.

Bagi menjawab soalan (b)

- g) Kejadian banjir kilat di Klebang Aman berlaku berpunca daripada kelemahan sistem perparitan dalaman yang tidak dapat menampung air pengaliran sedia ada.
- h) Ini juga termasuk pertambahan aliran dari kawasan pembangunan yang sedang dibangunkan berdekatan kawasan perumahan tersebut.
- i) Kedudukan Sungai Klebang adalah jauh dari kawasan banjir tersebut dan tiada rekod limpahan sungai dicatatkan.
- j) Pihak Majlis Bandaraya Ipoh mengambil maklum berkenaan kejadian banjir kilat yang berlaku di sekitar Klebang Aman.
- k) Punca kejadian banjir ini adalah disebabkan sistem pengaliran air sedia ada tidak dapat menampung jumlah air kerana terdapat 2 skim pembangunan yang sedang dalam pengorekan kerja tanah dan binaan struktur bangunan.
- l) Pihak Majlis Bandaraya Ipoh telah meminta pihak pemaju dan perunding untuk membuat kajian dan menaik taraf semula ukuran pembentung longkang yang merentasi jalan utama Klebang Aman kepada saiz yang lebih besar.
- m) Pihak Majlis Bandaraya Ipoh juga telah mengarahkan pihak pemaju menyegerakan pembinaan kolam tadahan sementara bagi mengalirkan air yang bertakung di atas jalan

ke kolam tadahan tersebut sebelum dialirkan ke sungai berdekatan.

- n) Pihak Majlis Bandaraya Ipoh juga akan bekerjasama dengan agensi Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan Sungai Pari bagi mengimbangi dan mengurangkan risiko kejadian banjir di kawasan tersebut.

2. 3. HAIWAN BERKELIARAN.

(a) Apakah usaha segera kerajaan bagi mencegah isu lembu dan kerbau yang masih berkeliaran dalam DUN Manjoi seperti di perumahan Taman Jati, Gerbang Meru Indah, Laluan Masjid Al-Ansar Taman Meru Permai dan Bandar Meru Raya ?

(b) Apakah usaha kerajaan mengatasi masalah najis binatang tersebut yang bertaburan di jalan terutama di Jalan Utama Bandar Meru Raya dan juga laluan masjid ?

(c) Adakah kerajaan mempunyai langkah-langkah bagi mengatasi gangguan babi hutan yang masih mengganggu kawasan penduduk di Kampung Sungai Kati disebabkan tanah rizab yang tidak diselenggara ?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh telah melaksanakan sebanyak 39 rondaan dan kawalan berjadual pada tahun 2024 dengan rekod tangkapan berjumlah 1 ekor kerbau berjaya ditangkap di kawasan Hutan Meru Gerbang Indah berhampiran Masjid Muhammad AlFateh.

Manakala sehingga Oktober 2025, sebanyak 35 rondaan telah dilaksanakan dengan 2 ekor kerbau berjaya ditangkap di kawasan Gerbang Meru Indah dan Laluan Meru Indah E2.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Antara usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh terhadap masalah najis binatang yang bertaburan di jalan utama adalah dengan memberi teguran dan nasihat kepada pemilik / penternak binatang berkenaan supaya membersihkan najis binatang ternakan agar tidak mendatangkan kacau ganggu bau dan sebagainya kepada penduduk sekitar.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan melalui Jabatan Perhilitan Negeri Perak mengambil maklum mengenai isu gangguan babi hutan yang masih berlaku di kawasan Kampung Sungai Kati, yang didakwa berpunca daripada keadaan tanah rizab yang tidak diselenggara dan menjadi kawasan semak yang menarik kehadiran hidupan liar tersebut.

Jabatan PERHILITAN melalui PERHILITAN Daerah Kinta telah menjalankan pemeriksaan di kawasan yang terlibat. Berdasarkan pemantauan, kehadiran babi hutan di kawasan kampung ini adalah dipengaruhi oleh:

1. Kehadiran kawasan semak di tanah rizab yang tidak diselenggara;
2. Faktor sumber makanan di kawasan kampung; dan
3. Laluan pergerakan spesies ini yang berdekatan dengan kawasan hutan berhampiran.

Bagi menangani isu ini, Kerajaan melalui Jabatan PERHILITAN telah menjalankan beberapa langkah kawalan, termasuk:

1. Aktiviti kawalan populasi secara berjadual mengikut keperluan dan keselamatan;
2. Pemasangan perangkap di lokasi strategik yang dipersetujui oleh penduduk;
3. Penyampaian nasihat mitigasi kepada penduduk berkaitan langkah pencegahan dan pengurusan sisa; serta

4. Pemantauan berkala di kawasan kampung yang berisiko.

Kerajaan komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk Kampung Sungai Kati sentiasa terjamin. Usaha-usaha mitigasi akan diteruskan dan ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan maklum balas penduduk serta keperluan di lapangan.

Soalan Dari : YB ENCIK ONG BOON PIOW
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BERCHAM)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Tentang keadaan bekerja yang disediakan oleh pihak majikan.

- i. Apakah tindakan diambil oleh pihak kerajaan ke atas majikan, yang tidak memberi hari cuti minggu kepada pekerja, hingga pekerja kena mencari penganti sementara untuk mendapat cuti?
- ii. Banyak pekerja “Promoter” di pusat membeli belah terpaksa berdiri sepanjang waktu kerja , dan tidak diberi kerusi untuk duduk, hingga sebahagian mereka mengalami kesakitan tulang belakang dan kaki, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
- iii. Merujuk soalan bahagian i dan ii , apakah cadangan pihak kerajaan agar pihak pekerja boleh membuat aduan, dan mendapat khidmat kaunseling?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN :

Dato’ Seri Yang Dipertua,

Merujuk kepada soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Bercham, Berdasarkan Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan merujuk kepada Seksyen 59(1), setiap pekerja berhak mendapat sekurang-kurangnya satu hari rehat dalam setiap tujuh hari bekerja. Memetik petikan seksyen tersebut iaitu “ setiap pekerja hendaklah dibenarkan dalam setiap minggu satu hari rehat sehari penuh sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh majikan, dan sekiranya pekerja dibenarkan lebih daripada satu hari rehat

dalam satu minggu maka hari rehat yang terakhir daripada hari – hari rehat tersebut hendaklah menjadi hari rehat bagi maksud – maksud di bahagian ini : Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah tidak terpakai dalam tempoh pekerja itu sedang cuti bersalin sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 37 atau sedang cuti sakit sebagaimana yang diperuntukan di bawah seksyen 60F, atau dalam tempoh ketidakupayaan sementara di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952, atau di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.”

Tindakan majikan yang tidak memberikan hari rehat mingguan atau memaksa pekerja mencari pengganti sendiri untuk bercuti boleh dianggap sebagai satu pelanggaran undang-undang buruh di bawah seksyen ini. Pekerja yang terlibat boleh membuat aduan secara terus melalui kehadiran secara sendiri ataupun melalui e-mail kepada Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran bagi tindakan lanjut pihak jabatan ini.

Sekiranya aduan ini berasas, pihak jabatan akan memerintahkan tindakan lanjut ini diambil. Berikut merupakan tindakan yang sewajarnya di kenakan keatas majikan:

a) Arahan Pematuhan (*Compliance Order*) Notis pematuhan akan dikeluarkan kepada majikan dan diminta untuk memperbetulkan tindakan ini kepada pekerja.

b) JTK boleh mengarahkan majikan:

- Memberi hari rehat sewajarnya; dan
- Membayar semula bayaran ganti hari rehat kepada pekerja melalui medium mahkamah buruh.

Selain tindakan ini, pihak jabatan juga boleh mengeluarkan kompaun dan meneruskan tindakan pendakwaan terhadap mana – mana majikan yang ingkar dan jika sabit kesalahan majikan boleh didakwa di bawah Seksyen 59 & 99A Akta Kerja 1955 yang memperuntukan hukuman denda hingga RM50,000 bagi setiap kesalahan.

Bagi menjawab soalan kedua ,

Kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengeluarkan Garispanduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Berdiri Semasa Kerja, 2024 dan Garispanduan Penaksiran Risiko Ergonomik di Tempat Kerja, 2017. Kedua-dua garispanduan ini adalah berkaitan dengan aktiviti kerja berdiri. Garispanduan ini dikeluarkan sebagai panduan dan rujukan kepada majikan bagi mengenalpasti dan menaksir risiko yang

berkaitan kerja berdiri. Ia juga memberi panduan pengurusan kerja berdiri yang dapat mengurangkan risiko atau kesan daripada aktiviti kerja berdiri.

Occupational Musculoskeletal Disorders (MSDs) adalah penyakit pekerjaan, contohnya seperti sakit belakang, sakit leher, carpal tunnel syndrome dan lain-lain. Penyakit pekerjaan perlu disahkan oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan berdasarkan kepada pelbagai aspek penilaian di antaranya melibatkan persekitaran dan aktiviti di tempat kerja.

Pada tahun 2025, JKKP Perak telah menerima sebanyak 7 kes pelaporan berkait dengan MSDs melibatkan pekerja dari sektor pengilangan/ pembuatan dan perkhidmatan perniagaan. Namun, tiada sebarang pelaporan penyakit pekerjaan berkait dengan MSDs diterima dari sektor industri borong dan runcit.

JKKP Perak juga menjalankan penguatkuasaan melalui audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor industri borong dan runcit. Audit tersebut bertujuan menilai tahap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di mana antara elemen yang di audit adalah berkaitan dengan ergonomik.

Sebanyak 26 tempat kerja sektor borong dan runcit telah di audit pada tahun 2024 dan 2025. Susulan daripada audit tersebut, JKKP Perak telah mengeluarkan sebanyak 26 surat arahan yang berkait dengan isu kesihatan termasuk keperluan oleh pihak majikan untuk menjalankan Penaksiran Risiko Ergonomik (ERA). Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022) majikan perlu melantikan seorang Penyelaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-C) bagi setiap tempat kerja yang mempunyai 5 atau lebih jumlah pekerja bagi menasihati keperluan majikan terhadap pematuhan perundangan KKP dan kebajikan pekerja.

Bagi memastikan perlaksanaan dan bimbingan dijalankan secara konsisten berkaitan KKP, pihak jabatan telah menjalankan beberapa program untuk majikan termasuk sektor industri borong dan runcit. Antaranya program tersebut adalah:

- i. Program Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise (SOLVE 4 SME) iaitu satu program yang bersistematik iaitu Verifikasi dan Peningkatkan Aras KKP Secara Berperingkat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana. Yang mana bagi

tahun 2025, 5 majikan bagi sektor industri borong dan runcit telah menyertai program ini.

- ii. Program Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SOHELP) untuk meningkatkan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja terutamanya dalam aspek pengurusan kimia, ergonomik dan pendedahan bising.

Bagi menjawab soalan ketiga Yang Berhormat Bercham ,

Pihak Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bersama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak sentiasa menjaga kebajikan samada pekerja mahupun majikan. Pelbagai medium masyarakat boleh membuat aduan secara terus ataupun secara atas talian bagi menzahirkan aduan mereka.

Pengadu boleh hadir ke mana-mana lokasi Pejabat Tenaga Kerja (PTK) yang berhampiran. Berikut merupakan senarai Pejabat Tenaga Kerja yang berada di dalam Negeri Perak:

1. PTK Ipoh
2. PTK Taiping
3. PTK Sitiawan
4. PTK Teluk Intan
5. PTK Kuala Kangsar
6. PTK Tapah
7. Cawangan Kecil Gerik

Pengadu juga boleh menghubungi secara terus pihak Jabatan Tenaga Kerja mahupun mana-mana Pejabat Tenaga Kerja cawangan bagi mendapatkan nasihat perburuhan, mengajukan pertanyaan dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan jabatan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak di talian 05-254 5271 dan e-mail jabatan iaitu jtknperak@mohr.gov.my

Untuk JKPP pula sekiranya Jika majikan gagal mengambil tindakan aduan pekerja, pekerja boleh terus membuat aduan terus ke pejabat JKPP melalui

emel kepada jabatan (jkkppk@mohr.gov.my) atau melalui sistem myKKP / panggilan talifon (05-2549711/05-2555219) / hadir ke pejabat JKPP Perak. JKPP akan menjalankan siasatan lanjut untuk setiap aduan yang diterima.

2. Tentang pembayaran fi pengurusan di kawasan perumahan dan komersil bentuk hak milik strata?
- i. Apakah pendekatan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah keengganan untuk membayar fi pengurusan kepada pihak pengurusan yang diberi amanat?
 - ii. Pihak kerajaan manakah yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sistem pengurusan atau perbadanan ini?
 - iii. Sila berikan contoh-contoh hasil kerja pihak kerajaan yang membantu pihak pengurusan, yang telah gagal berfungsi akibat pemilik enggan membayar fi pengurusan, dan kembali berfungsi semula ?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sentiasa memberi khidmat nasihat selaras dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) bagi mengatasi masalah keengganan untuk membayar fi pengurusan iaitu pematuhan / penguatkuasaan terhadap seksyen 33, 34, 77, 78 dan 105 dan Perkara 3, di dalam Jadual Keempat.

Oleh yang demikian, merujuk kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), pihak pengurusan (Pemaju / JMB / MC / Sub-MC / Ejen Pengurusan) bertanggungjawab untuk mengutip caj dan melaksanakan penguatkuasaan terhadap pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan caj dengan memfailkan kes ke Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak yang mengawal selia pengurusan di semua skim strata adalah seperti berikut:

- a. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- b. Bahagian Pengurusan Strata (BPST), Jabatan Perumahan Negara (JPN); dan
- c. Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB), di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT).

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Contoh skim strata di mana pemaju / JMB / MC yang gagal berfungsi dan telah diaktifkan semula oleh Cawangan Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) adalah Rumah Pangsa Bercham (bersebelahan dengan Econsave) dan Taman Pengkalan Perdana.

Kedua-dua skim ini diuruskan oleh ejen pengurusan yang berdaftar sejak tahun 2020 sehingga sekarang.

3. Tentang tandas “BMW” (Bersih, Menawan, Wangi).

i. Apakah usaha-usaha pihak PBT-PBT sedang diusahakan untuk memastikan tandas awam, tandas pusat membeli belah, tandas restoran mencapai matlamat BMW?

ii. Apakah pendekatan pihak PBT-PBT untuk mengatasi masalah tandas yang kotor, singki dan pili paip yang rosak tetapi tidak diendahkan oleh pihak bertanggungjawab ?

iii. Apakah galakan atau pengiktirafan yang diberi untuk pihak yang telah mencapai tandas BMW, dan sentiasa dijaga dalam tahap BMW?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak PBT sedang melaksanakan beberapa usaha bagi memastikan tandas awam mencapai matlamat Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) sebagaimana yang digariskan dalam Garis Panduan Pengurusan dan Penarafan Bintang Tandas Awam yang bertujuan meningkatkan kebersihan dan kualiti tandas awam. Antaranya menaik taraf tandas-tandas awam dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh pihak KPKT.

Selain itu, pihak PBT turut mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan seperti pengusaha restoran supaya mematuhi standard kebersihan tandas serta meningkatkan kualiti kebersihan tandas. PBT juga turut menetapkan syarat mencapai status tandas BMW sebagai salah satu syarat bagi kelulusan dan pembaharuan lesen premis perniagaan.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak PBT akan mengeluarkan notis arahan kepada pemilik premis yang tidak mematuhi standard piawaian yang ditetapkan. Seterusnya tindakan kompaun akan dikeluarkan mengikut UUK Pelesenan Tred dan Perindustrian bagi pemilik yang ingkar. Pemantauan berkala akan dilaksanakan bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah dilakukan.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak KPKT telah menganjurkan Program Anugerah *Toilet of The Year Award* (TOTYA) sejak tahun 2023 sebagai satu inisiatif untuk mengiktiraf tandas-awam yang memenuhi standard BMW. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pemilik premis dan pemilik premis yang berjaya akan mendapat piala, sijil, dan serta wang tunai.

Manakala pengiktirafan di peringkat PBT adalah program penilaian tandas awam dan premis makanan dalam kawasan mereka, premis yang berjaya mendapat penarafan baik akan dipromosikan serta menerima hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan.

Soalan Dari : YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (GUNONG SEMANGGOL)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 1. Mohon kerajaan negeri menjelaskan sama ada terdapat pelan induk atau dasar khas yang telah dirangka bagi memperkasa dan memajukan Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak untuk tujuan pembangunan ekonomi, termasuk bagi manfaat masyarakat Melayu setempat, tanpa menjejaskan status dan kedudukan tanah rizab tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah Enakmen Rizab Melayu.
 - a. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memperkukuh pentadbiran Tanah Rizab Melayu dengan menggunakan teknologi geospasial atau pangkalan data digital bagi mengelakkan kehilangan data dan memastikan ketelusan?
 - b. Apakah peranan dan tindakan kerajaan negeri dalam memastikan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil kira sempadan Tanah Rizab Melayu dalam penyediaan pelan pembangunan dan Rancangan Tempatan masing-masing?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Gunung Semanggol, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam mengurus dan mentadbir Tanah Rizab Melayu dengan ketelusan, kecekapan serta berteraskan prinsip pemeliharaan kepentingan orang Melayu seperti termaktub dalam Enakmen Rizab Melayu dan perkara 89 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan laporan *The Economic Development of Malaya, Report of a Mission organized by the International Bank for Reconstruction and Development at the request of The Government of the Federation of Malaya, the Crown Colony of Singapore and the United Kingdom, 1955*, pewartaan yang telah disempurnakan oleh pihak British pada ketika itu untuk jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu Negeri Perak sebelum merdeka adalah seluas **928,859.73 hektar iaitu 44.15%** daripada keseluruhan keluasan negeri Perak.

Kini, **keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak meningkat kepada 953,178.52 hektar (45.07%)**. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menambah pewartaan tanah rizab bagi memperkukuh kepentingan orang Melayu.

Seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dengan kerjasama daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perak serta semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Perak, telah melaksanakan langkah-langkah strategik untuk memperkukuh pentadbiran Tanah Rizab Melayu melalui penggunaan teknologi geospasial dan pangkalan data digital. Sistem pemetaan yang boleh menyelaraskan lokasi-lokasi strategik Tanah-Tanah Rizab Melayu telah dikenal pasti, membolehkan pelan perancangan pembangunan Tanah Rizab Melayu dirangka secara strategik dan inklusif.

Pelan digital spatial yang boleh diintegrasikan dengan sistem eTanah dan eKadaster akan memudahkan koordinasi dalam agenda pembangunan dan pemajuan yang boleh diselaraskan di dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Dalam hal ini, perancangan pembangunan boleh dijana untuk disesuaikan dengan permintaan di kalangan orang Melayu dalam pelan pembangunan RTD agar tanah-tanah rizab Melayu menyumbang kepada pemajuan dan pertumbuhan ekonomi setempat.

2. 2. Mohon kerajaan negeri menyatakan berapakah jumlah peratusan guna tanah di kawasan perindustrian di seluruh Negeri Perak yang telah dimajukan dan digunakan secara aktif berbanding jumlah keseluruhan tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan perindustrian, serta apakah langkah-langkah strategik yang sedang diambil bagi memastikan baki tanah industri tidak terbiar dan dimanfaatkan untuk menarik pelaburan baharu?
- a. Berapakah pelaburan yang telah masuk dan diluluskan bagi semua kawasan perindustrian di negeri Perak mengikut kepada daerah?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Gunong Semanggol,

Berdasarkan data Guna Tanah Zoning Perindustrian Negeri Perak, jumlah keseluruhan tanah yang telah dizonkan bagi tujuan perindustrian adalah seluas 30,753.75 hektar. Daripada jumlah tersebut, berdasarkan Data Guna Tanah Semasa Negeri Perak bagi tempoh Julai hingga Disember 2024, seluas 14,426.43 hektar telah dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Ini menjadikan kadar pembangunan guna tanah industri di Negeri Perak berada pada tahap 46.91%.

Selaras dengan hala tuju pembangunan jangka panjang, Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (RSN Perak 2040) turut menetapkan strategi khusus melalui Dasar Perancangan 10 (RSA10): Memperkukuhkan Pembangunan Negeri Perak Dengan Promosi dan Insentif Berkesan, antaranya:

- Inisiatif 10.1.2 – Menyediakan kit pemasaran dan portal web yang menampilkan maklumat serta peta komprehensif berkaitan tapak industri, kemudahan sokongan, aksesibiliti dan insentif bagi setiap kawasan perindustrian di seluruh Negeri Perak.
- Inisiatif 10.1.3 – Memastikan liputan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi disediakan pada kadar berpatutan di semua kawasan perindustrian yang strategik.
- Inisiatif 10.1.4 – Membangun dan menaik taraf kawasan perindustrian dengan menyediakan kemudahan serta infrastruktur yang cekap, bersepadu dan bersesuaian dengan keperluan kluster industri semasa.
- Inisiatif 10.1.5 – Membina terminal kargo khususnya di Daerah Manjung bagi memperkukuh daya tarikan pelaburan dan merangsang aktiviti perindustrian.

Pada masa ini, Kajian Semula RSN Perak 2040 sedang dilaksanakan untuk menilai semula dasar serta inisiatif berkaitan pembangunan industri. Sebarang isu pelaksanaan dasar terdahulu akan ditangani berdasarkan dapatan semasa dan diselaraskan dalam penyediaan Draf Rancangan Struktur yang akan dibentangkan kelak.

Trend pembangunan perindustrian di Negeri Perak kini menunjukkan pertumbuhan positif, didorong oleh pelaksanaan beberapa projek perindustrian berimpak tinggi seperti:

- Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) di Tanjung Malim,
- Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) di Manjung,
- Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP),
- Perak Halal Industrial Park (HIP) di Sitiawan, dan
- Silver Valley Technology Park (SVTP) di Kinta.

Kesemua projek ini dijangka merancakkan lagi ekosistem perindustrian negeri serta menambah keluasan guna tanah industri secara signifikan dalam tempoh akan datang.

Selain itu, data pelaburan yang telah masuk dan diluluskan bagi semua kawasan perindustrian di Negeri Perak bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Sebanyak 74 projek pelaburan telah direkodkan dengan nilai pelaburan keseluruhan berjumlah RM 7,896 billion. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

- Kinta: 44 pelaburan
- Muallim: 15 pelaburan
- Larut, Matang & Selama: 4 pelaburan
- Kuala Kangsar: 1 pelaburan
- Hilir Perak: 2 pelaburan
- Bagan Datuk: 1 pelaburan
- Kampar: 2 pelaburan
- Perak Tengah: 2 pelaburan
- Kerian: 1 pelaburan
- Batang Padang: 2 pelaburan

Prestasi ini membuktikan bahawa Negeri Perak kekal sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan diyakini oleh para pelabur. Usaha kerajaan negeri memperkukuhkan infrastruktur, menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dan menambah baik insentif pelaburan telah berjaya menarik minat pelabur tempatan dan antarabangsa untuk memilih Perak sebagai lokasi pelaburan strategik mereka.

3. Apakah dasar dan pelan tindakan kerajaan negeri dalam memperkukuh subsektor penanaman padi bagi meningkatkan tahap keterjaminan makanan di Negeri Perak, termasuk usaha menaik taraf infrastruktur pengairan, penggunaan benih padi

berkualiti, serta sokongan kepada pesawah melalui insentif dan latihan teknologi moden?

Jawapan Soalan 3

Dasar Agromakanan (DAN 2.0) **berteraskan pembangunan mampan dan bertujuan menjamin keterjaminan makanan negara melalui sektor agromakanan yang berdaya tahan, moden dan berteknologi tinggi.** Tempoh pelaksanaan adalah dari tahun 2021–2030 dengan tiga (3) prinsip pembangunan mampan melibatkan ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam menghadapi cabaran global seperti perubahan iklim, pandemik dan krisis bekalan makanan. Melalui Rancangan Malaysia ke-12 dan 13 dapat mempercepatkan pelaksanaan projek strategik dan selari dengan matlamat DAN 2.0 dan Pelan Tindakan melalui peruntukan yang disalurkan bagi kawasan Jelapang Padi di bawah tadbir urus IADA Kerian telah dirangka untuk dilaksanakan bagi memperkukuh subsektor industri padi. Antara inisiatif utama yang dijalankan termasuk:

1. Program Menaiktaraf Infrastruktur Saliran dan Penyelenggaraan Jalan Pertanian

a) Menaiktaraf Infrastruktur Saliran

Program ini melibatkan kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur saliran sawah yang telah uzur dan usang. Pelaksanaan secara berkala dan bersistematik amat penting bagi memastikan kecekapan sistem pengairan dan saliran dapat dikekalkan. Antara komponen utama yang diberi perhatian termasuk:

- i) Pembinaan dan baik pulih parit, kolam takungan, serta pintu air,
- ii) Menaiktaraf tali air utama, sekunder dan tertier; dan
- iii) Pemantapan sistem kawalan air bagi menjamin bekalan air mencukupi serta terkawal ke setiap petak sawah

Langkah ini dijangka dapat meningkatkan keberkesanan pengairan, mengurangkan risiko kekurangan air ketika musim kritikal, dan seterusnya meningkatkan hasil tanaman padi secara menyeluruh.

b) Penyelenggaraan Jalan Pertanian

Penyelenggaraan jalan pertanian yang dilaksanakan oleh IADA Kerian bertujuan memudahkan pergerakan jentera pertanian seperti jentuai serta pengurusan logistik oleh pesawah. Jalan pertanian yang diselenggara dengan baik membolehkan:

- i) Pengangkutan hasil tuaian ke pusat pengumpulan padi dilakukan dengan lebih cepat dan selamat,
- ii) Mengurangkan kerugian selepas tuaian akibat kelewatan pengangkutan, dan
- iii) Meminimalkan kos operasi pengurusan padi melalui kecekapan logistik.

Penambahbaikan menyeluruh terhadap sistem saliran dan jaringan jalan pertanian ini dijangka dapat membantu mencapai sasaran peningkatan hasil padi kepada 4.4 metrik tan per hektar (mt/ha) pada tahun 2025.

Melalui pembinaan dan penaiktarafan ini, kehilangan sumber air semasa proses penghantaran bekalan dapat dikurangkan dengan lebih berkesan, sekali gus memastikan bekalan air yang lebih stabil, terkawal, dan efisien kepada petak-petak sawah.

2. Program Insentif Kepada Pesawah.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), antara insentif telah dilaksanakan bagi memperkukuh subsektor penanaman padi, melibatkan empat (4) program berikut:

a) Program Pengurusan Pertanian Tepat dan Kelestarian Pertanian dirangka bagi menangani serangan perosak penyakit melalui pelaksanaan:

- i) Program Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) dan Kawalan Kemerebakan Penyakit (Outbreak) dengan kaedah kawalan secara kimia, fizikal dan biologi.
- ii) Program SMART SBB yang dilaksanakan dengan memberikan pendedahan kepada golongan pesawah pakej teknologi terkini penanaman bagi peningkatan hasil padi menggunakan transplanter.
- iii) Penggunaan mekanisasi dan automasi di mana dron digunakan bagi membuat semburan racun serangga di kawasan sawah dengan pemantauan secara sistematik dan teratur.

b) Program Pengurusan, Pemulihan dan Peningkatan Kesuburan Tanah di mana beberapa program yang dilaksanakan adalah seperti :

- i) Kerja-kerja menaiktaraf dalam petak sawah, parit ladang, perataan, menambun, kotak kawalan dan batas sawah
- ii) Pembelian input bagi peningkatan kesuburan tanah, pengapuran serta analisa sampel tanah
- iii) Pengamalan Pertanian Baik dengan pematuhan *Rice Check* juga diterapkan kepada pesawah bagi memastikan penanaman padi dilaksanakan secara terancang, bersepadu dan menyeluruh

c) Program Pengurusan Mengatasi Masalah Tanah Jerlus, di mana beberapa program yang dilaksanakan adalah melibatkan tiga (3) skop utama:

- i) Skop 1: Kerja-Kerja Membina Dan Menaiktaraf Petak Sawah (On Farm) melibatkan perataan sawah (1,459 ha), pembinaan dan penyelenggaraan parit ladang (1,524,800 m), bagi memastikan sistem saliran dan pengairan sawah berfungsi dengan lebih efisien. membina parit pengumpul, menambun tanah sawah dan menjalankan kajian yang berkaitan seperti Kajian Keupayaan Galas Tanah (KGT). Pelaksanaan kajian ini bersama pihak Bahagian Pengurusan Sumber Tanah, BPST bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang berisiko mengalami tanah jerlus dan mengeluarkan pengesyoran penggunaan mekanisasi yang bersesuaian dengan masalah di lapangan.
- ii) Skop 2: Perolehan dan Perkhidmatan Teknologi Mengatasi tanah Jerlus meliputi kawasan seluas 1,500 ha termasuk penggunaan teknologi moden, pemberian input, jentera (Mini harvester, Traktor Roller Chain) mesin, peralatan dan perkakasan (contoh penetrolloger, pH meter, dron dan sebagainya serta operasi pam bergerak).
- iii) Skop 3: Kerja-kerja Penyelenggara Infrastruktur Saliran dimana Drainage Outlet (DO) dan Struktur Kawalan Air (DEC) perlu diselenggara secara berkala bagi memastikan air dapat dikeringkan dari petak sawah agar hasil padi dapat dituai.
- iv) Skop 4: Insentif, Sokongan dan Galakan Program Pengurusan Tanah Jerlus merangkumi penerimaan bantuan dan insentif bagi menggalakkan pesawah mengadaptasi teknologi dan amalan pertanian baik di kawasan berisiko tanah jerlus.

Keseluruhannya, pelaksanaan empat (4) program di atas merupakan pendekatan menyeluruh IADA Kerian terutamanya peruntukan yang diterima bagi Program Pengurusan Mengatasi Masalah Tanah Jerlus Jelapang Padi di Kawasan Kerian Laut Tahun 2025 adalah RM 12,000,000.00 melibatkan keluasan 4,300 ha dengan bilangan pesawah yang terlibat adalah 2,047 orang. Peningkatan Purata Hasil Padi di Kerian Laut pada Musim Utama 2024/2025 adalah 4.10 mt/ha manakala bagi Luar Musim 2025 adalah 4.50 mt/ha berbanding semasa kejadian pada Musim Utama 2023/2024 adalah 3.12 mt/ha sahaja.

Kelulusan projek/ program di dalam Rancangan Malaysia ke-13 pula, IADA Kerian telah tiga (3) projek seperti berikut:

- a) Projek Pembangunan dan Pengurusan Padi
- b) Program Pemeriksaan Rice Check dan Pengukuhan Teknologi ke Arah Peningkatan Hasil Padi
- c) Program Galakan Penggunaan jentera mekanisasi dan Automasi

Diharapkan dengan perancangan tersebut yang merupakan perancangan jangka masa lima (5) tahun akan datang menjadikan Daerah **Kerian sebagai model pembangunan pertanian moden** di Malaysia. Di samping itu, dapat mewujudkan **komuniti pesawah yang celik teknologi moden, kreatif dan inovatif**.

Antara langkah yang sedang dan telah dilaksanakan termasuklah:

i) Pelaksanaan Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

Projek ini dilaksanakan dengan penglibatan pesawah di Jalan Banjar bersama syarikat peneraju iaitu Serba Wangi Sdn Bhd di mana projek ini memfokuskan pengeluaran benih padi yang bermutu tinggi selain menyasarkan KPI hasil sebanyak 4.5 tan per hektar. Insentif yang diberikan melalui penyediaan kawasan dengan mekanisma perataan tanah menggunakan laser leveller, insentif penanaman padi menggunakan transplanter, membantu dalam menyusun atur jadual gerak kerja dan membuat projek pemuliharaan tanah dengan aktiviti pengapuran di bawah peruntukan SIPP dan pada masa yang sama, cerapan data melalui *soil profiling* juga dilaksanakan di kawasan tersebut merupakan kaedah bagi pengambilan sampel tanah bagi mengetahui status tanah di kawasan tersebut.

Di samping itu, teknologi moden yang digunakan adalah melibatkan penggunaan dron bagi kerja membaja dan meracun, sistem sensor tanah, IoT serta aplikasi pemantauan tanaman secara digital bagi memantau pengurusan dan penanaman padi di sawah dan seterusnya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta produktiviti penanaman padi kepada pesawah.

Terdapat peningkatan purata hasil bagi fasa pertama melalui projek SMART SBB iaitu sebanyak 1.09%, dimana peningkatan daripada 2.97 tan/ha kepada 3.24 tan/ha sebelum para peserta terlibat dalam program SMART SBB Untuk fasa kedua purata hasil projek SMART SBB adalah sebanyak 4.85 tan/ha, dimana meningkat 1.49% daripada purata hasil sebelum para peserta terlibat dalam program SMART SBB ini iaitu 3.24 tan/ha.

Pelaksanaan projek berskala besar dengan kerjasama syarikat swasta dan bimbingan dari IADA Kerian mampu melonjakkan hasil padi dengan adaptasi penggunaan teknologi dan pengamalan dalam pengurusan *rice check* yang berkesan oleh pihak pesawah.

ii) Pengurusan Penyakit Secara Bersepadu (IPM)

Program dan aktiviti ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan sepenuhnya pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) yang menggabungkan kaedah kawalan biologi, kimia, fizikal, dan kultural. Melalui penggunaan teknologi moden seperti pemantauan dron ke petak atau lot-lot terlibat, data yang diperolehi membolehkan tindakan kawalan diambil secara efektif, merangkumi strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kawalan pengurusan perosak yang mampan dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pelaksanaan pengurusan perosak mengambil kira faktor menyeluruh terhadap kesan dan faedah kepada manusia dari segi keselamatan dan kelestarian alam sekitar serta peningkatan hasil. Semua pertimbangan ini diintegrasikan melalui pematuhan kepada piawaian amalan terbaik, terutamanya Amalan Senarai Semak Padi (Rice Check) yang ke-7, yang menjurus kepada pengurusan perosak dan penyakit secara optimum.

Kaedah pelaksanaan program ini merangkumi tiga kaedah kawalan utama iaitu:

Pertama, merupakan kawalan kimia menggunakan teknologi moden melalui aplikasi dron untuk semburan racun perosak dan menabur baja.

Kedua, kawalan fizikal/mekanikal dilaksanakan seperti penggunaan transplanter bagi penanaman padi dan merupakan kaedah yang dapat mengawal pertumbuhan padi angin.

Ketiga, kawalan kultura diperkukuh dengan mewujudkan sistem amaran awal melalui penandaan lokasi dan tinjauan lapangan berkala bagi tujuan pemantauan dan pengesanan perosak serta penyakit padi.

Objektif utama program dan aktiviti ini adalah untuk mengurangkan tahap serangan perosak dan penyakit dari 30% kepada 15%, yang secara langsung akan mengurangkan risiko kehilangan hasil dan meningkatkan produktiviti padi di Daerah Kerian.

iii) Mekanisasi dan Automasi Pertanian

Kementerian melalui agensi atau jabatan yang terlibat di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian dalam menyediakan bantuan peralatan moden seperti jentera menuai, traktor berteknologi tinggi dan sistem penanaman tepat (*precision farming*) bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual dan mengurangkan kos pengurusan. Penggunaan jentuai perlulah sesuai mengikut situasi persekitaran sawah, dimana saiz adalah kecil seperti penggunaan mini jentuai untuk mengelakkan terbenam di dalam sawah sewaktu penuaian dilakukan.

iv) Pemindahan Teknologi dan Latihan Pesawah

Program latihan dan demonstrasi teknologi dilaksanakan juga dilakukan dan IADA Kerian bagi memastikan pesawah di daerah Kerian mahir mengaplikasikan teknologi baharu secara mampan. Latihan kepada pesawah melalui lawatan ke kawasan penanaman padi yang telah mendapat hasil yang tinggi dapat memberikan motivasi kepada petani bagi menguruskan sawah dengan lebih berdaya maju.

v) Inovasi Teknologi Hijau/Solar

Penggunaan pam bergerak berkuasa solar semakin berkembang di IADA Kerian. Contoh penggunaan lain adalah pam solar bergerak, pembinaan tubewell, pam booster dan kitar semula sumber air ke kawasan sawah padi. Penggunaan pam berkuasa solar, booster, pam bergerak, tubewell serta kitar semula sumber air ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga fosil dan seterusnya mengurangkan pembebasan karbon di samping mengurangkan kos operasi bagi penanaman padi.

vi) Pengukuhan Organisasi Kumpulan Pengguna Air (KPA)

Peranan Kumpulan Pengguna Air (KPA) dalam sebuah institusi komuniti yang berperanan penting dalam landskap pertanian negara, terutamanya dalam industri penanaman padi. 157 KPA yang aktif dan telah diberikan watak pada tahun 2024. KPA berfungsi menggabungkan peranan para petani untuk berkongsi kemudahan pengairan yang sama serta meningkatkan kompetensi dalam menguruskan sawah padi melalui amalan pengurusan air terbaik dan bijak untuk peningkatan produktiviti hasil padi. Kecekapan dalam pengurusan air dapat meminimumkan pembaziran, menjimatkan sumber, dan memastikan tanaman padi menerima bekalan air yang mencukupi pada fasa pertumbuhan kritikal.

Di samping tu, KPA terlibat dalam pengawasan keselamatan dan prestasi infrastruktur pengairan dengan memantau sekiranya ada yang melibatkan kerosakan atau dirosakkan (vandalism) di kawasan sawah yang diusahakan oleh petani tersebut bagi memastikan pengurusan sumber air dapat dilaksanakan secara optimum dan lestari.

Tanggungjawab bersama di kalangan pesawah melalui gotong royong, kawalan dan pemantauan kemerebakan penyakit perosak bersepadu dapat dilaksanakan dengan terancang melalui KPA termasuk penyelarasan penyediaan jadual tanaman yang seragam.

Dengan memperkasakan KPA melalui latihan dan pendedahan kepada konsep pengurusan moden, Kerajaan berharap agar institusi ini dapat bergerak sebagai entiti yang berdaya maju, bukan sahaja

meningkatkan hasil padi di Daerah Kerian tetapi juga menjamin kelangsungan dan Sekuriti Makanan Negara.

viii. Penglibatan Golongan Muda

Melalui kelulusan program dalam Rancangan Malaysia ke-13 pengwujudan Brigid Tani serta Farmers Free School (FFS) dapat dilaksanakan melalui konsep ini, pesawah yang dilahirkan adalah dari golongan muda yang boleh memahami hasrat kerajaan bagi memastikan industri padi negara memerlukan pelapis yang mempunyai komitmen dalam meningkatkan hasil penanaman padi melalui penglibatan dalam program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan terutamanya IADA Kerian.

Melalui FFS, penglibatan golongan muda dirangka dimana proses pembelajaran secara *hands-on* di sawah dan mengikut modul yang telah digariskan bagi sesi pembelajaran dan melatih golongan belia sebagai pelanggan yang lebih baik untuk sistem pengembangan dan penyelidikan kerana mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas terutamanya menerima pakai aplikasi teknologi moden.

Melalui langkah-langkah ini, Kementerian yakin daerah Kerian berpotensi menjadi hab pengeluaran padi berteknologi tinggi di Perak, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar sara diri (SSR) beras negara.

Untuk makluman YB

Kerajaan Negeri Perak sentiasa memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh subsektor penanaman padi sebagai langkah strategik bagi meningkatkan tahap keterjaminan makanan negeri. Seajar dengan agenda Pelan Perak Sejahtera 2030, beberapa dasar dan pelan tindakan telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian serta agensi teknikal lain di bawah KPKM Inc. Antara tindakan tersebut adalah seperti berikut :

Pertama, berkuatkuasa 16 Februari 2025, kerajaan telah mengumumkan peningkatan subsidi dan harga lantai padi, daripada RM1,300 kepada RM1,500 setan metrik, bagi memastikan pesawah menikmati pulangan yang lebih kompetitif. Pengeluaran benih padi berkualiti juga dipantau melalui Skim Pengeluaran Benih Padi Sah agar benih yang diterima oleh pesawah adalah benih yang berkualiti dan masalah berkaitan benih dapat dikurangkan. Pihak KPKM juga telah menambah 3 lagi pengeluar benih padi sah dan salah satunya ialah syarikat Pertubuhan Peladang Negeri Perak untuk memastikan kecukupan benih padi di pasaran.

Kedua, dari aspek pembangunan kapasiti petani, Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai latihan berkaitan pertanian termasuklah latihan pertanian pintar seperti penggunaan dron untuk penyemburan, sistem pertanian pintar (smart farming), aplikasi IoT, serta amalan pertanian tepat (precision agriculture). Kursus ni ditawarkan secara percuma dan dijalankan di Pusat Latihan Pembangunan Pertanian yang terdapat di 4 daerah iaitu di Perak Tengah, Manjung, Hilir Perak dan Larut, Matang & Selama.

Ketiga, dalam mendepani cabaran perubahan cuaca yang tidak menentu dan mengurangkan risiko kerugian akibat bencana, kerajaan telah memperkenalkan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dan Tabung Bencana Pertanian yang memberi perlindungan kewangan sehingga 50% daripada nilai kerugian kepada pesawah dan petani yang terjejas. Ini adalah bantuan kehilangan hasil yang disediakan bagi membantu meringankan bebanan pesawah dan petani akibat daripada bencana yang berlaku.

Inisiatif-inisiatif ini membuktikan kesungguhan kerajaan negeri untuk memastikan subsektor tanaman padi bukan sahaja mendapat akses kepada teknologi moden dan latihan pertanian pintar, malah turut dijamin pasaran hasil tani dengan harga yang kompetitif, seterusnya menyumbang kepada kestabilan makanan dan ekonomi negeri Perak

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah usaha dan program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan orang islam dan juga usaha menarik minat golongan bukan Islam untuk mendekati dan memeluk agama Islam?

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang Dipertua,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perak sentiasa komited melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan kefahaman Islam dalam kalangan orang Islam dan menarik minat golongan bukan Islam untuk mendekati ajaran Islam melalui penganjuran seminar, kursus, bengkel, kelas pengajian agama, perkhidmatan bimbingan ibadah dan *spiritual care* kepada pesakit di hospital seluruh negeri Perak, *mosque tour* dan *street dakwah* di tempat-tempat awam. Usaha-usaha ini dijalankan secara berterusan melalui kerjasama erat dengan komuniti awam setempat dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Antara aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

- i. Kelas Asas Pengajian Islam Muallaf (APIM) dilaksana 8 kali sebulan di setiap daerah dan di perkampungan orang asli, yang melibatkan 73 org guru APIM dan seramai 2,456 saudara baru;
- ii. Kelas Guru Takmir dilaksana 9 kali sebulan di 16 buah surau diri Jumaat di perkampungan orang asli, yang melibatkan seramai 16 Guru Takmir;
- iii. Program Ziarah Kasih dilaksana 2 kali seminggu oleh pegawai muballiqliq dan penggerak melalui Pejabat Agama Islam di setiap daerah dan perkampungan orang asli; dan
- iv. Program pengkaderan pendakwah orang asli yang mensasarkan seramai 60 orang kader dari masyarakat orang asli. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

-

2. Apakah tindakan dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Perak bagi mengharamkan penjualan serta penggunaan minuman keras (arak) di negeri ini?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang Dipertua,

Yang Berhormat Kampong Gajah telah membangkitkan isu berkenaan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam pengharaman penjualan serta penggunaan minuman keras (arak) di negeri ini.

Penjualan dan penggunaan minuman keras di negeri ini adalah termaktub di bawah Akta Eksais 1976 serta peraturan kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

Antara langkah yang telah diambil dalam pelaksanaan kawalan ke atas penjualan serta penggunaan minuman keras ini adalah seperti berikut;

1. Penjualan minuman keras hanya dibenarkan di premis yang mempunyai lesen penjualan yang sah. Pengeluaran lesen ini tertakluk kepada syarat ketat dan boleh dibatalkan sekiranya berlaku pelanggaran.
2. Tidak dibenarkan sebarang penjualan minuman keras berhampiran rumah ibadat, sekolah, atau kawasan majoriti penduduk Islam.
3. Penguatkuasaan melalui pemeriksaan dan operasi khas oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) bagi memastikan tiada pengambilan minuman memabukkan oleh orang Islam.
4. Pelaksanaan program dakwah serta kempen kesedaran oleh JAIPk bagi mendidik masyarakat tentang bahaya dan kesan negatif arak terhadap aspek sosial dan keluarga.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara serta keharmonian sosial di Negeri Perak terus dipertahankan.

3. Apakah tindakan dan langkah bersepadu yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Perak dalam usaha membanteras aktiviti perjudian di negeri ini, termasuk judi berlesen dan perjudian haram atas talian yang semakin berleluasa?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang Dipertua,

Yang Berhormat Kampong Gajah telah membangkitkan isu berkenaan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Perak dalam usaha untuk membanteras aktiviti perjudian di negeri ini, termasuk judi berlesen dan perjudian haram di atas talian.

Kerajaan Negeri Perak memandang serius isu perjudian, sama ada yang berlesen mahupun tidak berlesen, khususnya perjudian atas talian yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Kerajaan Negeri amat menyedari bahawa kegiatan ini bukan sahaja menyalahi undang-undang dan bertentangan dengan nilai agama, malah ianya turut menghancurkan institusi keluarga dengan membawa pelbagai permasalahan sosial yang membimbangkan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan bersepadu yang melibatkan kerjasama jabatan/agensi Negeri dan Persekutuan. Pendekatan ini memberikan tumpuan kepada dua teras utama iaitu penguatkuasaan dan pencegahan.

Bagi penguatkuasaan undang-undang dibawah Seksyen 26, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM3,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Melalui pelaksanaan Operasi Judi Serentak di seluruh negeri oleh pihak JAIPK, sebanyak 66 kes judi telah dilaporkan pada tahun 2024 manakala sebanyak 31 kes judi telah dilaporkan bagi tahun 2025.

Dari sudut pencegahan pula, pihak JAIPk melalui Program Pencegahan Jenayah Syariah dan taklimat kesedaran telah disampaikan secara meluas di sekolah, institusi pengajian dan kepada lapisan masyarakat untuk memberi kefahaman mendalam tentang hukum dan impak negatif perjudian. Di samping itu, risalah dan bahan-bahan penerbitan berkaitan hukum dan bahaya judi diterbitkan serta diedarkan kepada masyarakat secara berterusan.

-

Soalan Dari : YB ENCIK GOH SEE HUA

Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PINJI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Beg Plastik Sekali Guna

1. Apakah usaha kerajaan negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna?

2. Apakah sasaran kerajaan negeri untuk isu penggunaan beg plastik sekali guna?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh kerajaan negeri?

Jawapan Soalan 1

YB Pasir Pinji, isu pengurangan penggunaan beg plastik sekali guna merupakan antara agenda penting Kerajaan Negeri dalam memperkukuh usaha pemeliharaan alam sekitar serta menangani cabaran pencemaran plastik yang semakin meruncing. Seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri terhadap agenda kelestarian dan aspirasi Perak Sejahtera 2030, pelbagai langkah telah dirangka dan dilaksanakan secara berperingkat melalui penglibatan semua Pihak Berkuasa Tempatan bagi membentuk perubahan tingkah laku masyarakat ke arah penggunaan yang lebih lestari.

Untuk makluman YB Pasir Pinji, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2079 bertarikh **10 Ogos 2022** telah meluluskan pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik melalui pengenaan caj pencemaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada hari Sabtu setiap minggu di negeri Perak mengikut garis panduan yang telah disediakan.

Susulan keputusan tersebut, kempen tiada beg plastik ini telah dilaksanakan dahulu oleh Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar bermula Januari 2023 dan diikuti oleh PBT lain. Selewat-lewatnya pada Jun 2023, kesemua (15) PBT telah mula melaksanakan kempen ini.

Untuk makluman YB Pasir Pinji, secara prinsipnya, pengenaan caj pencemaran ini oleh PBT bertujuan untuk mengurangkan dan menghindari penggunaan beg plastik terutamanya beg plastik sekali guna di kalangan rakyat negeri Perak. Ia juga adalah satu langkah yang diambil bagi menggalakkan para pengguna supaya membawa beg guna semula (reusable bag) sendiri dalam urusan harian.

Namun begitu, kutipan caj pencemaran plastik yang dilaporkan oleh kesemua PBT di negeri Perak pada tahun 2023 adalah berjumlah RM 204,238.80 dan jumlah kutipan ini dilaporkan meningkat kepada RM 597,348.80 pada tahun 2024. Manakala, bermula Januari sehingga September 2025 pula, sebanyak RM361, 510.60 kutipan caj pencemaran telah dikutip dan ini menjadikan **jumlah keseluruhan caj penggunaan beg plastik** PBT Negeri Perak adalah sebanyak **RM1,163,098.20** daripada 598 buah premis yang mengenakan caj beg plastik kepada pelanggan.

Peningkatan dalam jumlah kutipan caj penggunaan plastik di negeri Perak bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya dan kutipan yang agak tinggi sehingga September 2025 menunjukkan kurangnya kesedaran dan sensitiviti masyarakat umum tentang plastik sekali guna yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesihatan. Selain itu, pengenaan caj pencemaran sebanyak RM 0.20 kepada setiap helaian plastik yang digunakan didapati kurang berkesan dan tidak memberi implikasi kewangan ketara kepada sebahagian besar para pengguna.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan semasa istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Ketiga, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan Kelima Belas pada 15 April 2025 telah bertitah bahawa "konsep penggunaan dikenakan bayaran (user pay principle) di premis-premis perniagaan, bertujuan mengurangkan penggunaan plastik, ternyata tidak berkesan dan langkah-langkah lebih tegas perlu diperkenalkan dan dilaksanakan secara bersungguh.

Ketidakberkesanan atau kurangberkesanan kaedah kutipan caj pencemaran plastik seterusnya menjadi asas kepada sasaran baharu Kerajaan Negeri iaitu **melaksanakan larangan sepenuhnya (total ban) pemberian beg plastik jinjit sekali guna di seluruh negeri Perak mulai 1 Januari 2026**, selaras dengan hasrat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam tindakan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi mendapatkan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Buat masa ini, Kerajaan Negeri berdepan beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan usaha pengurangan dan larangan penggunaan beg plastik sekali guna, antaranya:

a) Tahap Kesedaran Segelintir Masyarakat yang Masih Rendah

Peningkatan ketara kutipan caj plastik menunjukkan bahawa masyarakat, khususnya di kawasan luar bandar dan kampung, masih belum benar-benar memahami bahaya plastik sekali guna terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

b) Memperoleh Komitmen daripada Semua Pihak

Kerajaan Negeri perlu mendapatkan komitmen bukan sahaja daripada premis perniagaan tetap, tetapi juga peniaga kecil, peniaga pasar, penjaja harian, dan komuniti setempat, serta meyakinkan semua pihak untuk menyokong larangan sepenuhnya memerlukan usaha advokasi yang berterusan.

c) Kekurangan Alternatif yang Selamat dan Praktikal di Pasar Basah

Pelaksanaan larangan di premis tetap lebih mudah berbanding di pasar segar dan pasar malam yang masih belum mempunyai pilihan alternatif pembungkusan yang selamat, bersih dan mampu milik untuk menggantikan beg plastik jinjit. Ini menjadikan pelaksanaan larangan total sebagai satu cabaran logistik yang memerlukan penyelesaian menyeluruh bersama Kementerian dan pihak industri.

Kerajaan Negeri komited mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna melalui kempen kesedaran pencemaran, pendidikan awam dan usaha advokasi, serta sedang memperhalusi langkah yang lebih tegas termasuk larangan total pemberian beg plastik jinjit mulai 1 Januari 2026.

2. Perlombongan NR-REE

1. Berapakah jumlah hasil perlombongan NR-REE untuk tahun 2025?
2. Adakah kegiatan perlombongan NR-REE secara haram semakin berleluasa atau berjaya dikurangkan?
3. Apakah rancangan atau cara kerajaan negeri untuk memaksimumkan pendapatan dari perlombongan NR-REE ini?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Pinji, jumlah kutipan royalti bagi aktiviti perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE) yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri dari bulan Januari sehingga Oktober 2025 adalah sebanyak RM25,705,237.76 bagi pengeksportan sejumlah 7,794.920 metrik tan Rare Earth Carbonate (REC) ke negara China. Kutipan royalti dijangka akan terus meningkat sehingga penghujung tahun 2025.

Bagi membanteras kegiatan perlombongan haram REE, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak serta Polis Diraja Malaysia terus memperkukuh operasi penguatkuasaan secara bersepadu. Semenjak bulan Julai 2018 sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah mengesan sebanyak enam (6) kes aktiviti perlombongan haram REE yang dijalankan di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Lima (5) daripada enam (6) kes ini tidak melibatkan sebarang tangkapan, manakala satu (1) kes telah selesai bicara pertuduhan pada 6 April 2025 bagi aktiviti perlombongan haram REE di dalam Hutan Simpan Bintang Hijau pada 8 Disember 2023 melibatkan sembilan (9) orang kena tuduh (OKT) di Mahkamah Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun bagi tahun 2024 sehingga kini, tiada sebarang rekod penerokaan haram berkaitan perlombongan REE di dalam HSK.

Mengenai perancangan Kerajaan Negeri dalam memaksimumkan pendapatan hasil perlombongan REE, Kerajaan Negeri tidak hanya bergantung kepada hasil pengeluaran bahan mentah, tetapi sedang merintis pembangunan industri pertengahan (*midstream*) dan hiliran (*downstream*) bagi meningkatkan nilai tambah mineral ini.

Justeru, Kerajaan Negeri telah merangka langkah proaktif jangka masa panjang dengan cadangan pembangunan Central Processing Plant (CPP) secara *Proof of Concept* (POC) bagi tujuan pengasingan REC yang diekstrak di kawasan Projek Perlombongan REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak melalui kerjasama di antara pihak Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc) bersama satu syarikat tempatan iaitu Malaco Mining Sdn Bhd dengan menggunakan teknologi baharu tempatan.

Kaedah pengasingan elemen dalam bahan mineral NR REE melalui konsep *Column Direct Solvent Extraction* (CDSX©) yang dipercayai lebih cekap dan mesra alam berbanding kaedah konvensional yang digunakan sekarang oleh Negara China sejak tahun 1990-an. CDSX© akan digunakan untuk menghasilkan REE Oxide yang ringan dan berat yang kemudiannya boleh dipisahkan terus di tapak dengan melepasi peringkat pengeluaran REC.

Pelaksanaan cadangan pembangunan CPP secara POC bagi tujuan pengasingan REC boleh menjadi *turning factor* kepada negeri Perak untuk pengembangan industri pertengahan dan industri hiliran bagi mineral REE di negeri Perak dan secara tidak langsung boleh menarik prospek pelaburan dari negara luar untuk melabur di dalam negeri Perak serta mengurangkan kebergantungan negara Malaysia kepada negara China dalam industri tersebut.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL

Ahli Dewan Undangan Negeri : (SLIM)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Soalan Utama

Aktiviti JUDI Sport Toto dan Magnum (Tikam Nombor) adalah amalan yang tidak sihat dikalangan masyarakat hari ini. Apakah bentuk pantauan undang-undang operasi kedai ini untuk tidak melibatkan orang Islam?

Soalan Tambahan 1

Apakah hukuman yang dikenakan terhadap premis atau individu yang terlibat dengan kegiatan judi haram (Operasi tanpa kebenaran)?

Soalan Tambahan 2

Adakah wujud undang-undang menghadkan operasi JUDI (Sport Toto dan mangnum) mengikut daerah?

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Slim, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian bagi memastikan orang Islam tidak terlibat serta memastikan operasi mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), melalui Bahagian Penguatkuasaan, menjalankan rondaan dan pemantauan berkala di premis-premis perjudian berlesen seperti Sport Toto dan Magnum bagi memastikan tiada penglibatan orang Islam. Jika terdapat tangkapan melibatkan orang Islam yang didapati berjudi di premis berlesen, tindakan akan diambil di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perak) 1992. Secara prinsipnya, penglibatan umat Islam dalam apa jua bentuk perjudian adalah dilarang tanpa mengira daerah.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut melaksanakan risikan serta pemantauan secara berkala terhadap premis-premis perjudian haram dan berlesen di seluruh negeri. Tindakan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1952 [Akta 289] dan Akta Pertaruhan 1953 [Akta 495] bagi memastikan premis hanya beroperasi mengikut peruntukan undang-undang.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut terlibat dalam aspek kawal selia lesen hiburan premis berkenaan. PBT bekerjasama rapat dengan PDRM dalam operasi bersepadu bagi memastikan premis perjudian yang beroperasi tanpa lesen atau melanggar syarat lesen dapat dikenakan tindakan sewajarnya. JAIPk juga boleh mengambil tindakan terhadap orang Islam yang terlibat dalam apa-apa aktiviti perjudian, manakala PDRM boleh mendakwa individu atau premis terlibat di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1952 dan Akta Pertaruhan 1953

Bagi premis atau individu yang menjalankan kegiatan perjudian tanpa kebenaran, tindakan tegas boleh diambil berdasarkan undang-undang sedia ada di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Di bawah akta tersebut, hukuman kepada penganjur ataupun pemilik premis ialah denda minimum RM 5,000 hingga RM 50,000 dan tambahan denda RM 20,00 hingga RM 200,000 jika melibatkan mesin judi, dan penjara sehingga 5 tahun. Manakala hukuman kepada pelanggan iaitu orang yang berjudi pula ialah denda sehingga RM 5,000 dan penjara sehingga 6 bulan ataupun kedua-duanya.

Di peringkat PBT, lesen boleh dibatalkan, premis boleh disita dan kompaun juga boleh dikenakan bergantung kepada kesalahan.

Mengenai had operasi perjudian mengikut daerah, PDRM dan BKT memaklumkan bahawa tiada undang-undang khusus yang menetapkan had bilangan premis judi berlesen mengikut daerah. Walau bagaimanapun, setiap permohonan tertakluk kepada syarat ketat PBT termasuk zon penempatan, kesesuaian lokasi dan kepatuhan garis panduan semasa.

Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan akan terus memperkukuh kerjasama penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu perjudian di negeri ini ditangani secara berkesan serta memastikan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.

Soalan Dari : YB DR. MOHAMAD YUSRI BIN BAKIR

Ahli Dewan Undangan Negeri : (AYER KUNING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Menyokong Agenda Pendidikan Lebih Baik Selaras Dasar Kerajaan Pusat

1. Apakah langkah yang sedang atau telah diambil oleh Kerajaan Negeri Perak untuk menyokong pelaksanaan dasar Pendidikan Madani khususnya dalam aspek pembangunan sekolah luar bandar dan pembelajaran digital?

2. Sejauh manakah penyelarasan antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerajaan pusat dalam memperkukuh program peningkatan kemahiran guru dan pelajar?

3. Apakah bentuk bantuan tambahan yang akan atau telah disediakan oleh

kerajaan negeri bagi memastikan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah tidak tercicir daripada manfaat dasar baharu pendidikan nasional seperti bantuan makanan percuma dan peranti digital?

Jawapan Soalan 1

1. Kerajaan Negeri Perak amat komited dalam memastikan pelaksanaan dasar Pendidikan Madani berjalan secara menyeluruh, sejajar dengan aspirasi pendidikan holistik yang menekankan kesejahteraan pelajar, pembangunan sahsiah, dan penguasaan kemahiran abad ke-21.

Dalam konteks ini, perhatian khusus diberikan kepada pembangunan sekolah di kawasan luar bandar serta pengukuhan pembelajaran digital, bagi memastikan murid di semua kawasan negeri Perak mempunyai akses kepada pendidikan yang berkualiti dan setara. Beberapa langkah yang sedang dan telah diambil antaranya ialah:

1. Program outreach sekolah luar bandar yang mendedahkan murid kepada teknologi digital seperti yang terkini berlangsung Perkampungan Ilmu Madani 2025 pada 11 Oktober 2025 yang menjadikan SK Karai sebagai tuan rumah bagi berbagai program digital antaranya pengalaman murid menggunakan VR dan pelbagai aktiviti digital serta pemerksaan pembacaan murid.

2. Mengikut rekod, sejumlah 3,914 buah peranti digital/ peranti cerdik telah disumbangkan oleh Yayasan Didik pada tahun 2021 kepada 42 buah sekolah di negeri Perak telah dapat membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah agar tidak tercicir serta tidak tertinggal daripada manfaat dasar baharu pendidikan nasional.

3. Bagi memastikan sekolah dapat melaksanakan PdP digital dengan lancar terutamanya sekolah di luar bandar, KPM telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf akses internet berkelajuan tinggi di sekolah secara berperingkat bagi tempoh Julai 2024 hingga Jun 2025. Sebanyak 6,730 buah institusi pendidikan telah disediakan dengan capaian teknologi fiber dan daripada jumlah ini termasuk 1,917 buah sekolah luar bandar. Selain itu, sejumlah 2,922 buah sekolah termasuk 1,838 sekolah luar bandar telah mendapat kemudahan teknologi jalur lebar (broadband). Bagi sekolah yang tidak mendapat akses internet melalui fiber atau jalur lebar, KPM telah menyediakan akses melalui teknologi satelit di 583 buah sekolah merangkumi 573 buah sekolah luar bandar.

4. Pembangunan profesionalisme bagi memperkasakan kompetensi digital guru termasuk di kawasan luar bandar turut dilaksanakan. Sistem Pengurusan Pembelajaran (SiPP) menawarkan pensijilan profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui penyedia latihan ternama seperti Microsoft, Cisco, CompTIA, AWS dan Red Hat. Sehingga kini, SiPP telah diakses secara aktif oleh seramai 90 peratus atau 272,404 orang guru daripada kesemua penerima lesen yang berjumlah 300,300 orang

Kerajaan Negeri Perak komited untuk memastikan pelaksanaan dasar Pendidikan Madani berjalan secara menyeluruh dan inklusif. Dalam konteks pembangunan sekolah luar bandar, kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh infrastruktur pendidikan, memastikan kemudahan asas dan teknologi digital tersedia bagi membolehkan murid mengikuti pembelajaran secara optimum.

Selain itu, usaha memperluas akses kepada pembelajaran digital melalui penyediaan peranti, latihan literasi digital untuk guru dan murid, serta platform pembelajaran berasaskan teknologi menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang setara dan berdaya saing.

Dengan langkah-langkah ini, kerajaan negeri yakin bahawa setiap murid di seluruh Perak dapat menikmati pendidikan yang berkualiti, inklusif, dan sejajar dengan aspirasi

Pendidikan Madani untuk melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, dan berdaya saing di peringkat global.

Berkenaan penyelarasan antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerajaan pusat dalam memperkukuh program peningkatan kemahiran guru dan pelajar, semua program-program yang dijalankan di peringkat kebangsaan ada dijalankan di peringkat negeri. Dengan pelaksanaan, 'post mortem', soal selidik mengenai keberkesanan program yang telah dijalankan ini dapat membuktikan bahawa program yang dirancang di peringkat pusat dapat dijalankan dengan baik, terancang dan berobjektif. Antara program yang dilihat dapat memperkukuh peningkatan kemahiran guru dan murid ialah seperti berikut:

1. Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Profesionalisme Guru telah melatih 100 guru Perak menjadi guru Jauhari bagi berbagai tajuk pembelajaran digital. Dan inisiatif memperluaskan ilmu guru jauhari ini akan diteruskan pada tahun 2026. Manakala untuk murid kerajaan pusat melalui Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan telah menyalurkan peruntukan kepada semua Pusat Kegiatan Guru (PKG) bagi melaksanakan program kepada murid bagi kelompok sekolah PKG yang berdekatan sepanjang tahun 2025.
2. Kementerian Pendidikan melalui Unit Pengurusan Penyampaian (DMU) baru-baru ini pada 31 Oktober sehingga 2 November 2025 telah mengadakan Persidangan Edufluencer 2025 bertemakan Go Global dengan penyertaan edufluencer yang terdiri daripada guru-guru di Negeri Perak berjaya menghantar seramai 52 orang edufluencer menjadikan Negeri Perak menghantar peserta paling ramai kali ini.

Mengenai bentuk bantuan tambahan yang akan atau telah disediakan oleh kerajaan negeri bagi memastikan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah tidak tercicir daripada manfaat dasar baharu pendidikan nasional, Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah dan akan terus melaksanakan program seperti berikut:

1. Yayasan Perak dan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dan berpendapatan sederhana (M40) bagi memastikan mereka tidak tercicir.

2. Program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak :

Inisiatif oleh Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Tujuan: Memberikan bantuan khas kepada murid-murid yang kehilangan ibu, bapa, atau penjaga akibat Covid-19 bagi menampung keperluan sara hidup dan pendidikan (contohnya, bantuan *one-off* dan biasiswa bulanan).-

3. Program Anak Angkat Cikgu Saarani adalah sebahagian daripada inisiatif pendidikan Kerajaan Negeri Perak, diketuai oleh Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad, yang mesra dipanggil "Cikgu Saarani" kerana latar belakangnya sebagai seorang pendidik. Program ini sering kali dilaksanakan di bawah kelolaan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) atau Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Tujuan Program

- a- Membantu Pelajar Berpotensi: Ia didasarkan kepada pelajar sekolah yang berpotensi cemerlang, terutamanya yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40), tanpa mengira kaum dan agama.
 - b- Peningkatan Akademik: Untuk membantu pelajar, khususnya calon peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), meningkatkan prestasi akademik mereka.
- Transisi Kerjaya: Memberi pendedahan kerjaya dan hala tuju selepas SPM, termasuk dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), melalui program transisi.

4. Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) dan Program Transisi Ke Arah Perak Sejahtera (TRAS):

Tuisyen/Kelas Tambahan: Menyediakan tuisyen atau kelas tambahan percuma bagi subjek-subjek kritikal.

Bantuan Khas Makanan: Menyediakan bantuan makanan khas percuma kepada pelajar yang menghadiri kelas tambahan (supaya mereka boleh terus berada di sekolah untuk belajar).

Program Pembangunan Insan: Melibatkan aktiviti seperti:

Sesi motivasi dan kepimpinan.

Latihan tubi dan seminar menjawab soalan peperiksaan.

Taklimat persediaan resume dan temuduga kerja (Sesi *Mock Interview*).

Perkongsian institusi (TVET) dan industri.

Anugerah Kecemerlangan: Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan (cth: SPM) di bawah program ini sering menerima anugerah, insentif, atau hadiah seperti komputer riba.

5. Program Bantuan di bawah Yayasan Perak

Bantuan Cermin Mata YP Eye Sinar:

Menyediakan cermin mata percuma kepada murid yang mengalami masalah penglihatan, khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah.

6. Program Bengkel TVPSS Lensa Edu Perak, Kursus Asas Audio & Kursus Asas Drone telah membekalkan Set Rakaman Asas kepada 100 buah sekolah, Set Audio kepada 50 buah sekolah & Set Rakaman Udara kepada 50 sekolah yang seterusnya memberi peluang kepada murid berpendapatan rendah di sekolah tersebut untuk merasai pengalaman dan menimba ilmu dalam penggunaan peranti dibekalkan. Program ini dilaksanakan bermula 8 September hingga 30 Oktober 2025.

Kerajaan Negeri Perak komited sepenuhnya dalam menyokong agenda pendidikan yang lebih baik selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan. Semua inisiatif dan program yang dilaksanakan bertujuan memastikan pendidikan di negeri ini bersifat inklusif, berkualiti, dan berdaya saing, sambil menekankan pembangunan holistik pelajar serta profesionalisme tenaga pengajar.

Dengan kerjasama yang erat antara kerajaan negeri, sekolah, guru, ibu bapa, dan komuniti, kita yakin agenda pendidikan yang selaras ini akan dapat dicapai dengan lebih berkesan, sekaligus melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak mulia, dan kalis masa hadapan.

2. Isu kewujudan ikan asing seperti peacock bass, baung merah dan ikan bandaraya di sungai, tasik dan lombong negeri Perak terutamanya di beberapa lombong dalam kawasan Ayer Kuning.

1. Apakah langkah pemantauan dan penguatkuasaan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengawal pelepasan ikan asing seperti peacock bass, baung ekor merah dan ikan bandaraya di perairan awam negeri Perak yang boleh mengancam ekosistem tempatan?

2. Adakah kerajaan negeri telah menjalankan kajian saintifik atau bekerjasama dengan institusi penyelidikan atau Jabatan Perikanan bagi menilai kesan kehadiran spesies ikan asing terhadap populasi ikan tempatan dan sumber pendapatan nelayan darat di Perak?

3. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan negeri untuk meningkatkan kesedaran awam dan komuniti pemancing supaya tidak melepaskan spesies ikan asing ke dalam sungai atau tasik, termasuk melalui program pendidikan alam sekitar atau kempen teknologi hijau?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 25 November 2025

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan berhubung isu kewujudan ikan asing seperti *peacock bass*, baung ekor merah dan ikan bandaraya di sungai, tasik serta lombong-lombong di negeri Perak khususnya di kawasan Ayer Kuning.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan pertama, sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Perak telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengawal penyebaran dan pelepasan spesies ikan asing di perairan umum. Antara langkah utama yang telah diambil ialah:

- Pelaksanaan Program Inventori; iaitu aktiviti pemantauan berkala untuk mengenal pasti kehadiran dan taburan spesies ikan di perairan umum termasuk kehadiran ikan asing di sungai, tasik serta lombong di seluruh negeri. Data taburan spesies ikan yang diperolehi daripada program inventori ini akan memberi maklumat kepada Kerajaan berkenaan keadaan populasi ikan di sesuatu kawasan yang dapat membantu pihak berwajib merancang serta mengurus aktiviti kawalan dan pemuliharaan ekosistem.
- Selain itu, kerajaan negeri juga sedang dalam proses memuktamadkan pindaan Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 yang mana akan menjadi peruntukan undang – undang yang lebih inklusif dan relevan sesuai dengan peredaran masa. Pindaan terhadap Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 meliputi beberapa penambahbaikan termasuk penambahan garis panduan berhubung aktiviti pelepasan ikan ke perairan umum. Semua aktiviti pelepasan ikan perlu mendapatkan kelulusan rasmi daripada pihak Jabatan Perikanan pada masa akan datang, termasuk pelepasan oleh penternak, pemancing, atau komuniti setempat. Diharapkan pindaan Kaedah-kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 ini menjadi keutamaan kerajaan negeri Perak dalam memperkasakan sektor perikanan darat di negeri ini termasuk pengurusan kawalan spesies ikan asing di perairan umum.
- Kerajaan negeri juga sedang dalam proses memuktamadkan pewartaan Kaedah-kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) bagi mewujudkan punca kuasa untuk pengawalseliaan aktiviti ternakan ikan di darat. Pewartaan kaedah – kaedah perikanan ini juga menetapkan

pengusaha akuakultur untuk melaksanakan kawalan yang optimum bagi ternakan melibatkan spesis asing tertentu.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, Jabatan Perikanan turut melaksanakan usaha membanteras ikan asing di perairan umum melalui inisiatif Program Memburu Ikan Asing di beberapa lokasi kritikal. Pada tahun 2025, sebanyak tiga siri program memburu ikan asing telah dilaksanakan dengan jayanya dan sebanyak 9.4 tan ikan asing terutamanya ikan bandaraya dan baung ekor merah telah dikeluarkan daripada perairan umum.

Jabatan Perikanan juga menyasarkan dalam tempoh lima tahun, negeri Perak dapat mencapai status 'bebas ikan asing'. Aspirasi ini boleh dicapai dengan pelaksanaan inisiatif – inisiatif seperti berikut:

1. Pelaksanaan program pembersihan dan pemburuan ikan asing,
2. Penguatkuasaan undang-undang terhadap penternakan dan pelepasan ikan tidak sah,
3. Penganjuran program peningkatan kesedaran awam secara berterusan,
4. Peningkatan pengeluaran ikan asli, dan
5. Pembangunan Santuari Spesis Ikan Asli di habitat semula jadi bagi melindungi biodiversiti tempatan.

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kepada soalan kedua yang diutarakan oleh Yang Berhormat Ayer Kuning, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan telah mengadakan konsultasi awal dengan pihak penyelidik bagi mewujudkan kerjasama kajian dan penyelidikan berkenaan impak kehadiran ikan asing di perairan umum. Walau bagaimanapun, inisiatif ini masih berada di peringkat penyelarasan awal bagi merangka pelaksanaan kajian tersebut bagi memenuhi objektif dan dasar kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung Program Pendidikan Alam Sekitar atau Kempen Teknologi Hijau bagi meningkatkan kesedaran awam dan komuniti pemancing, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan turut bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti pemancing, antaranya Perak Fly Fishing Syndicate, dalam menganjurkan program kesedaran termasuk:

- Kempen 'tangkap dan lepas' atau "*Catch and Release*" bagi spesies ikan asli tempatan di Sungai Kampar dan kawasan Taman Negeri,
- Program pendidikan alam sekitar melibatkan pelajar sekolah, komuniti setempat dan kelab memancing,

- Serta penerapan nilai teknologi hijau dan tanggungjawab ekologi melalui program komuniti dan media sosial.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan negeri komited dalam memastikan ekosistem perairan perikanan darat di negeri Perak terus terpelihara daripada ancaman spesis asing. Inisiatif pengurusan perikanan darat yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah menyeluruh, merangkumi aspek pemantauan, penguatkuasaan, penyelidikan, dan pendidikan awam demi memastikan kelestarian biodiversiti serta kesejahteraan ekonomi nelayan darat di negeri ini.

Sekian, terima kasih.

3. Masalah Keselamatan Digital dan Kesedaran Pengguna terutamanya warga emas di Negeri Perak

1. Apakah langkah dan kerjasama antara kerajaan negeri Perak dengan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam membendung kegiatan scammer atas talian yang menyasarkan warga emas di negeri ini?
2. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan program khas atau bengkel kesedaran digital kepada golongan warga emas di kawasan luar bandar bagi meningkatkan kefahaman tentang keselamatan dalam talian dan cara mengenal pasti penipuan siber?
3. Apakah bentuk bantuan, sokongan atau saluran aduan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi membantu mangsa penipuan dalam talian, khususnya warga emas yang kehilangan wang simpanan akibat diperdaya oleh sindiket scammer?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited bekerjasama dengan agensi Persekutuan dalam membanteras jenayah penipuan atas talian yang semakin menjejaskan warga emas. Usaha ini melibatkan tindakan pencegahan, penguatkuasaan dan pendidikan pengguna secara bersepadu.

1. Peranan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri, PDRM, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan syarikat telekomunikasi bagi:

- Menyekat panggilan serta SMS mencurigakan melalui sistem penapisan telco.
- Memantau serta menurunkan kandungan penipuan, khususnya penipuan pelaburan, bersama SC.
- Melaksanakan tindakan pantas terhadap jenayah kewangan siber melalui NSRC bersama PDRM, Bank Negara Malaysia dan NFCC. Kerjasama ini diperkukuh dari semasa ke

semasa bagi mengekang modus operandi scammer yang sentiasa berubah.

2. Peranan PDRM Perak

PDRM melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (BPJKK) memainkan peranan utama membanteras penipuan atas talian yang menyasarkan warga emas. Antara usaha utama ialah:

- Menjalankan siasatan terperinci ke atas kes love scam, phone scam dan penipuan e-dagang.
- Melaksanakan Op Mule bagi mengesan sindiket serta membekukan akaun mule melalui NSRC.
- Menjalankan ceramah dan pameran kesedaran di balai raya, pusat komuniti dan pusat warga emas.
- Mengedarkan bahan penerangan mudah difahami serta mempromosikan portal SemakMule.
- Memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Negeri, SKMM dan institusi kewangan untuk pengesanan aktiviti penipuan.
- Mengaktifkan Pegawai Perhubungan Komuniti bagi memberi nasihat keselamatan digital terus kepada warga emas.
- Mengeluarkan amaran penipuan terkini serta membuat analisis corak penipuan untuk tindakan pencegahan di kawasan berisiko tinggi.
- PDRM Perak turut melaksanakan program khusus kepada bakal pesara dan pesara Jabatan Kesihatan Negeri, universiti serta NGO dan persatuan keagamaan, memandangkan ramai ahlinya terdiri daripada warga emas.

3. Peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

KPDN melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan dan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna, termasuk warga emas, daripada penipuan dalam talian:

- Pemeriksaan ke atas pengendali pasar dalam talian supaya mematuhi undang-undang perdagangan.
- Program pendidikan pengguna merangkumi murid sekolah hingga warga emas melalui NGO dan organisasi pengguna KPDN seperti GPD, GPS dan Kelab Pengguna Sekolah.
- Kerjasama dengan platform e-dagang bagi memaparkan notis amaran kepada pengguna.
- Kerjasama dengan SKMM untuk sekatan akses laman web dan penurunan kandungan penipuan sebagaimana peruntukan Seksyen 263(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Kerjasama dengan ISP dan syarikat telekomunikasi untuk mendapatkan maklumat pemilik laman atau talian yang disyaki terlibat dalam penipuan.

Melalui pendekatan menyeluruh yang menggabungkan penguatkuasaan, pendidikan pengguna dan kerjasama rentas agensi, Kerajaan Negeri bersama MCMC, PDRM dan KPDN terus memperkukuh usaha melindungi warga emas di Perak daripada menjadi mangsa penipuan atas talian. Komitmen ini akan dipertingkatkan dari masa ke masa bagi memastikan keselamatan digital rakyat sentiasa terjamin.

JAWAPAN B:

Sejak April 2025, Kerajaan Negeri dan MCMC telah melaksanakan siri program advokasi melalui Kempen Internet Selamat (KIS). Selain pelajar sekolah dan belia, modul KIS turut

memberi penekanan kepada golongan warga emas, khususnya di kawasan luar bandar. Fokus kempen meliputi:

keselamatan dalam talian, cara mengenal pasti penipuan siber, dan langkah pencegahan apabila menerima panggilan atau mesej mencurigakan.

Pada 29 Oktober yang lalu, MCMC dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Manong serta Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) telah menganjurkan sesi khusus untuk warga emas. Program tersebut berjaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman mereka mengenai penggunaan internet yang lebih selamat dan positif. Program seumpamanya akan diteruskan ke lokasi lain secara berperingkat.

JAWAPAN C:

Bagi membantu mangsa, khususnya warga emas, kerajaan menyediakan saluran tindakan cepat melalui Pusat Respons Scam Kebangsaan atau National Scam Response Centre (NSRC), iaitu kerjasama antara MCMC, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bank Negeri Malaysia (BNM) dan NFCC. Mangsa boleh menghubungi talian 997, yang beroperasi 24 jam sehari, untuk:

melaporkan insiden, mendapatkan bantuan menyekat transaksi mencurigakan, dan menerima panduan serta nasihat seterusnya. Kerajaan menasihatkan orang ramai supaya berwaspada terhadap individu yang menyamar sebagai pegawai NSRC untuk mendapatkan maklumat perbankan.

PDRM juga ada menyediakan saluran aduan dan tindakan segera melalui balai polis dan talia khas seperti NSRC (997) sekiranya individu tersebut mendapati mereka adalah mangsa penipuan. Laporan yang diterima disalurkan kepada pihak bank dan agensi berkaitan untuk tindakan pantas membekukan transaksi mencurigakan.

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (KENERING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. SOALAN LISAN 1:-

Berapakah keluasan tanah yang di miliki oleh PKNP di seluruh Negeri Perak, berapa keluasan yang diusahakan dengan sektor pertanian. Berapakah keluasan tanah milik PKNP yang telah di buat pajakkan atau sewaan?

Jawapan Soalan 1

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keenam 2 Disember 2025

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kenering, secara keseluruhannya, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) memiliki seluas lebih kurang 17,650.571 ekar tanah di seluruh negeri Perak (termasuk berstatus kelulusan prinsip) merangkumi 8,491.893 ekar di bawah inisiatif *Strategic Land Value Proposition* (SLVP). Tanah-tanah ini terletak di lokasi yang berpotensi untuk pembangunan pelbagai sektor utama seperti pembangunan hartanah, industri berasaskan mineral, hospitaliti dan pelancongan, teknologi hijau, ekonomi digital serta pelabuhan dan logistik. Hartanah milik PKNPk yang berstatus syarat nyata pertanian adalah seluas lebih kurang 2,300 daripada 17,650.571 ekar tanah PKNPk di seluruh negeri Perak, di mana sebahagiannya telah mempunyai komitmen sewaan dan pajakan dengan pihak ketiga melibatkan kawasan seluas lebih kurang 1,361 ekar.

Pada dasarnya, PKNPk tidak menjalankan aktiviti pertanian sebagai fungsi teras. Namun demikian, sebahagian daripada bank tanah PKNPk terdiri daripada tanah berstatus pertanian yang diperolehi melalui dasar pengambilan dan perancangan pembangunan negeri. Selaras dengan keperluan pengurusan aset yang berhemah, tanah-tanah ini perlu terus diuruskan secara aktif untuk mengelakkan kemerosotan nilai, pencerobohan, serta liabiliti penyelenggaraan yang tidak produktif.

Bagi memastikan tanah-tanah ini kekal teratur, bernilai dan berimpak positif sementara menunggu pelaksanaan pembangunan strategik, PKNPk melaksanakan penyewaan jangka pendek sebagai instrumen pengurusan aset interim. Pendekatan ini mengekalkan produktiviti minimum tanah tanpa menjejaskan fleksibiliti PKNPk untuk memulakan projek strategik yang dirancang di bawah Roadmap Transformasi dan aspirasi Perak Sejahtera 2030 apabila pembangunan dimuktamadkan.

2. SOALAN LISAN 3:-

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan perjawatan khas dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, bagi menempatkan tenaga pakar daripada unit Geo-bencana, Geo-arkeologi dll. bagi mengkaji dan memantau kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berisiko atau berkemungkinan berlakunya bencana Alam, pencemaran alam sekitar dll. didaerah-daerah Pihak Berkuasa Tempatan.

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang Dipertua,

Menjawab soalan Yang Berhormat Kenering, buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk mewujudkan perjawatan khas bagi menempatkan tenaga pakar seperti daripada unit Geo-bencana, Geo-arkeologi dan lain-lain di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengikuti perkembangan pembangunan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang sedang dibangunkan di peringkat Persekutuan. RUUPIN dijangka akan memperkenalkan kerangka perundangan baharu berkaitan adaptasi iklim, pengurusan risiko bencana, inventori karbon dan pemerkasaan kapasiti teknikal di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT.

Sehubungan itu, keperluan mewujudkan perjawatan atau penempatan tenaga pakar khusus sebagaimana dicadangkan akan dapat diteliti semula setelah RUUPIN dimuktamadkan, tertakluk kepada peruntukan undang-undang, garis panduan pelaksanaan, serta implikasi kewangan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa demi menjaga kepentingan negeri.

Soalan Dari : YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PANJANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. a. Apakah status terkini industri penanaman kenaf di negeri Perak? Setakat ini, berapakah keluasan tanah yang digunakan untuk penanaman kenaf dan di daerah manakah aktiviti ini dijalankan?
- b. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan kawasan penanaman kenaf sebagai sumber ekonomi kepada petani?

Jawapan Soalan 1

LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Panjang atas soalan yang dikemukakan.

Dato Seri Yang Dipertua

Pada tahun 2025, sasaran keluasan tanaman kenaf di seluruh Malaysia adalah **3,500 hektar**, yang merangkumi **2,000 hektar untuk pengeluaran fiber**, **500 hektar untuk biji benih**, dan **1,000 hektar untuk makanan ternakan**.

Di negeri Perak, sehingga **31 Oktober 2025**, jumlah keluasan penanaman kenaf adalah **6.5 hektar**, tertumpu di daerah **Kuala Kangsar**. Aktiviti penanaman kenaf di Perak masih berada pada **peringkat pembangunan dan pengembangan kawasan baharu**. Walaupun angka ini kecil jika dibandingkan dengan sasaran nasional, usaha memperluas kawasan tanaman sedang giat dijalankan melalui **kerjasama strategik antara Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dan pengusaha tempatan**.

Selain itu, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) juga, sememangnya sedang giat melaksanakan usaha untuk memperluaskan kawasan penanaman kenaf di seluruh negara. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menjadikan kenaf sebagai salah satu sumber ekonomi baharu kepada golongan petani, khususnya di kawasan luar bandar atau secara ladang kluster.

Kerajaan Negeri yakin bahawa dengan perancangan yang rapi dan sokongan berterusan daripada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta pengusaha tempatan, usaha memperluaskan kawasan penanaman kenaf di Perak bukan sahaja akan membuka peluang ekonomi baharu kepada golongan petani, malah turut menyumbang kepada pembangunan industri pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing. Dengan pengembangan tanaman kenaf secara sistematik, kerajaan berharap industri ini dapat dijadikan salah satu sumber pendapatan utama di kawasan luar bandar, memacu

pertumbuhan ekonomi negeri, serta mewujudkan peluang pekerjaan tambahan dalam rantai pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran kenaf di peringkat nasional.

2. Akibat peningkatan jumlah penduduk yang agak mendadak di kawasan Lekir sejak kebelakangan ini:

Mohon Kerajaan Negeri nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan bekalan air bersih yang dibekalkan kepada penduduk mencukupi dan memenuhi keperluan mereka.

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 25 November 2025

Soalan Dari : YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SELAMA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan negeri, khususnya melalui Exco Pendidikan, berhubung isu yang tular baru-baru ini melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Michael, Ipoh, di mana dilaporkan terdapat hidangan minuman keras dalam satu majlis alumni yang diadakan di sekolah berkenaan?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Oktober 2025 telah memutuskan dan bersetuju untuk mengekalkan garis panduan serta amalan sedia ada berhubung penganjuran program dan penyaluran sumbangan kepada sekolah dan ini juga selaras dengan keputusan MJM pada 24 Julai 2024.

Pada masa sama, Jemaah Menteri turut menegaskan bahawa amalan sedia ada di dewan sekolah yang dikendalikan oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) serta dewan-dewan sekolah swasta adalah tidak terjejas.

Pendekatan ini selaras dengan amalan yang telah diterima dan dilaksanakan oleh pentadbiran-pentadbiran terdahulu, termasuk kerajaan sebelum ini.

2. Apakah kerajaan negeri berhasrat untuk menyalurkan peruntukan khas kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari blok pembangkang, bagi tujuan program kebajikan rakyat seperti bantuan perayaan, bantuan awal persekolahan, kotak makanan, dan lain-lain bentuk sumbangan, sebagaimana yang diterima oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari pihak kerajaan. Selaras dengan amalan kerajaan negeri dalam sesi pentadbiran yang lepas?

Jawapan Soalan 2

Soalan telah dijawab secara lisan pada Persidangan Kelima 1 Disember 2025

Seperti semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM300,000.00 di setiap 59 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Perak, bagi melaksanakan projek-projek kecil serta kerja-kerja bekalan untuk kawasan DUN masing – masing.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan peruntukan – peruntukan lain seperti bantuan awal persekolahan (back to School, bantuan kotak makanan dan bantuan perayaan iaitu bagi Perayaan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Tahun Baru Cina dan Hari Deepavali untuk setiap kawasan DUN di Negeri Perak.

Bagi kawasan DUN Kerajaan, peruntukan ini disalurkan kepada Pusat Khidmat DUN Kerajaan manakala bagi kawasan DUN Pembangkang akan diselaraskan oleh Pegawai Khas YAB Menteri Besar di kawasan DUN masing – masing.

Nota Tambahan:

1. Peruntukan Back To School

RM150 x 160 pelajar bernilai RM24,000 bagi setiap DUN

2. Kotak makanan

100 kotak sebulan bagi setiap DUN

3. Peruntukan Perayaan

RM10,000 bagi setiap perayaan berjumlah RM40,000 bagi setiap DUN

-

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ

Ahli Dewan Undangan Negeri : (KAMUNTING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Dari arah Tol Kamunting Utara melalui Jalan A2, keadaan lalu lintas di persimpangan lampu isyarat menuju ke Jalan Kamunting Jaya sering mengalami kesesakan serius, terutamanya pada waktu puncak. Situasi ini berpunca daripada peningkatan jumlah kenderaan, khususnya ibu bapa yang menghantar anak ke Sekolah Menengah Kampung Expo dan Sekolah Rendah Kampung Expo. Disebabkan kesesakan tersebut, terdapat pengguna jalan raya yang menggunakan lorong kecemasan serta membelok ke kiri ke arah Jalan Kamunting Jaya walaupun lampu isyarat masih merah, sekali gus menimbulkan risiko keselamatan.

Soalan:

1. Apakah kajian trafik atau penilaian keselamatan jalan telah dijalankan oleh pihak berkuasa di persimpangan Jalan A2 menuju ke Jalan Kamunting Jaya, khususnya pada waktu puncak pagi dan petang?

2. Adakah kerajaan bercadang untuk membina laluan susur keluar ke kiri di lokasi berkenaan bagi mengurangkan kesesakan dan mengelakkan pelanggaran lampu isyarat oleh pengguna jalan raya?

Jawapan Soalan 1

- a) Jajaran yang dimaksudkan merupakan laluan persekutuan FT 3146. Isu keselamatan pengguna jalan raya merupakan antara faktor utama yang dinilai bagi menaiktaraf jajaran / laluan yang berkaitan.
- b) Pihak JKR akan melaksanakan kajian terhadap fasa lampu isyarat agar kitaran pergerakan di persimpangan lampu isyarat dapat di optimalkan. Buat masa ini tiada kajian

dibuat di persimpangan tersebut berikutan lampu isyarat yang disediakan masih berfungsi dengan baik.

c) Kajian secara terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu supaya cadangan penambahbaikan terhadap jajaran sedia ada berdasarkan aspek teknikal dan mitigasi yang dilaksanakan merupakan penyelesaian terbaik demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

2. Permasalahn banjir di Taman Bestari 1, Kamunting masih berlaku.

1. Apakah punca utama kejadian banjir yang masih berlaku di Taman Bestari 1, Kamunting walaupun beberapa aduan telah dibuat sejak beberapa tahun lalu?
2. Adakah pihak kerajaan telah menjalankan kajian terperinci tentang sistem saliran dan aliran air hujan di kawasan Taman Bestari 1 dan kawasan sekitarnya?
3. Adakah pembangunan baharu di sekitar Kamunting memberi kesan kepada keupayaan longkang atau parit sedia ada hingga menyebabkan banjir kilat?

Jawapan Soalan 2

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keenam 2 Disember 2025

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Punca kejadian banjir dikenalpasti berlaku apabila aliran air hujan dari kawasan tadahan melebihi kapasiti Parit Utama di kawasan Rumah Awam – Taman Kamunting Jaya. Keadaan ini menyebabkan air melimpah dan membanjiri kawasan sekitar khususnya di Taman Kamunting Bistari.

Aduan telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan tindakan jangka pendek telah diambil dengan melaksanakan kerja-kerja pembersihan sistem perparitan oleh syarikat penyelenggara, Punca Emas Infra Sdn. Bhd. mengikut jadual yang ditetapkan.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Perbandaran Taiping turut menjalankan kajian dan mengemukakan cadangan serta tindakan seperti berikut:

- i. Cadangan utama ialah membina jajaran baharu sistem saliran bagi menampung aliran tambahan daripada kawasan tadahan.
- ii. Anggaran kos bagi cadangan tersebut ialah RM500,000.00 dan permohonan peruntukan telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Tiada pembangunan baharu di kawasan sekitar Kamunting yang dikenal pasti menjadi punca kepada kejadian banjir kilat, memandangkan setiap pembangunan taman baharu disyaratkan menyediakan kolam takungan air.

Punca utama banjir adalah disebabkan oleh hujan lebat secara berpanjangan dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

3. Permasalahan Banjir di Kampung Expo, Kampung Baru dan Kampung Sungai Rantin.

1. Bilakah kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja naik taraf sistem saliran dan longkang utama di kawasan berkenaan bagi memastikan aliran air lancar ketika hujan lebat?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Masalah banjir di Kampung Expo : Kawasan tersebut adalah rendah daripada aras sungai. Pihak Majlis telah menyiapkan infrastruktur hampir 75% melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pihak Majlis sentiasa memantau dari semasa ke semasa.

Banjir di Kampung Baru dan Kampung Sungai Rantin : Kawasan tersebut bukan di bawah kawasan operasi Majlis dan tidak dikenakan cukai taksiran.

Soalan Dari : YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PANGKOR)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Industri pelancongan merupakan antara sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi Negeri Perak, khususnya di kawasan pulau peranginan seperti Pulau Pangkor. Antara caj yang dikenakan kepada pelancong semasa menginap di hotel ialah caj perkhidmatan tempatan (CPT) yang sering menjadi persoalan dalam kalangan pengusaha dan pelanggan berkenaan ke mana hasil kutipan caj tersebut disalurkan?

Bagaimanakah hasil tersebut dimanfaatkan bagi menyokong pembangunan sektor pelancongan, khususnya di Pulau Pangkor?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan atau lebih dikenali sebagai CPT telah mula dilaksanakan mulai Januari 2025 selaras dengan pewartaan Enakmen Hotel Perak 2023 dan Peraturan-Peraturan Hotel Perak 2024.

Caj sebanyak RM3 semalam bagi setiap bilik dikenakan kepada pelanggan / pelancong. Kutipan ini merupakan hasil baharu bagi Negeri Perak. Keputusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak telah menetapkan bahawa segala hasil kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan akan diagihkan sebahagian kepada Kerajaan Negeri dan sebahagian lagi kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan mengikut prestasi kutipan sehingga tahun 2026.

Hasil Kutipan CPT yang dikutip oleh Kerajaan Negeri melalui PBT akan dijadikan salah satu sumber bagi pembangunan produk pelancongan, menambah baik dan menaik taraf kemudahan kepada para pelancong serta melaksanakan program-program bertemakan pelancongan yang akan merancakkan lagi aktiviti pelancongan dalam Negeri Perak demi menarik lebih ramai pelancong datang ke Manjung terutama Pulau Pangkor.

Tujuan utama CPT adakah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pelancongan dan menyokong pembangunan. Antaranya adalah :

1. Pembaikan/ penyelenggaraan. infrastruktur pelancongan contoh jeti, laluan pejalan kaki, tandas awam
2. Pengurusan kebersihan dan sisa pepejal seperti kutipan sampah,tong sampah tambahan di lokasi tumpuan pelancongan@ operasi pembersihan pantai/laut.
3. Pembangunan produk/ latihan komuniti seperti latihan pengusaha kecil (homestay/penduduk tempatan) @ penyelenggaraan warisan budaya.

2. Mutakhir ini, pelbagai kes buli dan keganasan di sekolah serta institusi pendidikan tular di media sosial, menimbulkan kebimbangan ibu bapa dan masyarakat terhadap keselamatan anak-anak kita di sekolah.

Perkara ini bukan sahaja menjejaskan emosi dan motivasi pelajar, malah boleh mencalarakan imej institusi pendidikan negeri.

1- Apakah langkah-langkah pencegahan dan tindakan tegas yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri, khususnya dalam memperkukuhkan program anti-buli dan keselamatan pelajar, termasuk usaha pendidikan kesedaran di sekolah-sekolah seluruh Negeri Perak?

Jawapan Soalan 2

Tuan Yang Dipertua & Ahli Dewan Yang Mulia,

Bagi menjawab soalan Pangkor berkenaan langkah – langkah pencegahan dan tindakan terhadap kes buli dan keganasan di sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi mahu pun mencegah perkara ini.

Antaranya ialah :

1. Pendekatan Pencegahan [terdapat 3 pendekatan pencegahan iaitu :

1.1 Pelaksanaan Program Pendidikan Kesedaran Anti-Buli Sekolah seperti Minggu Anti Buli dan 5 minit Anti buli.

1.2 Integrasi Elemen Kaunseling Preventif dalam PdPc dan Aktiviti Sekolah, yang mana Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) mengintegrasikan nilai hormat, empati, komunikasi berkesan dan pengurusan emosi dalam sesi kaunseling, bimbingan kelas dan kokurikulum.

Dan program “**Minda Sihat**” yang digunakan bagi melatih PRS dan murid mengurus tekanan dan kemarahan — yang menjadi punca utama tingkah laku agresif.

1.3 Saringan Awal Risiko Tingkah Laku dan Emosi iaitu Saringan Psikososial dan Emosi dalam Program Minda Sihat untuk mengesan murid berisiko menjadi pembuli atau mangsa. Ianya menggunakan Data saringan untuk merancang intervensi awal secara berfokus (contohnya, program pemulihan tingkah laku).

2. Pendekatan Intervensi [4 pendekatan intervensi]

2.1 Kaunseling Individu dan Kelompok yang mana sesi kaunseling dilaksanakan berasaskan pendekatan pemulihan tingkah laku dan Kaunseling Fokus.

2.2 Penubuhan Pasukan Sokongan Psikososial Sekolah yang terdiri daripada GBK, guru disiplin, warden, PRS dan pentadbir yang berperanan mengurus krisis, merancang intervensi kes buli, dan memastikan kesejahteraan emosi murid terpelihara.

2.3 Jalinan kerjasama dengan rakan-rakan sinergi seperti PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat [JKM], Jabatan Kesihatan Negeri [JKN], MCMC dan Badan Bukan Kerajaan [NGO] dalam menangani kes buli berat. Kes yang serius dirujuk untuk tindakan lanjut mengikut tatacara perundangan dan prosedur KPM.

2.4 GBK, Warden, dan Guru Asrama diberi latihan berkaitan PFA [Psychological First Aid], Kaunseling Krisis, dan Pencegahan Buli Siber bagi mengesan tanda-tanda awal buli serta melaksanakan pengawasan efektif.

3. Pendekatan Pemulihan [2 pendekatan pemulihan]

- 3.1 Program Intervensi Murid Berisiko menggunakan pendekatan berasaskan sokongan rakan sebaya melalui Pembimbing Rakan Sebaya [PRS] membantu membina semula keyakinan diri dan empati serta pendekatan pemulihan melalui kem-kem bina sahsiah.
- 3.2 Sesi Kaunseling Pemulihan dan Pemantauan Susulan yang mana GBK menjalankan sesi susulan selepas setiap intervensi bagi memastikan perubahan tingkah laku berterusan. Selain daripada data pemantauan direkod dalam SePKM untuk tujuan pelaporan dan penambahbaikan program serta sesi kaunseling wajib bagi pelaku, mangsa buli dan penyaksi buli

Oleh yang demikian, kes buli dan keganasan di sekolah menuntut kerjasama menyeluruh daripada semua pihak, baik pihak guru, ibu bapa, pelajar serta komuniti. Ini termasuklah pendidikan nilai, pemantauan berterusan, saluran aduan yang selamat dan juga sokongan kaunseling di samping mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. Saya percaya dengan komitmen bersama dan memupukkan budaya saling menghormati, perkara ini mampu di cegah dan akhirnya mewujudkan keadaan yang selamat dan harmoni.

3. Kes kematian seorang pendaki gunung, Allahyarham Mustaqqeem Mansor, 34, yang ditemukan meninggal dunia di Gunung Liang, Perak mengejutkan masyarakat khususnya dalam kalangan penggemar aktiviti riadah ini.

Saya ingin tahu, apakah respon kerajaan negeri dalam isu ini khususnya membabitkan SOP aktiviti pendakian dan kawalan daripada Jabatan Perhutanan negeri.?

Jawapan Soalan 3

Yang Berhormat Dato' Seri Yang Dipertua, izinkan saya akan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Buntuong dan Yang Berhormat Pangkor secara bersekali kerana ianya berkaitan.

Kerajaan Negeri mengambil serius berkenaan kes kematian Allahyarham Mustaqqeem Mansor berumur 34 yang ditemui meninggal dunia di puncak Gunung Liang pada Oktober yang lalu. Sehingga kini Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) sedang menjalankan siasatan ke atas 11 orang individu yang terdiri daripada dua (2) orang malim gunung perhutanan dan 9 orang pendaki di bawah Seksyen 47(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 bagi kesalahan memasuki Hutan Samanna Kekal (HSK) tanpa permit.

Di Negeri Perak, terdapat 55 kawasan pendakian telah dikenalpasti oleh JPNPk yang berada di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK). Berdasarkan Seksyen 47(1)(c), setiap aktiviti pendakian di dalam kawasan HSK diwajibkan untuk memiliki Permit Memasuki HSK yang boleh dimohon secara atas talian bagi membolehkan pemantauan bilangan pendaki dijalankan secara sistematik. Jika aktiviti pendakian pada ketinggian melebihi 500 meter, Kerajaan Negeri melalui JPNPk telah menetapkan aktiviti pendakian tersebut perlu disertai Malim Gunung Perhutanan (MGP) yang diiktiraf termasuk pemakaian dokumen SOP pendakian. Penguatkuasaan ini telah bermula pada 1 Jun 2023 setelah mendapat kelulusan oleh Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri Perak dan dipraktikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 1 Mac 2023. Sehingga kini, 376

orang MGP telah dilatih dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan seramai 320 masih aktif menjalankan tugas sebagai juru pandu rasmi.

Bagi memastikan keselamatan dan kawalan aktiviti, JPNPk telah menggubal Prosedur Operasi Standard (SOP) Pendakian HSK Negeri Perak dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Meteorologi serta Persatuan Malim Gunung Negeri Perak. SOP ini menjadi panduan utama dalam aspek pengurusan risiko, keselamatan, tindakan kecemasan serta tanggungjawab pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa perhutanan, pentadbir kawasan, malim gunung dan pendaki.

Memandangkan kes di Gunung Liang melibatkan aktiviti pendakian rentas negeri, JPNPk akan berunding dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Kelantan dan Pahang bagi memperhalusi syarat serta penyelarasan tatacara pendakian trans agar aspek keselamatan dan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan secara bersama.

Sebagai langkah jangka panjang, JPNPk turut merancang untuk melaksanakan Kajian Risiko Kemalangan dan Bencana di Kawasan Pendakian bagi mengenal pasti kawasan berisiko serta menambah baik langkah pencegahan. Dalam masa yang sama, jabatan turut meneliti penggunaan sistem pemantauan dan penilaian secara masa nyata (real-time) bagi kawasan pendakian berisiko tinggi untuk meningkatkan kecekapan tindak balas sekiranya berlaku insiden tidak diingini

Sebagai langkah kawalan tambahan, JPNPk sedang melaksanakan Kajian Had Daya Tampung Kawasan Pendakian Tumpuan di Negeri Perak melalui peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT). Dua kajian telah disiapkan di Daerah Hutan Kinta/Manjung dan Perak Selatan, dua lagi sedang dijalankan di Hulu Perak dan Kuala Kangsar, manakala satu lagi di Larut dan Matang dijadualkan pada tahun 2026. Kajian ini akan membantu kerajaan negeri menetapkan kuota pendaki yang dibenarkan pada satu-satu masa demi memastikan aktiviti pendakian dijalankan secara terkawal, selamat dan lestari.

Soalan Dari : YB PUAN KOO HAAI YEN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KERANJI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 1. Projek Naiktaraf Infrastruktur di Kawasan Keranji

(a) Sila nyatakan jumlah projek menaik taraf jalan raya, longkang, dan kemudahan awam yang telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Keranji pada tahun 2024 dan 2025.

(b) Apakah kriteria utama yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam menentukan keutamaan projek-projek kecil di kawasan luar bandar?

(c) Adakah kerajaan negeri bercadang menambah peruntukan khusus untuk penyelenggaraan berkala bagi jalan dan longkang di kawasan DUN Keranji?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS) bagi memantau sistem saliran kekal, sementara dan juga kolam tadahan secara berkala supaya ianya sentiasa dapat berfungsi dengan sempurna. Malah PBT turut mengambil pendekatan proaktif untuk mengelakkan banjir kilat melalui sistem perparitan dan memastikan infrastruktur awam sentiasa berada dalam keadaan yang baik seperti berikut :-

1. Setiap permohonan pembangunan mematuhi syarat dan garis panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi Ke-2 (MSMA 2nd Edition) di mana penyediaan kolam takungan di dalam kawasan pemajuan adalah kaedah kawalan air larian dari punca;
2. PBT sentiasa melaksanakan pemantauan untuk memastikan longkang diselenggara terutama kerja-kerja penyelenggaraan monsoon drain sebagai alternatif penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir;
3. Membesarkan saiz parit mengikut rizab yang ditetapkan;
4. Mengadakan kolam takungan;
5. Mengurangkan aliran air ke kawasan tersebut dan membuat aliran baru;
6. Membuat penambahbaikan pada sistem saliran sedia ada dengan memastikan infrastruktur di kawasan baharu tidak menjejaskan kawasan sedia ada;
7. Aduan awam yang diterima akan diselesaikan dengan segera oleh PBT atau pihak konsesi yang dilantik;
8. Mewujudkan rekod bagi lokasi hotspot kejadian banjir bagi memudahkan tindakan pemantauan dan kajian penyelesaian masalah dapat dilaksanakan;
9. Mencadangkan kawasan lapang dijadikan kolam tadahan kering supaya kegunaan kawasan lapang dapat digunakan dengan lebih optimum;
10. Menaiktaraf longkang-longkang sedia ada di dalam kawasan perumahan, mengadakan pam air untuk mempercepatkan pembuangan air ke sungai apabila berlaku hujan lebat;
11. Mematuhi jadual pusingan kerja-kerja pembersihan longkang-longkang PBT yang telah ditetapkan;
12. Mengadakan kolaborasi dari semasa ke semasa dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain seperti Pejabat Daerah dan Tanah (Unit Pembangunan Daerah) dan JKR bagi menangani masalah yang melibatkan isu banjir kilat ini;
13. Terdapat beberapa PBT telah mengambil inisiatif merancang untuk membuat kajian pelan induk dan rekabentuk terperinci sistem saliran bagi kawasan-kawasan bandar

yang sering mengalami masalah banjir kilat di PBT masing-masing namun tertakluk kepada peruntukan kewangan; dan

14. Aspek perundangan dan penguatkuasaan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi kawalan kepada pembangunan baharu kepada kawasan sedia ada.

Terdapat dua kampung tradisional (Kampung Batu Berangkai dan Kampung Batu Karang) dan satu kampung Orang Asli (Kampung Orang Asli Batu Berangkai) di DUN Keranji yang diselia oleh PDT Kampar. Berikut merupakan bilangan projek dan jumlah kos yang terlibat bagi naiktaraf infrastruktur jalan, longkang dan kemudahan awam di kawasan DUN Keranji :

Tahun 2024: 11 Projek Berjumlah RM423,000.00

Tahun 2025: 10 Projek Berjumlah RM624,639.50

Bagi Majlis Daerah Kampar (MDKpr), pada tahun 2024 sebanyak 84 tajuk projek dengan kos keseluruhan RM 10,419,580.90 manakala pada tahun 2025 sebanyak 69 tajuk projek dengan kos keseluruhan RM 7,933,745.99 telah dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang merangkumi kerja-kerja naiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam.

Selain itu, berikut adalah senarai projek atau kerja senggaraan di bawah seliaan JKR yang telah atau sedang dilaksanakan di kawasan Keranji pada tahun 2024 dan 2025:-

BIL	TAJUK KERJA
1	Kerja-Kerja Senggaraan Lampu Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Laluan FT001 Jalan Ipoh - Tanjung Malim Dari Seksyen KM557 Hingga KM562, Daerah Kampar
2	Program Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot),Fasa 1-Perak (Kampar)
3	Berkala Bukan Pavement / Fasa 1 / 2025 / Kampar / Jalan Ipoh - Tanjung Malim / FT001 / 558.5 / Kerja-Kerja Membaik Pulih Expansion Joint Dan

	Kerja-Kerja Berkaitan
4	Kerja-Kerja Senggaraan Lampu Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan (Localised) Di Seksyen 562.300 - 564.00 Laluan FT001 Jalan Ipoh - Tanjung Malim, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan
5	Berkala Bukan Pavement (G1 - G4) / 2025 / Kampar / Jalan Ipoh - Tanjung Malim / FT001 / 560.4 / Membaiki Bahu Jalan Rebak Serta Kerja Berkaitan
6	Berkala Pavement / Fasa 1 / 2025 / Kampar / Jalan Ipoh - Tanjung Malim / FT001 / 558.8 / 560 / Reconstruction, Mill & Pave Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan
7	Menggantikan Jambatan FT001/562/00 Sungai Kinchapp, Kampar, Perak
8	Kerja-Kerja Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspots) Di Laluan Persekutuan FT001 Jalan Ipoh - Tanjung Malim, Seksyen 559.1, Daerah Kampar, Negeri Perak
9	Kerja-Kerja Senggaraan Lampu Isyarat Di Laluan FT001 (Jalan Ipoh - Kuala Lumpur) Seksyen 558.50 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan
10	Kerja-Kerja Senggaraan Lampu Isyarat Di Laluan FT001 (Jalan Ipoh - Kuala Lumpur) Seksyen 557.50 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan
11	Kerja-Kerja Senggaraan Lampu Isyarat Di Laluan FT001 (Jalan Ipoh - Kuala Lumpur) Seksyen 559.5 Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan
12	Berkala Pavement / Fasa 3 / 2025 / Kampar / Jalan Ipoh - Tanjung Malim / FT001 / 555.00 / 555.50 / Mill & Pave Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan (Ac14)
13	Kerja Penyelenggaraan Papan Tanda Dan 'Expansion Joint' Jalan Yang Rosak Di Laluan FT001 Jalan Ipoh - Tanjung Malim Dan FT070 Jalan Kampar Changkat Jong, Daerah Kampar, Perak Darul Ridzuan.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kriteria utama adalah seperti berikut :

1. aduan awam & agensi kerajaan
2. keperluan mendesak atau kecemasan ketika bencana
3. keperluan mendesak hasil siasatan dan lawatan pdt kampar
4. tempoh masa bagi satu-satu infrastruktur yang tidak diselenggara melebihi 3 tahun jika ada kerosakan dan keperluan untuk dibaikpulih atau diselenggara

Pihak JKR menyediakan senarai anggaran penyenggaraan jabatan secara tahunan dan kriteria pertimbangan termasuk tahap kerosakan, risiko kerosakan infrastruktur terhadap pengguna jalan raya, faktor keselamatan pengguna, isipadu trafik di sesuatu laluan dan lain-lain perkara yang berkaitan.

Pemilihan tajuk projek dibuat mengikut keutamaan di sesuatu kawasan bagi memastikan pelaksanaan projek dapat memberi impak kepada penduduk setempat.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan kerja menaik taraf longkang utama, parit dan kolam takungan melalui kaedah kerja berkala. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kewangan Negeri Perak menyalurkan peruntukan MARRIS berdasarkan

kepada senarai perancangan kerja-kerja pembaikan tahunan yang akan dilaksanakan pada tahun semasa yang dikemukakan oleh setiap PBT yang melibatkan kawasan operasi PBT sahaja.

Dalam pada itu juga, Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan tambahan sekiranya terdapat keperluan bergantung kepada kemampuan PBT untuk memastikan projek-projek dapat disiapkan dalam tahun semasa dengan sempurna.

Jalan raya senggaraan pihak JKR di kawasan DUN Keranji melibatkan Jalan Persekutuan di mana peruntukan adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman YB, PDT Kampar mempunyai rekod dan keperluan bagi penyenggaraan jalan dan longkang yang perlu disenggara bagi daerah Kampar t

ermasuk di DUN Keranji. Sehubungan dengan itu, PDT Kampar sentiasa mengemukakan cadangan penyenggaraan tersebut kepada Kerajaan Negeri dan peruntukan semasa tahunan yang diterima akan diagihkan mengikut keutamaan serta keperluan mendesak yang dinilai oleh bahagian teknikal.

Walau bagaimanapun, PDT Kampar sentiasa terbuka untuk mendapatkan maklum balas daripada YB sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk penyenggaraan dan pembaikan jalan, longkang dan kemudahan awam di kawasan YB.

2. 2. Isu Bekalan Air Bersih di Kampar dan Keranji

(a) Sila nyatakan status terkini projek naik taraf Loji Rawatan Air (LRA) di Kampar dan kawasan sekitar Keranji.

(b) Apakah langkah segera kerajaan negeri bagi menangani masalah gangguan bekalan air yang kerap berlaku di kawasan perumahan lama?

(c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan sistem pemantauan digital bagi mengesan kebocoran paip dan tekanan air rendah secara masa nyata?

Jawapan Soalan 2

Status semasa kemajuan projek tersebut adalah seperti berikut :

- 1) Komponen projek yang terdiri daripada pembinaan intake, pembinaan kolam takungan dan pemasangan paip agihan dari Loji Kampar ke Kolam Pui Yuen telah siap sepenuhnya manakala kadar kemajuan bagi pembinaan loji rawatan air adalah 20 % dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.
- 2) Bagi menangani masalah gangguan bekalan air yang kerap berlaku di kawasan perumahan lama, pihak kerajaan melalui Lembaga Air Perak melaksanakan beberapa langkah proaktif.
- 3) Antara langkah utama ialah pelaksanaan program penggantian paip lama secara berfasa setiap tahun. Program ini dijalankan mengikut keutamaan dan memberi fokus kepada kawasan perumahan lama yang sering mengalami kebocoran dan gangguan bekalan air.
- 4) Selain itu, pemantauan tekanan air dijalankan secara berterusan bagi memastikan tekanan dalam sistem sentiasa berada pada tahap yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- 5) Kawalan tekanan ini juga penting bagi mengelakkan tekanan yang terlalu tinggi yang boleh menyebabkan paip sedia ada pecah dan seterusnya mengurangkan risiko gangguan bekalan air kepada pengguna.
- 6) Langkah-langkah ini diharap dapat meningkatkan kecekapan sistem agihan air dan memastikan penduduk di kawasan perumahan lama terus menerima bekalan air yang stabil dan berkualiti.
- 7) Lembaga Air Perak telah lama melaksanakan sistem pemantauan digital bagi mengesan kebocoran paip dalam sistem agihan air di seluruh negeri.
- 8) Pemantauan ini dilaksanakan melalui sistem **District Metering Area (DMA)** yang dilengkapi dengan **data logger** bagi mengawal dan memantau tekanan air secara 24 jam sehari.
- 9) Sekiranya berlaku kebocoran atau penurunan tekanan yang luar biasa, sistem akan mengeluarkan isyarat amaran yang dihantar terus ke telefon pegawai LAP yang bertugas untuk tindakan segera.
- 10) Selain itu, LAP turut menggunakan teknologi **Advance Pressure Management Control (APMC)** bagi mengawal tekanan dalam sistem agihan air bagi meminimumkan risiko kebocoran dan paip pecah.
- 11) Sistem ini juga disokong oleh **Remote Monitoring System (RMS)** yang menerima dan merekodkan data paras air secara langsung daripada kolam takungan, sekaligus membolehkan pengesanan awal sekiranya berlaku kehilangan air atau kebocoran dalam sistem.
- 12) Di samping pemantauan digital, LAP turut melaksanakan aktiviti pengesanan kebocoran secara manual dan berkala oleh pasukan teknikal bagi memastikan kebocoran kecil dapat dikesan dan diperbaiki lebih awal.
- 13) Langkah-langkah ini membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam mempertingkatkan kecekapan sistem bekalan air melalui penggunaan teknologi digital dan pemantauan berterusan demi memastikan perkhidmatan air yang lebih mampan dan berkualiti kepada rakyat

Soalan Dari : YB PUAN WONG CHAI YI

Ahli Dewan Undangan Negeri : (SIMPANG PULAI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Larangan Penjualan Vape di Perak

- (a) Apakah kajian impak kesihatan dan ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan negeri sebelum memutuskan untuk melaksanakan larangan penjualan vape di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT)?
- (b) Adakah kerajaan negeri telah menjalankan penilaian risiko terhadap kemungkinan kemunculan pasaran gelap, khususnya melalui platform dalam talian dan kawasan sempadan negeri selepas larangan dilaksanakan?
- (c) Bagaimanakah kerajaan negeri akan memantau dan menguatkuasakan larangan ini, termasuk langkah mencegah penjualan vape secara dalam talian atau di kawasan sempadan yang mungkin sukar dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN :

Dato' Seri Yang Dipertua,

Saya akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bota dan Yang Berhormat Simpang Pulai memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama, iaitu berkaitan penggunaan vape dan rokok

(a)

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak memandang serius berkaitan penjualan produk merokok secara dalam talian & pelan tindakan bagi mengekang aktiviti ini. JKN Perak akan terus menjalankan penguatkuasaan secara menyeluruh dan bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk penguatkuasaan perlesenan penjualan produk merokok. Selain itu aktiviti penguatkuasaan juga dirancang secara bersepadu bersama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia bagi penguatkuasaan dan pemantauan penjualan produk merokok di atas talian serta lain-lain agensi berkepentingan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

(b)

Pihak kerajaan memandang serius berkaitan peningkatan penggunaan produk vape dan rokok elektronik. Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah bersetuju untuk melaksanakan bahawa tiada lagi pengeluaran lesen jualan vape mulai Januari 2026. Seksyen 10(1) dibaca bersama peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024; larangan penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, secara dalam talian. Aktiviti risikan melalui Unit Risikan Negeri dan Daerah sentiasa memantau aktiviti penjualan dalam talian atau mana-mana penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang tidak didaftarkan.

Melalui pewartaan **Akta 852**, merangkumi penguatkuasaan terhadap pendaftaran produk, kawalan terhadap penjualan sama ada kepada Orang Belum Dewasa (OBD) mahupun kaedah-kaedah penjualan yang ditetapkan serta penguatkuasaan terhadap perilaku masyarakat melalui penguatkuasaan terhadap larangan merokok di kawasan larangan merokok.

(c)

JKN Perak melalui Framework Convention of Tobacco Control (FCTF) KKM, Putrajaya akan sentiasa mengkaji dan membuat penilaian terhadap peruntukan yang dikhususkan kepada Orang Belum Dewasa (OBD) melalui peruntukan di bawah seksyen 53(1) di mana menteri membuat peraturan-peraturan yang boleh memberi manfaat dan menyekat penggunaan vape dan produk merokok terutama kepada OBD.

Perundangan di bawah Seksyen 15(1)(f) Akta 852 (Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024) adalah larangan penerbitan iklan produk merokok yang bertujuan atau berkemungkinan untuk menggalakkan seseorang untuk merokok. Ini termasuk larangan membuat iklan yang mengandungi produk tembakau, bahan merokok, atau jenama produk tersebut, serta larangan promosi produk sebagai produk berhenti merokok.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Simpang Pulai,

(a)

National Health Morbidity Survey (NHMS) 2022 melaporkan bahawa prevalen merokok dalam kalangan pelajar adalah 6.2% atau 2,078 pelajar, dan prevalen penggunaan vape adalah 14.9% (4,995 pelajar) dengan 28% daripadanya adalah pelajar lelaki dan 8.9% merupakan pelajar perempuan. Kajian sama juga menganggarkan hampir 65.7% pelajar yang merokok telah merokok sebelum umur 14 tahun. Selain itu, kajian *Global Adult Tobacco Survey (GATS)* yang dijalankan pada tahun 2023 dalam kalangan individu berumur 15 tahun dan ke atas mendapati seramai 4.8 juta (19.0%) rakyat Malaysia adalah perokok dengan kadar perokok semasa adalah 35 kali lebih tinggi dalam kalangan lelaki berbanding wanita. Manakala, kajian yang sama juga mendapati sebanyak 5.8% atau 1.4 juta rakyat Malaysia merupakan pengguna vape.

Kerajaan Negeri mengambil maklum kebimbangan terhadap peningkatan penggunaan rokok elektronik atau vape yang memberi kesan buruk kepada kesihatan awam.

Dalam mempertimbangkan pelaksanaan larangan lesen penjualan vape di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah meneliti dapatan daripada Global Adult Tobacco Survey (GATS) dan National Health and Morbidity Survey (NHMS) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan penggunaan rokok elektronik di Malaysia serta risiko ketagihan nikotin yang tinggi. Penggunaan produk ini turut dikaitkan dengan pelbagai kesan buruk terhadap kesihatan paru-paru dan sistem kardiovaskular. Dari sudut ekonomi, penggunaan produk tembakau dan nikotin termasuk vape menyumbang kepada peningkatan kos rawatan penyakit tidak berjangkit yang ditanggung oleh kerajaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengambil kira laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kes-kes tangkapan berkaitan penjualan dan penyalahgunaan bahan melibatkan cecair vape di Negeri Perak. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap risiko penyalahgunaan bahan terlarang melalui saluran vape. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa menilai dari semasa ke semasa impak kesihatan, sosial, ekonomi dan keselamatan awam berkaitan penggunaan serta penjualan vape dan rokok elektronik. Justeru, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan “cegah sebelum parah” dengan melaksanakan langkah-langkah kawalan yang bersesuaian bagi melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat Negeri Perak.

(b)

Pihak KKM sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan dan akan mengambil tindakan undang-undang dibawah Seksyen 10(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (AKPMDKA 2024/ Akta 852) terhadap kesalahan yang melibatkan penjualan secara dalam talian, melalui aktiviti risikan melalui Unit Risikan Negeri dan Daerah. Unit tersebut sentiasa memantau aktiviti penjualan dalam talian atau mana-mana penjualan produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang tidak didaftarkan.

(c)

Aktiviti risikan di bawah bidang kuasa KKM secara berterusan dilakukan dengan kerjasama daripada lain-lain agensi serta jabatan dipergiatkan serta tindakan undang-undang di bawah Seksyen 10(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (AKPMDKA 2024/Akta 852) terhadap kesalahan yang melibatkan penjualan secara dalam talian. Pihak kerajaan berbesar hati agar mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkaitan ketidakakuran Akta 852 boleh menyalurkan kepada JKN Perak untuk tindakan selanjutnya bagi mengekang kejadian ini.

2. ENAKMEN HOTEL PERAK 2023

- (a) Minta Kerajaan Negeri nyatakan jumlah pendaftaran premis yang telah diterima setakat ini?
- (b) Apakah tindakan yang diambil ke atas pengusaha yang masih tidak berdaftar atau belum memenuhi semua syarat?
- (c) Apakah manfaat pelaksanaan enakmen ini terhadap komuniti setempat dan sektor pelancongan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga November 2025, sebanyak 1,221 buah premis telah berdaftar melibatkan 15 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri. Pendaftaran tersebut meliputi lima kategori, iaitu:

Kategori 1 – Hotel bertaraf tinggi dengan kemudahan lengkap seperti kolam renang dan gimnasium: 11 premis

Kategori 2 – Hotel dengan kemudahan sederhana seperti restoran dan bilik mesyuarat: 18 premis

Kategori 3 – Hotel biasa dengan kemudahan asas seperti bilik berhawa dingin dan televisyen: 56 premis

Kategori 4 – Hotel bajet atau penginapan kos rendah dengan kemudahan terhad: 484 premis

Kategori 5 – Asrama, motel, rumah tumpangan, rumah bot, homestay, tapak perkhemahan, dan kenderaan yang dijadikan tempat menginap berbayar: 652 premis

Setakat ini, pendaftaran tertinggi dicatat oleh Majlis Bandaraya Ipoh dengan 457 premis, diikuti Majlis Perbandaran Manjung sebanyak 175 premis dan 100 premis di bawah Majlis Perbandaran Taiping.

Walaupun kebanyakan PBT berstatus majlis daerah mencatatkan pendaftaran di bawah 100 premis, apa yang lebih signifikan ialah pendaftaran di kawasan eko-pelancongan seperti rumah bot, tapak perkhemahan, homestay dan penginapan alternatif lain yang sebelum ini berada di luar sistem kawal selia.

Perkembangan positif ini menunjukkan bahawa enakmen ini mula berjaya membawa segmen baharu masuk ke dalam rangka yang lebih teratur dan selamat, selaras dengan keperluan semasa industri pelancongan.

Pada masa yang sama, berdasarkan data yang dikumpul oleh PBT setakat ini, terdapat 1,587 premis yang masih belum mendaftar di bawah enakmen ini, iaitu jumlah yang lebih tinggi berbanding 1,221 premis yang telah mendaftar.

Angka ini menunjukkan betapa pentingnya pengusaha memberi perhatian serius terhadap keperluan pendaftaran supaya operasi mereka selari dengan undang-undang dan selamat untuk para pengunjung.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Proses pemutihan pendaftaran telah tamat pada 30 Jun 2025. Dalam tempoh pemutihan selama setahun itu, kerajaan negeri bersama semua PBT telah memberikan ruang, peluang dan bimbingan yang secukupnya kepada para pengusaha untuk mendaftar serta memenuhi syarat-syarat pelesenan yang ditetapkan.

Kini, atas budi bicara semua Pihak Berkuasa Tempatan, proses pujukan serta notis peringatan masih diberi kepada pengusaha hotel yang masih belum membuat pendaftaran.

Walau bagaimanapun, mulai Januari 2026, notis akan dikeluarkan kepada pengusaha yang masih berdegil mengikut tempoh yang ditetapkan sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan mahupun kompaun dikenakan.

Di bawah **Seksyen 3 (4)**, sekiranya didapati mengendalikan hotel tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen (Pihak Berkuasa Tempatan), pengusaha boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Jika kesalahan berterusan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Ini adalah peruntukan undang-undang yang jelas, dan ia akan dikuatkuasakan. Kerajaan Negeri mengambil pendirian tegas bahawa tiada lagi toleransi terhadap operasi tanpa lesen, premis haram atau pengusaha yang sengaja mengingkari Enakmen Hotel Perak, demi memastikan industri penginapan di Perak beroperasi secara teratur, selamat dan profesional.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pelaksanaan Enakmen Hotel bertujuan memperkukuh aspek keselamatan, kebersihan dan tadbir urus dalam sektor penginapan. Manfaat utamanya kepada komuniti dan sektor pelancongan ialah penekanan terhadap konsep “Pelancongan Selamat” bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini.

Melalui pelaksanaan enakmen ini, semua pengusaha berdaftar diwajibkan memenuhi standard keselamatan yang ditetapkan. Sebagai contoh, penyediaan peralatan keselamatan seperti peti kecemasan dan alat pemadam api adalah mandatori. Dengan itu, sekiranya berlaku kecemasan, pihak berkuasa dan pelancong dapat mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengusaha yang mengabaikan aspek keselamatan.

Selain itu, proses pendaftaran ini turut mewujudkan sebuah bank data lengkap yang kini dimiliki Kerajaan Negeri dan Tourism Perak. Ini akan membantu pemilik premis dalam mempromosikan penginapan mereka dengan lebih meluas melalui kempen yang diadakan secara usahasama dengan pihak Kerajaan.

Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, pelaksanaan enakmen ini juga memberi kelebihan kompetitif kepada Perak kerana kita mampu menawarkan penginapan yang sah, selamat dan mempunyai standard seragam. Ini secara langsung meningkatkan keyakinan pelancong serta merangsang pertumbuhan sektor pelancongan negeri.

3. Lembaga Air Perak

- (a) Nyatakan jumlah projek penggantian paip air lama yang telah diluluskan serta kos penggantian dan panjang paip mengikut daerah sejak tahun 2022.
- (b) Nyatakan dasar dan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan penggantian paip air lama mengikut perancangan tanpa kelewatan
- (c) Nyatakan kadar peratusan non revenue water (NRW) terkini di Perak?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek penggantian paip air lama yang telah diluluskan serta kos penggantian dan panjang paip mengikut daerah sejak tahun 2022 sehingga kini adalah seperti berikut;

Daerah	Panjang Penggantian Paip (meter)	Kos Penggantian Paip
Daerah Kerian, Larut	57,116	7,091,220.19

Matang & Selama		
Daerah Muallim, Batang Padang, Hilir Perak dan Bagan Datuk	68,296	8,271,252.92
Daerah Kuala Kangsar & Hulu Perak	37,369	8,115,258.54
Daerah Perak Tengah & Manjung	61,464	9,485,717.00
Daerah Kinta & Kampar	32,757	6,207,708.58
Negeri Perak	257,002	39,171,157.23

b) Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Air Perak (LAP) bagi memastikan penggantian paip air lama dapat dilaksanakan mengikut perancangan tanpa sebarang kelewatan adalah seperti berikut;

i) Pemantauan Tapak dan Audit Teknikal Berkala

Pasukan teknikal LAP melaksanakan semakan berkala di tapak bagi memastikan kerja mengikut spesifikasi dan jadual

ii) Pelaporan dan Penilaian Projek

Setiap fasa penggantian paip disertakan laporan kemajuan dan penilaian prestasi kontraktor untuk memastikan penambahbaikan berterusan

iii) Perancangan Tahunan Berdasarkan Keutamaan Risiko

Kawasan dengan kadar kebocoran tinggi, paip using, atau kawasan kritikal (Hospital atau bandar utama) diberi keutamaan dalam pelan penggantian tahunan

iv) Kerjasama dengan Kontraktor Berpengalaman dan Berintegriti

LAP menetapkan kriteria ketat dalam pemilihan kontraktor bagi memastikan kerja dijalankan mengikut masa dan kualiti yang ditetapkan.

v) Inventori dan Penilaian Aset Paip Sedia Ada

LAP melaksanakan audit aset dan pemetaan sistem paip menggunakan teknologi GIS untuk mengenal pasti lokasi paip lama, umur paip, serta kadar kebocoran

c) Untuk makluman Yang Berhormat, Kadar NonRevenue Water (NRW) sehingga September 2025 adalah pada 32.1%

Soalan Dari : YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL

Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHANGKAT JERING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Kesiapsiagaan Tenaga Kerja Negeri Perak ke Arah Perak Sejahtera 2030.

Apakah Kerajaan Negeri telah merangka strategi dan pelan tindakan bagi memastikan tenaga kerja di Negeri Perak mencukupi serta mempunyai tahap kemahiran yang seiring dengan keperluan industri semasa dalam merealisasikan hasrat Perak Sejahtera 2030? Selain itu, apakah inisiatif yang dijalankan bagi meningkatkan kemahiran (upskilling) dan kemahiran semula (reskilling) tenaga

kerja tempatan supaya dapat memenuhi permintaan sektor-sektor berimpak tinggi di negeri ini?

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Changkat Jering, Kerajaan Negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan MYFutureJobs PERKESO sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan tenaga kerja di negeri ini mencukupi dan mempunyai kemahiran yang seiring dengan keperluan industri semasa, selaras dengan matlamat Perak Sejahtera 2030.

Justeru itu, PASAK telah melaksanakan 11 kluster program latihan kemahiran jangka pendek, antaranya TVET Modular Industri, TVET Mahir Kerja, TVET Orang Asli, TVET Anak Yatim, TVET Usahawan, TVET Tahfiz, TVET Warga Emas, TVET Pelancongan, TVET OKU, TVET Mahir Usahawan dan TVET Desa Mahir yang menyasarkan kumpulan masyarakat berbeza. Program latihan ini memberi tumpuan kepada bidang kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja khususnya dalam sektor berimpak tinggi dan industri strategik negeri.

Bagi memastikan latihan yang ditawarkan benar-benar menepati kehendak industri, PASAK turut menjalankan bengkel dan mesyuarat penyelarasan bersama pihak industri, agensi kerajaan dan institusi latihan awam dan swasta. Sebagai contoh, pada 3 November 2025, kerajaan negeri melalui PASAK telah mengadakan Mesyuarat kedua Jawatankuasa Pekerjaan Wilayah Selatan bagi menyelaraskan pepadanan tenaga kerja dengan keperluan pembangunan Automotive High-Tech Valley (AHTV) di Tanjong Malim. Susulan itu, program latihan khusus dalam bidang automotif telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja tempatan di kawasan tersebut.

Selain itu, kerajaan negeri turut memberi perhatian kepada pembangunan kemahiran di setiap daerah. Sebagai contoh di Daerah Larut, Matang dan Selama, sebanyak 25 program latihan TVET telah dilaksanakan dalam tempoh 2023 hingga 2025, melibatkan 488 peserta dan daripada jumlah itu, 89 orang telah berjaya ditempatkan bekerja selepas tamat latihan.

Usaha berterusan ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memperkukuh program upskilling dan reskilling bagi melahirkan

tenaga kerja Perak yang lebih berdaya saing, berketerampilan dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa depan.

PERKESO melalui Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam meningkatkan kemahiran (upskilling) dan kemahiran semula (reskilling) tenaga kerja tempatan di seluruh negara termasuk di negeri Perak agar dapat memenuhi permintaan sektor-sektor berimpak tinggi serta ianya sesuai dengan permintaan daripada pemain industri. Antaranya;

Melaksanakan inisiatif Program Daya Kerjaya 3.0 yang merupakan satu insentif penggajian di bawah Belanjawan 2025 yang diberikan kepada majikan. Program ini membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti bekas banduan dan Orang Kurang Upaya (OKU). Insentif khas ini adalah sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan untuk majikan yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasar ini. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh permohonan dibuka pada 1 Januari sehingga 16 November 2025 sebanyak 191 permohonan daripada majikan telah diterima dan diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 majikan daripada negeri Perak yang membabitkan seramai 10 orang pekerja dengan pengesyoran bayaran berjumlah RM12 ribu.

Mempergiatkan Karnival Kerjaya kepada pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari sehingga 14 November 2025, PERKESO telah melaksanakan sebanyak 3,653 Program Karnival Kerjaya termasuk sesi temuduga harian dan mingguan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 334 program telah diadakan di negeri Perak yang mana ianya telah berjaya menarik seramai 14,045 pencari kerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,758 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Manakala 4,225 orang pencari kerja telah berjaya melangkah ke temuduga peringkat seterusnya.

Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan muda seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, Career talk, Program Profiling Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan.

Selain itu, PERKESO juga menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan terutama bagi meningkatkan kemahiran dan latihan semula

(reskilling and upskilling) di bawah LINDUNG Kerjaya atau dahulunya dikenali sebagai Sistem Insurans Pekerjaan agar kebolehpasaran dalam kalangan mereka lebih tinggi seperti;

Pembiayaan yuran latihan yang dibayar terus kepada penyedia latihan yang terpilih pada kadar maksimum sehingga RM4,000, sekiranya Orang Berinsurans (OB) ingin mengikuti latihan kemahiran vokasional.

Menyediakan elaun latihan kepada Orang Berinsurans (OB) pada kadar harian sebanyak RM10 hingga RM20. Bagi melayakkan mendapat elaun latihan, Orang Berinsurans (OB) hendaklah menghadiri sesi latihan yang telah ditetapkan.

Menyediakan program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) dengan tujuan membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan dan memerlukan kemahiran baharu untuk meningkatkan kebolehpekerjaan (employability) selaras dengan permintaan pasaran buruh semasa. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 14 November 2025, seramai 11,434 telah memohon untuk menjalani program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) di bawah program LINDUNG Kerjaya. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,109 peserta telah diluluskan untuk menjalani program latihan dan seramai 3,480 peserta mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 350 telah membuat permohonan dan 337 yang telah diluluskan untuk menjalani program di negeri Perak. Antara program latihan semula yang bersesuaian dengan permintaan pasaran pekerjaan semasa yang ditawarkan di bawah PERKESO seperti Digital Marketing, Artificial Intelligence dan Cybersecurity.

2. Pembangunan Ladang Khinzir Moden (MPF) di Negeri Perak.
Apakah status terkini usaha Kerajaan Negeri dalam mewajibkan semua pengusaha ternakan khinzir di Negeri Perak melaksanakan sistem Ladang Khinzir Moden (Modern Pig Farming - MPF)? Selain itu, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggubal Enakmen Penternakan Khinzir seperti yang dilaksanakan di Pulau Pinang bagi memperkukuh kawal selia dan pengurusan industri ternakan khinzir secara lebih berkesan?

Jawapan Soalan 2

Untuk Makluman Yang Berhormat Changkat Jering ,

Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dengan kerjasama agensi-agensi teknikal yang berkaitan

sedang melaksanakan usaha berterusan bagi menaik taraf semua ladang ternakan khinzir tradisional ke arah sistem Ladang Khinzir Moden (Modern Pig Farming – MPF). Pendekatan ini sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memastikan industri ternakan khinzir di negeri ini diurus secara lebih teratur, berdaya saing, berteknologi tinggi serta mematuhi piawaian biosekuriti dan alam sekitar yang ditetapkan.

Bagi memperkukuh rangka kawal selia industri ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengadakan Bengkel Pindaan Enakmen Penternakan Babi 1992 yang bertempat di Pulau Pangkor. Bengkel tersebut bertujuan meneliti keperluan semasa serta memperkemas peruntukan perundangan sedia ada agar lebih selaras dengan amalan terbaik semasa industri ternakan moden.

Draf pindaan Enakmen tersebut kini berada di peringkat semakan dan ulasan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS Malaysia). Antara fokus utama pindaan ini adalah untuk memperkukuh kawalan biosekuriti, memperincikan keperluan pelesenan ladang, memperkenalkan keperluan pelaksanaan sistem MPF secara berperingkat, serta memastikan aspek kebajikan haiwan dan kelestarian alam sekitar terus terpelihara.

Melalui pelaksanaan pindaan enakmen ini kelak, Kerajaan Negeri Perak berhasrat memastikan pengurusan industri ternakan khinzir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, selamat dan mampan. Ini termasuk mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar, meningkatkan penerimaan masyarakat setempat serta memperkukuh daya saing industri ternakan khinzir di Negeri Perak secara keseluruhannya.

3. Pemuliharaan bangunan warisan.

Apakah penambahbaikan atau inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam usaha memulihara bangunan-bangunan warisan di negeri ini? Umum mengetahui bahawa Perak mempunyai banyak bangunan lama pasca perang, namun tidak semuanya dapat dipulihkan ke keadaan asal disebabkan kekangan bahan binaan, kekurangan tenaga mahir dalam kerja pemuliharaan, serta kos yang tinggi. Apakah langkah strategik Kerajaan Negeri terhadap tanah dan bangunan lama khususnya di kawasan seperti Taiping, Ipoh, Kuala Kangsar dan Batu Gajah bagi memastikan aset warisan ini terus dipelihara dan dimanfaatkan?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Changkat Jering,

Pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa komited bekerjasama dengan Kerajaan Negeri serta pihak berkepentingan lain bagi memastikan tapak warisan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] sentiasa dipelihara, dilindungi dan diurus dengan baik. Selaras dengan peruntukan undang-undang, sebarang aktiviti pembangunan di tapak warisan perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan, khususnya Seksyen 40 berhubung Permohonan Kebenaran Merancang serta Seksyen 42(1) mengenai kewajipan menjaga tapak warisan dalam keadaan yang baik.

Bagi menyokong usaha pemuliharaan, JWN turut menyediakan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan yang berperanan sebagai rujukan bagi memastikan kerja-kerja pemeliharaan dilakukan secara teratur dan mampu memanjangkan jangka hayat bangunan warisan untuk dinikmati generasi akan datang. Pewartaan tapak warisan juga memberikan pelbagai kelebihan kepada pemilik, termasuk kelayakan memohon geran atau pinjaman daripada Pesuruhjaya mengikut Seksyen 43(1), tertakluk kepada peruntukan sedia ada JWN, serta kebenaran mengenakan fi masuk seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 44(1) bagi memastikan pengurusan tapak dapat dibiayai secara mampan dan menyumbang kepada pendapatan pelancongan setempat.

Selain itu, MOTAC melalui JWN turut memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan di seluruh negara, termasuk Perak. Antaranya ialah Insentif Potongan Cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi sumbangan atau penajaan projek pemuliharaan bangunan warisan; peningkatan had potongan cukai sehingga RM1 juta setahun bagi penajaan aktiviti seni, budaya dan warisan di bawah Perenggan 34(6)(k); penyediaan dana Kumpulan Wang Warisan (KWW) kepada pemunya butiran warisan; serta peruntukan bagi kerja-kerja Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naiktaraf (PPUN).

Di peringkat Persekutuan, Kerajaan turut menyediakan peruntukan khusus menerusi Belanjawan 2025 dan 2026 untuk penyelenggaraan tapak dan bangunan yang diiktiraf atau berpotensi sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan kelestarian warisan negara dipelihara, di samping memperkukuh peranan tapak warisan sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi dan pengukuhan sektor pelancongan negara.

Soalan Dari : YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MALIM NAWAR)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Pengurusan Sisa dan Tapak Pelupusan Baharu
 - (a) Apakah status semasa pelan pembangunan tapak pelupusan baharu di Kampar menggantikan tapak sedia ada yang hampir penuh?
 - (b) Adakah kerajaan negeri mempertimbangkan penggunaan teknologi rawatan sisa moden seperti waste-to-energy?
 - (c) Apakah langkah bagi memastikan pengurusan sisa padat tidak menjejaskan kesihatan awam dan alam sekitar?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berhubung soalan mengenai status pelan pembangunan tapak pelupusan baharu di Kampar, sukacita saya jelaskan bahawa buat masa ini Kerajaan Negeri belum merancang untuk membuka tapak pelupusan baharu di daerah tersebut.

Ini kerana tapak pelupusan sedia ada di bawah Majlis Daerah Kampar masih mempunyai jangka hayat sehingga tahun 2040, dengan kadar pelupusan harian sekitar 60 hingga 70 tan yang masih dalam kapasiti pengurusan semasa.

Halatuju Kerajaan Negeri hari ini bukan lagi menambah atau membuka tapak baharu, tetapi memanjangkan tempoh hayat tapak yang ada melalui beberapa pendekatan utama seperti:

1. Mengurangkan sisa di punca, termasuk kempen pengasingan sisa dan pengurangan sisa makanan.
2. Memperkukuh ekonomi kitaran, di mana lebih banyak bahan dinilai semula sebagai sumber, bukan sampah—sekali gus mengurangkan jumlah sisa yang perlu ditanam.
3. Memanfaatkan teknologi dan kaedah rawatan sisa moden untuk mengurangkan kebergantungan kepada kaedah penimbunan tanah.

Dengan strategi ini, fokus kita adalah memastikan tapak pelupusan sedia ada dapat digunakan secara lebih lestari dan tidak perlu membuka tapak baharu selagi kapasiti masih mencukupi.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri dan Majlis Daerah Kampar sentiasa bersikap terbuka terhadap penggunaan teknologi rawatan sisa moden, termasuk Waste-to-Energy (WTE).

Pihak PBT dari masa ke semasa menerima kunjungan dan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat yang menawarkan teknologi berkenaan.

Pada peringkat negeri, Jawatankuasa Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Perak juga baru-baru ini telah mengadakan lawatan kerja ke Terengganu untuk meneliti model WTE yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kemaman. Ini sebahagian usaha kerajaan dalam mengeksplorasi pilihan teknologi yang lebih mampan.

Namun begitu, memandangkan pelaksanaan WTE memerlukan kos yang tinggi, dan ini turut menjadi kekangan utama bagi PBT seperti Majlis Daerah Kampar.

Sehubungan itu, negeri dan PBT kini sedang meneliti opsyen pembiayaan alternatif seperti PFI, PPP atau kerjasama strategik lain supaya teknologi ini boleh dipertimbangkan secara lebih realistik.

Kesimpulannya, pendirian kita terbuka dan progresif, tetapi pelaksanaan perlu disesuaikan dengan kemampuan kewangan serta keberkesanan jangka panjang bagi pihak PBT dan negeri.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal tidak menjejaskan kesihatan awam dan alam sekitar, Majlis Daerah Kampar melaksanakan pendekatan yang lebih tersusun dan berfokus kepada kebersihan, pematuhan dan pengurusan sisa secara berhemah.

Pertama, dari sudut operasi harian, kutipan sisa domestik dijalankan secara konsisten — tiga kali seminggu di kawasan perumahan dan setiap hari di kawasan perniagaan. Ini penting untuk mengelakkan longgokan sisa yang boleh mengundang bau, vektor penyakit dan masalah kebersihan.

Kedua, untuk sisa pukal dan kawasan luar bandar, Majlis menyediakan jadual kutipan bulanan serta meletakkan kemudahan seperti leach bins dan RoRo bins di kampung-kampung tradisi, supaya sisa tidak dibuang merata dan tidak mencemarkan persekitaran.

Ketiga, elemen penguatkuasaan turut diperkukuh. Majlis menjalankan pemeriksaan rutin di lokasi pembuangan haram dan mengeluarkan kompaun sehingga RM1,000 kepada pesalah, selain memasang papan tanda dan membuat rondaan bagi mencegah pembuangan sampah secara tidak terkawal.

Keempat, sejajar dengan dasar negeri dan KPKT ke arah ekonomi kitaran, Majlis turut menggalakkan penduduk mengurangkan sisa di punca melalui program kitar semula bulanan melibatkan minyak masak terpakai, tayar dan e-waste.

Secara keseluruhan, kombinasi kekerapan kutipan yang konsisten, kemudahan pembuangan yang teratur, penguatkuasaan tegas, dan usaha pengurangan sisa di punca adalah langkah utama bagi memastikan pengurusan sisa di Kampar tidak memberi kesan buruk kepada kesihatan awam mahupun alam sekitar.

2. Isu Banjir Dan Pelan Tindakan Menghadapi Musim Hujan

(a) Apakah langkah-langkah segera dan jangka panjang yang sedang diambil oleh kerajaan negeri bagi menghadapi risiko banjir, khususnya di kawasan rendah dan berhampiran sungai di negeri perak?

(b) Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi memperuntukkan dana khas atau melaksanakan pelan tindakan bersepadu bersama agensi seperti JPS, JKR dan PBT untuk memastikan sistem perparitan, longkang utama serta laluan air hujan diselenggara secara berkala bagi mengelak limpahan air dan kerosakan infrastruktur awam?

(c) Apakah bentuk bantuan awal bencana yang disediakan kepada penduduk terjejas sekiranya banjir berlaku, dan adakah terdapat penambahbaikan terhadap

prosedur tindak balas pantas (rapid response) bagi memastikan kebajikan mangsa banjir lebih terjamin?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN:

- a) Bagi penyelesaian jangka pendek, JPS Negeri Perak telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan struktur saluran bandar dan kolam takungan di bawah Peruntukan Mengurus bagi Pengurusan Infrastruktur Saliran Bandar.
- b) Pada tahun 2025, sebanyak RM 3.5 Juta telah diterima dan agihan dibuat kepada daerah-daerah dengan keutamaan diberikan kepada kawasan-kawasan yang berisiko banjir.
- c) Bagi penyelesaian jangka masa panjang, terdapat satu projek sedang dalam pelaksanaan bagi mengurangkan risiko banjir iaitu :
 - i. Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Kampung Sungai Rokam Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.
- d) Manakala 1 projek dijangka akan dilaksanakan pada bulan November (sedang menunggu keputusan Lembaga perolehan) iaitu :
 - i. Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Lawin Fasa 2 Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Daerah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.
- e) Dan 1 projek telah siap kajian (*Final Report*) oleh Perunding dan dijangka akan ditender pada tahun 2026 iaitu:
 - i. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pari (Fasa 1), Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
- f) Selain itu, JPS Negeri Perak juga telah memohon 10 projek di bawah Peruntukan Negeri bagi tahun 2026 iaitu :
 - i. Kajian Pelan Induk Mesra Alam (PISMA) Proton City, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
 - ii. Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Klah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan
 - iii. Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Bandar Seri Iskandar, Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan
 - iv. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Senam Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.
 - v. Kerja Menaiktaraf Ban Pencegah Banjir Di Kg. Air Mati Serta Kerja Berkaitan Di Mukim Bandar, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan
 - vi. Kerja-Kerja Membina Tembok Pencegahan Banjir Di Bagan Panchor, Mukim Pengkalan Baru, Daerah Manjung, Perak.
 - vii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Air Hitam, Di Tanjung Tualang, Batu Gajah, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan
 - viii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Berof Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan.
 - ix. Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sepetang Daerah Larut, Matang Dan Selama
 - x. Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan
- g) Kerajaan Negeri melalui JPS sentiasa cakna terhadap kesiapsiagaan bagi menghadapi risiko banjir.

- h) Antaranya adalah kesiapsiagaan aset dan logistik, pengurusan sungai, kolam, empangan dan saliran, pemantauan cuaca dan hidrologi melalui kerjasama dengan Jabatan Meteorologi bagi untuk memantau keadaan cuaca, hebahan maklumat dengan persediaan Bilik Gerakan Banjir Negeri dan Daerah, Pengesanan dan tindakan segera dilapangan dengan pemantauan berterusan dan pembersihan segera dimkawasan terjejas(pasca banjir) dan pengenalan kawasan berisiko banjir.
- i) Inisiatif atau tindakan segera bagi mengurangkan risiko banjir adalah dengan kaedah pengawalan limpahan air sungai menggunakan beg pasir (sandbag) dimana ianya lebih mudah dan cepat dilaksanakan.
- j) Pihak Majlis akan memastikan kerja-kerja pembersihan longkang-longkang monsun, longkang utama dan kolam takungan dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan sistem saliran air dapat berfungsi dengan baik.
- k) Bagi kawasan yang berada di dalam senarai rekod 'hot-spot' banjir kilat, jadual bagi kerja-kerja pembersihan akan dijalankan dengan lebih kerap memandangkan isu utama berpunca dari sisa pokok, dahan dan sampah-sarap yang menyebabkan sistem saliran tersumbat.
- l) Makluman YB, PDT Kampar telah mengambil tindakan seperti berikut;
- m) **(Jangka Pendek)**
 - I. Mengenalpasti kawasan yang rendah dan berisiko tinggi untuk banjir dengan melakukan pemantauan berkala dan lebih kerap jika berlaku hujan lebat
 - II. Menaiktaraf pusat pemindahan sementara (PPS) dengan kemudahan yang lebih selesa dan lengkap.
 - III. Menyedia dan memastikan peralatan dan keperluan asas mangsa yang mencukupi walaupun pada setiap masa walaupun berlaku bencana luar jangka
- n) **(Jangka Panjang)**
 - I. Melaksanakan projek naik taraf longkang dan saliran di kawasan berisiko tinggi
 - II. Mengenalpasti jambatan usang yang memerlukan penggantian untuk tujuan permohonan peruntukan
 - III. Melaksanakan penggantian jambatan usang yang dikenalpasti menyekat aliran air Sungai (Wilayah Sahom dan RPT Tualang Sekah)
- o) Pihak JKR sentiasa menjalankan kerja pencucian longkang secara berkala iaitu 4 pusingan setahun bagi Jalan Protokol, 3 pusingan setahun bagi Jalan Utama dan 2 pusingan setahun bagi Jalan Sekunder untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan.
- p) Manakala bagi penyenggaraan jalan negeri di bawah seliaan JKR, pihak JKR melalui kelulusan Kerajaan Negeri melaksanakan kerja penyenggaraan longkang dan pembentung dengan mengambil kira lokasi yang memerlukan pusingan tambahan.
- q) Untuk makluman, isu perparitan dalaman adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133) dimana tanggungjawab membina dan menyelenggara sistem saliran dalam kawasan PBT adalah dibawah tanggungjawab PBT.
- r) Namun demikian, di bawah Akaun Amanah Sumbangan Saliran, Kerja Kecemasan Dan Luar Jangka, peruntukan telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan skop :

- i. Membina kemudahan sistem saliran utama dan tebatan banjir.
 - ii. Memperbaiki kemudahan sistem saliran utama dan tebatan banjir.
- s) Dimana kerja-kerja ini telah dimohon oleh PBT dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa mengikut keutamaan dan kadar sumbangan saliran yang telah disalurkan oleh PBT ke Akaun Amanah.
 - t) Skop kerja bagi pembersihan longkang dijalankan secara berjadual iaitu sebulan sekali di bawah lantikan kerja konsesi Puncak Emas Infra Sdn Bhd, manakala kerja perbersihan kolam takungan dijalankan secara berjadual iaitu sebulan sekali di bawah peruntukan Majlis.
 - u) Pihak Majlis juga telah menjalankan beberapa kerja naiktaraf sistem saliran dan kolam takungan melalui peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (BP.1 – Program saliran) dan peruntukan di bawah Sumbangan Saliran bagi menyelesaikan isu banjir kilat di sesuatu kawasan.
 - v) Untuk Makluman YB, PDT Kampar telah mengambil tindakan seperti berikut;PDT Kampar telah melaksanakan operasi pengumpulan data bagi mengenalpasi pemilik (agensi) yang mengawalselia setiap saliran longkang, perparitan dan jambatan. Proses tersebut masih diteruskan dan dikeamskini dari semasa ke semasa
 - w) Untuk makluman YB, PDT Kampar telah menaiktaraf Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dengan kemudahan yang lebih selesa dan lengkap (PPS Dewan Azman Mahalan sebanyak RM40,000.00, PPS Sekolah Rendah Sahom sebanyak RM15,000.00 dan juga PPS Kg Batu 20 sebanyak RM39,000.00) seperti tandas, bilik mandi dan pedawaian elektrik serta Kit Keperluan asas untuk kapsiti mangsa yang lebih tinggi.
 - x) PDT Kampar juga telah memastikan jumlah tabung Sumbangan Wang Ehsan yang sentiasa mencukupi bagi mangsa-mangsa banjir yang terlibat dan proses pemberian sumbangan dilaksanakan seberapa segera jika berlaku bencana.
 - y) Skuad Bencana peringkat Daerah telah ditubuhkan bagi menyelaras prosedur bantuan kepada mangsa di kawasan banjir yang terjejas. Segala bentuk bantuan awal dan tindak balas pantas akan diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah selaku urus setia penyelaras bencana di peringkat daerah.
 - z) Skop bantuan telah diperluas daripada segi bantuan pemindahan mangsa, kebajikan pre dan post banjir bagi memastikan mangsa yang terjejas mendapat bantuan yang sewajarnya.

3. Pembangunan Insan Dan Cabaran Pendidikan Era Digital

- (a) Apakah pendekatan kerajaan negeri dalam menangani cabaran sosial yang dihadapi remaja, khususnya berkaitan pengaruh media sosial terhadap pembentukan sahsiah dan nilai murni mereka?
- (b) Apakah rancangan strategik kerajaan negeri dalam memperkukuh kesejahteraan emosi dan kesihatan mental pelajar serta tenaga pengajar di institusi pendidikan di Perak, memandangkan peningkatan kes stres, kemurungan dan tekanan akademik yang semakin membimbangkan pasca pandemik?

(c) Apakah strategi kerajaan negeri dalam memastikan pelajar dan guru di sekolah negeri Perak dilengkapi dengan literasi kecerdasan buatan (AI) yang kukuh, termasuk latihan bagi guru, akses teknologi yang saksama di kawasan luar bandar, dan garis panduan etika penggunaan AI bagi mengelakkan pergantungan berlebihan dan isu integriti akademik dalam era pembelajaran digital?

Jawapan Soalan 3

Jawapan Soalan a)

Jabatan Pendidikan Negeri Perak sentiasa mengambil berat berhubung cabaran sosial yang dihadapi remaja masa kini, khususnya pengaruh media sosial terhadap pembentukan sahsiah dan nilai murni mereka. Isu ini amat signifikan kerana remaja merupakan generasi pelapis yang bakal mewarnai masa depan negeri Perak. Perubahan pesat dalam ekosistem digital hari ini ditambah dengan capaian media sosial yang tanpa batas telah mewujudkan pelbagai peluang pembelajaran, namun pada masa yang sama membawa risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan emosi, tingkah laku dan moral golongan muda.

Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak sentiasa mengambil pendekatan proaktif, holistik dan berasaskan kerjasama pelbagai pihak dalam memastikan sekolah berfungsi sebagai benteng utama bagi memperkukuh sahsiah, nilai murni dan literasi digital murid. Pendekatan ini dirangka bukan sahaja untuk menangani gejala negatif yang timbul akibat pengaruh media sosial, tetapi turut memberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan murid agar lebih berdaya tahan, berfikiran kritis dan mampu membuat keputusan yang bijak dalam persekitaran digital yang semakin mencabar. Antara program dan aktiviti yang telah dan sedang dijalankan oleh JPN Perak merangkumi pelbagai program sama ada bersifat pembelajaran digital, keagamaan dan meliputi aspek Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial ialah seperti berikut:

1) Pendidikan Nilai dan Literasi Digital

- Integrasi nilai murni dan etika digital dalam kurikulum sekolah melalui program sahsiah, bimbingan dan kaunseling.
- Pelaksanaan Modul Literasi Media dan Digital bagi melatih murid mengenal pasti kandungan palsu, mengurus masa skrin dan berinteraksi secara beretika di alam maya.

2) Program Pembangunan Sahsiah dan Ketahanan Diri

- Pelaksanaan program seperti Remaja Unggul, Program Hadirku Gemilang, dan Program Remaja Sejahtera bagi membina jati diri, disiplin dan daya tahan emosi dalam kalangan pelajar.
- Memperkasakan Duta Sahsiah di sekolah bagi membimbing rakan sebaya dan menjadi contoh kepada murid lain.
- Aktiviti ko-kurikulum yang berfokus kepada kepimpinan, khidmat masyarakat, seni dan sukan bagi mengalihkan tumpuan remaja daripada pengaruh negatif media sosial.

3) Sokongan Kaunseling dan Kesihatan Mental

- Peranan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di sekolah bagi membantu rakan menghadapi isu sosial atau tekanan akibat media sosial.
- Kerjasama dengan agensi kesihatan dan universiti tempatan seperti UPSI bagi menyediakan khidmat nasihat psikologi profesional.

4) Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti

- Penglibatan Jawatankuasa PIBG, masjid, surau, NGO dan komuniti setempat untuk melaksanakan aktiviti pembangunan sahsiah dan kempen kesedaran sosial.

5) Kolaborasi Antara Agensi dan Penguatkuasaan

- Kerjasama antara JPN Perak, PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri, SKMM dan Pejabat EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan dalam menangani kes disiplin digital seperti buli siber, penyalahgunaan media dan jenayah siber.
- Pelaksanaan Program Pendidikan Undang-Undang Siber bersama PDRM bagi memberi pendedahan kepada murid tentang akta berkaitan jenayah dalam talian dan etika penggunaan media sosial.

Bagi program yang memberi keutamaan kepada peningkatan rohani yang telah dijalankan kepada semua murid beragama Islam ialah seperti berikut:

1. Program Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi KPM – Semua Sekolah
2. Manual Kesedaran Sivik Dan Amalan Nilai Murni (MKSANM) 5 Minit Dalam Perhimpunan – Semua Sekolah
3. Program Telaah Kitab Turath – SMKA dan SABK Sahaja
4. Program Kelas Takmir Sekolah Berasrama – Semua Sekolah Berasrama KPM
5. Kem Pemantapan Sahsiah (KEMPAK) - Murid Tingkatan 4
6. Kem Pemantapan Akidah (KEMPAS) - Murid Tingkatan 4
7. Kem Fitrah Kasih SMJK / Sekolah Missionary
8. Kem Fitrah Kasih SJKC dan SJKT – Murid Sekolah Rendah
9. Kem Fitrah Kasih Murid Orang Asli - Murid Orang Asli Sekolah Rendah
10. Qiyyadi Junior Sekolah-Sekolah (Q-JuSS) KPM - Murid Sekolah Rendah
11. Nadwah Kepemimpinan Islan Sekolah-Sekolah (NKISS) KPM - Murid Tingkatan 4
12. Kem Daei Pena Muda Sekolah-Sekolah KPM - Murid Tingkatan 4
13. Program Lestari Adab Dan Nilai – Semua Murid di Sekolah Terpilih

Program-program Kementerian Pendidikan (Semua Murid) :

14. Manual Kesedaran Sivik Dan Amalan Nilai Murni (MKSANM) 5 Minit Dalam Perhimpunan – Semua Sekolah

Program-program Jalinan :

15. Program Imam Muda Negeri Perak (Jalinan dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak) (MAIPk) – Murid Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Felda dan Sekolah Menengah Murid Orang Asli Terpilih

Jabatan Pendidikan Negeri Perak komited memastikan setiap murid dibimbing dengan nilai murni, sahsiah terpuji dan ketahanan diri yang kukuh dalam berhadapan dengan pengaruh media sosial masa kini. Melalui pendekatan holistik merangkumi pendidikan nilai dalam kurikulum, pengukuhan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, pelaksanaan program advokasi sahsiah, serta kerjasama strategik bersama pelbagai agensi dan komuniti, JPN Perak akan terus memperkasa usaha memelihara kesejahteraan sosial remaja negeri ini.

Kerajaan Negeri percaya bahawa tindakan yang bersepadu dan berterusan ini akan memastikan anak-anak kita bukan sahaja celik digital, tetapi juga mempunyai kebijaksanaan moral untuk menilai, memilih dan berkelakuan secara beretika dalam dunia maya dan realiti. Dengan izin Tuhan, usaha ini akan terus diperkukuhkan demi melahirkan generasi Perak yang berakhlak mulia, berdaya saing dan berintegriti tinggi.

Jawapan Soalan b)

Kerajaan Negeri memandang serius peningkatan kes stres, kemurungan dan tekanan akademik yang dialami oleh pelajar serta tenaga pengajar pasca pandemik. Realiti ini memberi kesan langsung kepada prestasi pembelajaran, keberfungsian sekolah dan kesejahteraan komuniti pendidikan secara keseluruhan.

Sehubungan itu, izinkan saya menghuraikan rancangan strategik Kerajaan Negeri dalam memperkukuh kesejahteraan emosi dan kesihatan mental pelajar serta tenaga pengajar di institusi pendidikan di Perak, selaras dengan usaha memastikan persekitaran pendidikan yang lebih selamat, seimbang dan menyokong pembangunan holistik setiap individu.

Bagi memperkukuh kesejahteraan emosi dan kesihatan mental pelajar, beberapa inisiatif yang telah dijalankan seperti:

1.0 Promosi Kesihatan Mental dan Literasi Emosi

Objektif: Meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman murid tentang kesihatan mental serta kemahiran mengurus emosi.

Strategi:

- Melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah (Tahun 5 dan 6 – sekolah rendah dan Peralihan – Tingkatan 6 di sekolah menengah)
- Menyepadukan elemen literasi emosi dan kemahiran daya tindak (coping skills) dalam PdPc, aktiviti kokurikulum dan perhimpunan mingguan.
- Mengadakan Minggu Minda Sihat Sekolah dan kempen "Minda Sihat; Emosi Terjaga Kehidupan Sejahtera".
- Menghasilkan bahan bantu belajar seperti modul, infografik, flyer dan video pendidikan emosi.

2.0 Pengesanan Awal dan Intervensi Sokongan

Objektif: Mengenali pasti murid berisiko awal dan menyediakan intervensi kaunseling yang bersesuaian.

Strategi:

- Melaksanakan saringan minda sihat (PHQ-2 dan GAD-2 -sekolah rendah dan PHQ-9 dan GAD-7- sekolah menengah yang dilaksanakan setahun 2 kali oleh guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa (GBKSM) dan guru bimbingan lantikan sekolah (GBLS)
- Menyediakan Sistem Rujukan Segera melalui garis panduan Program Minda Sihat KPM antara guru kelas, guru kaunseling, dan agensi luar (JKN, hospital, NGO).
- Menubuhkan pasukan sokongan psikososial sekolah seperti Smart Support Team (SST-moe) yang terdiri dari GBKSM dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) setiap sekolah dan daerah
- Menambah baik kemudahan bilik kaunseling kondusif dan ruang / sudut / laman minda Sihat untuk pengurusan emosi.

3.0 Memperkasa Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) dan Guru Bimbingan Lantikan Sekolah (GBLS) dan guru kelas/mata pelajaran

Objektif: Memperkukuh kompetensi GBKSM, GBLS dan guru kelas dalam menangani isu kesejahteraan mental.

Strategi:

- Latihan lanjutan seperti Bantuan Awal Psikologi (PFA) dan Kaunseling Berfokus
- "Coaching n Mentoring" kepada GBLS
- Bengkel intervensi emosi bagi guru ("Guru Prihatin Emosi").
- Kolaborasi bersama Jabatan Kesihatan Negeri dan universiti untuk penyelidikan serta latihan berasaskan data sebenar sekolah.

4.0 Penglibatan Komuniti dan Ibu Bapa

Objektif: Mewujudkan ekosistem sokongan emosi yang melibatkan ibu bapa dan komuniti.

Strategi:

- Program Amalan Sekolah Penyayang, Komuniti Sejahtera melalui PIBG, PIBKS dan komuniti setempat.
- Bengkel Keibubapaan Emosi (Emotional Parenting) untuk meningkatkan kemahiran ibu bapa memahami tekanan anak-anak.
- Kerjasama strategik dengan NGO kesihatan mental dan universiti tempatan.

5.0 Pemantauan, Penilaian dan Penyelidikan

Objektif: Memastikan pelaksanaan berasaskan data dan penambahbaikan berterusan.

Strategi:

- Melaksanakan kunjung bantu Kesejahteraan Emosi Sekolah di bawah JPN/PPD.
- Verifikasi data kesejahteraan emosi dalam SePKM
- Menjalankan kajian tahunan tentang trend tekanan, stres dan kesejahteraan murid.

Manakala, bagi memperkukuh kesejahteraan emosi dan kesihatan mental tenaga pengajar atau guru pada masa kini, beberapa inisiatif yang telah dirangka dan telah dijalankan antaranya:

1. Literasi Kesejahteraan dan Kesihatan Mental telah dijalankan kepada seluruh warga pendidikan negeri Perak secara bersemuka dan berperingkat pada bulan Ogos hingga September 2025.
2. Kempen Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam Peringkat Negeri Perak telah dilancarkan pada 17 Jun 2025 secara semuka dan hybrid di daerah Manjung (peserta adalah 100 orang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid daerah Manjung) bagi memupuk semangat positif dalam organisasi.
3. Melalui Sektor Psikologi dan Kaunseling JPN Perak juga telah menjalankan Soal Selidik Organisasi Menyelesaikan kepada seluruh warga pendidikan Negeri Perak bagi mengenalpasti kesejahteraan emosi dan kesihatan mental warga pendidikan. Hasil dapatan ini, pelbagai intervensi telah dijalankan secara umum kepada pihak sekolah dan khususnya kepada individu warga pendidikan.
4. Perkhidmatan sesi kaunseling dan bimbingan secara individu dan kelompok berfokus sentiasa dijalankan bagi memastikan kesejahteraan emosi dan kesihatan mental warga pendidikan dipelihara. Kaunselor Pendidikan Negeri dan Daerah sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan kepada warga pendidikan yang dirujuk oleh Ketua Jabatan dan sukarela.
5. Pembinaan modul-modul berkaitan kesejahteraan emosi dan kesihatan mental sentiasa dikemaskini bagi persediaan intervensi kepada warga pendidikan yang terlibat. (Modul Mutiara, Modul SINAR, Modul Masih Ada Sinar, Modul Kesejahteraan Diri, Modul SSOM)

Kerajaan Negeri Perak sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu kesejahteraan emosi dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar serta tenaga pengajar, khususnya dalam situasi pasca pandemik yang mencabar ini. Melalui pelaksanaan strategi yang menyeluruh meliputi sokongan psikososial, pengukuhan perkhidmatan kaunseling, pembangunan kemampuan guru, kerjasama rentas agensi serta pengukuhan ekosistem sekolah yang lebih selamat dan responsif. Kerajaan Negeri komited memastikan setiap warga pendidikan memperoleh sokongan yang mereka perlukan.

Kerajaan Negeri percaya bahawa usaha bersepadu ini bukan sahaja mampu mengurangkan beban stres, kemurungan dan tekanan akademik, tetapi juga akan memperkukuh ketahanan mental serta meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran dan pengajaran di seluruh negeri. Dengan sokongan semua pihak, kita yakin ekosistem pendidikan Perak akan terus berkembang ke arah yang lebih sejahtera dan mampan.

Jawapan (c)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak telah melaksanakan beberapa strategi berfasa dan menyeluruh bagi memastikan guru dan murid di sekolah-sekolah negeri ini dilengkapi dengan literasi kecerdasan buatan (AI) yang kukuh serta beretika. Pelaksanaan ini juga selaras dengan Dasar Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta kerangka pembangunan digital negeri di bawah Perak Sejahtera 2030. Selain siri latihan digital, AI dan bengkel kompetensi yang telah dilaksanakan, JPN Perak turut menganjurkan Program Perkongsian Amalan Terbaik Pedagogi Kelas Hibrid Negeri Perak Tahun 2025, sebagai usaha memperkukuh pedagogi digital, penyampaian PdP berasaskan teknologi, dan penguasaan kelas hibrid dalam kalangan guru di seluruh negeri. Program ini dilaksanakan secara bersiri (8 siri) di pelbagai daerah.

A. Latihan dan Pemerkasaan Guru dalam Literasi AI & Digital

JPN Perak menggerakkan pelbagai bentuk latihan berstruktur bagi meningkatkan kompetensi guru dalam penggunaan AI, digitalisasi PdP, pembinaan bahan digital, dan teknologi baharu seperti Canva AI dan Metaverse. Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan termasuk:

1. Bengkel & Latihan Literasi Digital Peringkat Negeri

- Bengkel Kerja Latihan Kemahiran Digital Guru RBT, ASK, SK & SISC+ 2025

13–15 Oktober 2025, Hotel Seri Malaysia Taiping (Pembinaan Modul Kemahiran Digital Guru Perak Edisi 2025)

- Bengkel Training of Trainers (ToT) Penghasilan Bahan Pembelajaran Ruang Ilmu – Portal DELIMA pada 27 Mei 2025, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri Perak.
- Bicara Profesional Bidang TMK bersama Ketua Panitia Sains Komputer Negeri Perak 2025 pada 30 Jun 2025, SSTP Negeri Perak.

2. Bengkel Kompetensi Literasi Digital: Metaverse & Canva AI

Beberapa siri bengkel intensif melibatkan guru, JU daerah dan pegawai USTP telah dilaksanakan, termasuk:

- Bengkel Pembangunan Kompetensi Literasi Digital (Metaverse & Canva AI)
14 Mei 2025, Bilik Juara Bestari
Peserta: Pegawai USTP & JU TMK daerah
- Bengkel Kompetensi Literasi Digital – Canva AI & Metaverse
16 Jun 2025. Objektif, menyokong Teras 5 Dasar Pendidikan Digital KPM
Sasaran: Pegawai USTP & JU Daerah

3. Latihan Pengaplikasian AI dalam PdP

- Bengkel Pengupayaan Pendidik Kompeten Digital melalui Pengaplikasian AI dalam PdPC menggunakan Gemini AI (Beberapa siri latihan peringkat negeri)

4. Latihan dan ToT Kepimpinan Digital

- Bengkel Kerja ToT Program Pembudayaan Digital Pemimpin Bil. 5/2025
30 Jun – 3 Julai 2025, Institut Aminuddin Baki (Genting Highlands)

5. Program Perkongsian Profesional & Libat Urus Digital

- Program Town Hall Pemantapan Pendidikan Digital PPP Zon Tengah 2025
22 Julai 2025, Convention Centre Ipoh

Pelaksanaan pelbagai bengkel ini membolehkan guru:

- menguasai penggunaan AI generatif dalam PdP,
- membina bahan digital interaktif,
- menghasilkan aplikasi pembelajaran (APPS),
- memanfaatkan platform DELIMA dan Ruang Ilmu, serta
- meningkatkan reka bentuk pengajaran adaptif menggunakan AI.

B. Akses Teknologi yang Saksama di Kawasan Luar Bandar

JPN Perak bekerjasama dengan PPD untuk:

- memetakan sekolah luar bandar yang memerlukan peningkatan capaian digital,
- menyelaraskan jadual latihan mengikut kesediaan infrastruktur sekolah, dan
- memastikan sekurang-kurangnya satu program AI atau bengkel digital dilaksanakan di setiap daerah termasuk kawasan pedalaman.

Inisiatif ini memastikan tiada jurang kompetensi digital antara sekolah bandar dan luar bandar.

C. Garis Panduan Etika Penggunaan AI & Integriti Akademik

Penggunaan teknologi AI di sekolah dipandu oleh:

- Garis Panduan Literasi AI KPM, dan
- Garis panduan dalaman JPN Perak yang sedang diperhalusi.

Penekanan utama meliputi:

1. AI sebagai alat sokongan, bukan menggantikan pemikiran manusia.
2. Pentaksiran murid mesti mengekalkan elemen manual, projek, dan lisan.
3. Pendedahan penggunaan AI secara bertanggungjawab, termasuk deklarasi alat yang digunakan.
4. Panduan guru mengesan ketidakselarasan tugas murid berbanding keupayaan sebenar.
5. Pendidikan keselamatan digital & privasi data murid.

Melalui latihan berskala besar, bengkel kompetensi digital, program TOT, libat urus kepimpinan digital, dan garis panduan etika yang jelas, Kerajaan Negeri Perak melalui JPN Perak komited memastikan:

- guru menguasai kemahiran digital dan AI,
- murid dapat belajar dalam ekosistem digital yang selamat, adil dan inklusif, dan
- penggunaan AI di sekolah berlaku secara berintegriti, bertanggungjawab serta selari dengan aspirasi Pendidikan Digital Negara.

Soalan Dari : YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (LUBOK MERBAU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah langkah kerajaan negeri untuk menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian? seperti pertanian pintar (smart farming), dron pemantauan, dan sistem IOT untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos perbelanjaan.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman YB

Penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian telah mula dipraktikkan dalam industri pertanian di Negeri Perak. Semenjak tahun 2022, penggunaan teknologi Internet of Thing (IoT) telah mula diperkenalkan kepada para petani di Perak di bawah Program Pembangunan Industri sayur-sayuran. Sehingga kini terdapat 32 projek IoT telah dibangunkan di semua daerah termasuklah 15 unit projek IoT di bawah TKPM iaitu di TKPM Lekir, TKPM Titi Gantong dan TKPM Degong dengan nilai peruntukan yang telah diagihkan sebanyak RM1,844,817.00

Dalam Rancangan Pembangunan Perak ke-13, 2026 - 2030, Jabatan Pertanian akan memperkenalkan satu program baru iaitu Program Pembangunan Pertanian Pintar dimana peruntukan bagi IoT dan Geran Padanan diperkenalkan untuk mengembangkan lagi penggunaan teknologi pintar dalam pembangunan pertanian di Negeri Perak.

Melalui pendekatan ini, kerajaan negeri berharap agar sektor pertanian dapat beralih ke arah pertanian berteknologi tinggi (High-Tech Agriculture) yang mampu meningkatkan daya saing, menjamin sekuriti makanan, serta mengurangkan kos pengeluaran jangka panjang.

Dato' Seri Yang Dipertua,

Dalam usaha memastikan negeri Perak terus maju dalam sektor pertanian, Perak SADC pada tahun 2025 melaksanakan beberapa

inisiatif yang memberi tumpuan kepada peningkatan teknologi dan kecekapan pengeluaran makanan.

Salah satunya ialah **pembangunan Smart Indoor Farming yang dijalankan bersama MARDI**. Projek ini bermula hasil kerjasama pada tahun 2024, dan kini telah beroperasi di **bangunan milik Perak SADC di Silibin sejak Julai 2025**. Melalui **penggunaan teknologi Fully Climate Controlled Agriculture dan vertical farming**, sistem ini membolehkan kawalan keadaan tanaman dibuat secara automatik dan teratur, termasuk cahaya, suhu, kelembapan, nutrien dan kualiti udara. Projek ini juga menjadi rintis untuk menilai potensi komersial dan model pengoperasian sebelum kita mempertimbangkan untuk mengembangkan konsep ini ke bangunan-bangunan terbiar di seluruh negeri melalui pelaksanaan Perak SADC atau kerjasama strategik dengan pihak lain.

Dato' Seri Yang Dipertua,

Kerajaan negeri melalui Perak SADC turut memberi perhatian kepada pembangunan komuniti melalui **Program Community Farming** yang telah dilaksanakan sejak Julai 2020. Program ini memberi peluang kepada penduduk, terutamanya di kawasan bandar, untuk mengusahakan tanaman sendiri menggunakan teknologi fertigasi dan vertical farming. Inisiatif ini membantu keluarga menghasilkan makanan segar sendiri, di samping menyumbang kepada usaha memperkukuh sekuriti makanan negeri dan menyediakan peluang penjana pendapatan tambahan. Pendekatan ini bertepatan dengan seruan saya iaitu: **“Tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam, dan selebihnya untuk sedekah atau jual.”** Sehingga kini, program ini telah diwujudkan di **223 lokasi** dan memberi manfaat kepada lebih **84,900 rakyat** di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian melalui:

1. Rangkaian kerjasama strategik antara agensi di bawah KPKM bersama GLC/Syarikat/Usahawan di Perak

Pihak MARDI telah membangunkan satu sistem pertanian dalam bangunan dengan kawalan suhu, cahaya dan nutrien di fasiliti SADC Perak di Ipoh. Teknologi yang digunakan untuk membangunkan kilang tanaman ini merangkumi sistem IOT untuk memantau pertumbuhan tanaman, kawalan iklim dalaman (suhu, kelembapan dan pencahayaan LED) dan automasi sistem pengairan.

2. Pemantapan pemindahan teknologi moden kepada golongan sasaran melalui aktiviti penyelidikan di MARDI Parit.

MARDI Parit telah membangunkan beberapa teknologi pertanian pintar dan IOT melalui aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan Kejuruteraan seperti berikut;

- a) Sistem perataan tanah automatik menggunakan GPS
- b) Sistem pemantauan serangga perosak
- c) Sistem pemantauan hasil mudah alih
- d) Sistem pemutuan biji benih padi
- e) Sistem pembungkusan dan penyimpanan biji benih padi
- f) Sistem kebolehesaan ketulenan biji benih padi

Selain itu di MARDI Parit juga terdapat kilang yang mengaplikasi sistem kejuruteraan pertanian moden bersepadu bagi pengendalian lepas tuai dan pemprosesan biji benih padi.

3. Pemindahan teknologi pertanian pintar melalui penganjuran pameran pertanian oleh Kerajaan Negeri.

Melalui penganjuran pameran pertanian berskala besar seperti Agrofest Perak, teknologi pertanian moden terkini boleh dipindahkan kepada golongan sasaran yang terdiri daripada orang ramai, usahawan tani dan syarikat. Dengan itu, golongan sasaran boleh mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut dan tepat secara 'real time' berkenaan teknologi yang dipamerkan dari penjana teknologi itu sendiri.

4. Perluasan penggunaan aplikasi IOT oleh usahawan melalui pengedaran sistem UBIBOT oleh pihak MARDI.

Bagi memperluaskan penggunaan sistem IOT dalam pertanian, pihak MARDI melalui Pusat Penyelidikan Tanaman Industri telah melaksanakan satu projek pengedaran sistem pemantauan persekitaran berasaskan IOT yang dikenali sebagai UBIBOT yang digunakan untuk mengumpul, merekod dan menganalisa data dari pelbagai sensor secara masa nyata kepada 50 usahawan di seluruh Malaysia dan 3 daripadanya adalah usahawan dari Perak iaitu usahawan penanaman cili secara fertigasi di Sg Manik dan Gerik. Projek ini merangkumi kursus dan latihan kepada usahawan, cara penggunaan sistem dan pemantauan berkala.

2. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memperbaiki kemudahan sekolah di kawasan luar bandar dan memastikan murid mendapat akses kepada pendidikan

digital serta internet yang mencukupi?

Jawapan Soalan 2

Kementerian Pendidikan (KPM) komited memastikan pelaksanaan pendidikan digital dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua sekolah. Sehubungan itu, KPM telah menaik taraf capaian internet di semua institusi pendidikan termasuk sekolah di kawasan pedalaman.

Naik taraf ini melibatkan penyediaan kemudahan teknologi broadband dengan kelajuan sehingga 30Mbps, teknologi fiber antara 300 hingga 800Mbps, serta teknologi satelit dengan kelajuan sehingga 100Mbps. Langkah ini memastikan setiap sekolah mempunyai akses internet yang stabil dan berkelajuan tinggi bagi menyokong proses pendigitalan pendidikan. Bagi Negeri Perak, sejumlah 1,052 buah sekolah telah dibekalkan dengan perkhidmatan internet berprestasi tinggi sekurang-kurangnya berkelajuan 300Mbps untuk tempoh 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2026 melalui Kontrak Perkhidmatan Internet Sub Waran yang diuruskan Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Selain capaian internet, KPM turut melengkapkan sekolah dengan kemudahan peralatan ICT seperti Smartboard, Smart TV dan komputer riba. Pada tahun 2021, KPM telah melaksanakan Projek Rintis Kelas Hibrid di 110 sekolah melibatkan 550 kelas. Projek ini kini dijenamakan semula sebagai Kelas Pintar dan telah menerima peruntukan pembangunan di bawah RMKe-12 Rolling Plan Lima (RP5) Tahun 2025 sebanyak RM340 juta. Peluasan Kelas Pintar akan melibatkan tambahan 400 institusi pendidikan merangkumi 2,000 kelas, termasuk sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman, dan dijangka mula dilaksanakan pada suku kedua tahun 2026.

Di samping itu, KPM juga menyediakan makmal komputer yang dilengkapi peralatan ICT secara berfasa, termasuk komputer riba, pencetak multifungsi, projektor dan charging cart. Projek ini telah dilaksanakan melalui tiga fasa bermula tahun 2021 hingga 2023 dengan agihan sebanyak 244,158 unit peranti. Peluasan bagi baki 1,801 sekolah sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada tahun 2026.

Langkah-langkah ini membuktikan komitmen KPM untuk memastikan pendidikan digital dapat diakses oleh semua murid tanpa mengira lokasi, termasuk murid daripada keluarga B40, agar mereka tidak tercicir dalam arus pendigitalan pendidikan negara.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Perak sentiasa peka dan cakna serta komited dalam memastikan murid di kawasan luar bandar mendapat akses kepada pendidikan digital serta internet yang berkualiti lagi berprestasi tinggi.

3. Apakah bentuk bantuan atau peruntukan khas kerajaan negeri untuk membina baharu, atau membaik pulih masjid, surau dan pusat aktiviti belia di Lubok Merbau bagi menggalakkan pembangunan komuniti setempat?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang Dipertua,

Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri Perak telah diperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi tujuan baik pulih serta bina baharu masjid dan surau yang mana peruntukan ini adalah disediakan bagi manfaat seluruh kawasan Dewan Negeri dalam Negeri Perak.

Oleh yang demikian, sebarang permohonan baik pulih serta bina baharu masjid dan surau menggunakan peruntukan ini bolehlah dikemukakan melalui Pejabat YAB Menteri Besar untuk pertimbangan selanjutnya.

Fungsi masjid dan surau pada masa kini sewajarnya diperluaskan sebagai pusat aktiviti belia melalui penganjuran program-program yang bersesuaian yang boleh mendekatkan belia kepada nilai-nilai

murni Islam.

-

Soalan Dari : YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (RUNGKUP)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Bagan Datuk, melibatkan kawasan Kampung Sungai Nipah Baruh dan Kampung Tebuk Semani yang telah ditangguhkan sehingga kini. Projek yang bertujuan mengurangkan risiko banjir, kesan kerosakan harta benda awam dan pastinya untuk meningkatkan kesejahteraan serta pembangunan ekonomi penduduk setempat. sekarang telah tiba kembali musim tengkujuh, purata hujan sangat tinggi dan permasalahan banjir dan air termenung kembali menghantui penduduk setempat seperti mana tahun tahun yang lepas. soalan saya,

A. Apakah status terkini hasil kajian pihak Perunding yang di berikan amanah untuk membuat kajian semula berkenaan Jajaran Baru seperti yang di bincangkan di peringkat JTPD?
B. Bilakah tender baru atau SST akan di dikeluarkan bagi meneruskan kerja-kerja bagi Projek RTB ini?

Jawapan Soalan 1

- a) Untuk makluman Ynag Berhormat,
 - a) Pihak JPS Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Banjir dalam proses memuktamadkan skop projek ini. Cadangan jajaran baru bagi projek ini akan dibentangkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk pada 10 November 2025.
 - b) Projek RTB Bagan Datuk dijangka akan diiklankan pada Mac 2026 dan dijangka SST pada Julai 2026.
2. Anjing Liar, berkeliaran di kawasan-kawasan tumpuan awam seperti di Dataran Waterfront Bagan Datuk dan Arena Square Selekoh. keadaan ini sangat membimbangkan kerana jumlah anjing liar ini bertambah saban hari. ini mendatangkan rasa ketidakselesaan dan kurang selamat bagi pengunjung dan penduduk setempat terutama yang hadir untuk beriadah bersama anak-anak.

A. Apakah tindakan sewajarnya oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi permasalahan ini?
B. Apakah Perancangan jangka masa pendek (sesegera yang mungkin) dan Jangka Masa Panjang yang bukan hanya tertumpu di dua kawasan ini sahaja, tetapi keseluruhan kawasan terutama dalam kawasan DUN Rungkup khusus nya penyelesaian yang tuntas bagi mengelakkan kejadian kejadian yang tidak di ingini di masa hadapan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) kerap kali menjalankan operasi tangkapan anjing liar di sekitar Dataran Waterfront Bagan Datuk dan Arena Pekan Selekoh. Setakat ini sebanyak enam operasi telah dijalankan bagi tahun 2025.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi jangka pendek, PBT akan melaksanakan operasi penangkapan anjing liar dan menjalinkan kerjasama dengan komuniti setempat bagi menangani isu ini. Bagi jangka masa panjang, program Perak Pawsitive Initiative akan menjadi asas pengurusan haiwan dengan pengisian program pemandulan bersubsidi, kempen kesedaran komuniti melalui edaran risalah Pendidikan serta bekerjasama dengan ngo dan klinik veterinar.

3. ketika ini, wabak influenza sedang menular dengan cepat di beberapa kawasan, termasuk institusi pendidikan. Ramai pelajar, khususnya di sekolah berasrama penuh dan sekolah harian, dilaporkan mengalami simptom demam, batuk, dan selesema yang serius. Beberapa sekolah telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menghantar pelajar pulang serta melaksanakan PDPR sementara bagi mengelakkan jangkitan lebih meluas.

Keadaan ini menimbulkan kebimbangan ibu bapa dan masyarakat, bukan sahaja dari segi kesihatan, tetapi juga kebajikan pelajar serta kesinambungan proses pembelajaran.

- A. Apakah tindakan segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan penularan wabak influenza di sekolah-sekolah dapat dikawal dengan berkesan, serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan pelajar?
- B. Apakah langkah bantuan dan sokongan yang akan disalurkan oleh kerajaan negeri bagi membantu keluarga dan pelajar yang terjejas, khususnya dalam aspek rawatan kesihatan?
- C. Adakah direkodkan jumlah yang dijangkiti untuk seluruh Perak dan Khusus nya di Daerah Bagan Datuk?

Jawapan Soalan 3

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keenam 2 Disember 2025

JAWAPAN :

Dato' Seri Yang Dipertua,

Jangkitan influenza bermusim merupakan sejenis penyakit berjangkit pada saluran pernafasan yang disebabkan oleh virus influenza. Secara umumnya, terdapat empat (4) jenis virus influenza bermusim iaitu A, B, C, dan D, di mana jenis A dan B adalah yang paling kerap menjangkiti pesakit.

Kebanyakan individu yang dijangkiti oleh virus influenza akan sembuh sepenuhnya dalam tempoh seminggu. Namun begitu, golongan berisiko tinggi, seperti kanak-kanak, warga emas, dan individu dengan penyakit kronik, berisiko mendapat jangkitan yang lebih serius. Komplikasi serius ini termasuk radang paru-paru (pneumonia) dan radang otak (encephalopathy), yang boleh mengakibatkan sakit yang teruk (morbidity) atau kematian.

Jangkitan influenza tidak tertakluk kepada keperluan pelaporan/notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] Pemantauan penyakit Influenza dibuat melalui Survelan Influenza-Like Illness (ILI) dan Severe Acute Respiratory Infections (SARI). Manakala, pelaporan wabak dipantau melalui kejadian kluster ILI.

Bagi mengekang penularan penyakit Influenza khususnya di sekolah-sekolah, langkah-langkah berikut dilaksanakan agar penularan wabak ini dikawal sepenuhnya:

a) Ibu bapa perlu memastikan anak tidak mempunyai gejala influenza (demam, selesema, batuk) sebelum menghantar anak ke sekolah. Sekiranya anak bergejala, ibu bapa dinasihatkan tidak menghantar anak ke sekolah dan segera mendapatkan rawatan.

b) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar disaran mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

c) Sebelum permulaan sesi persekolahan, guru menasihatkan pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan perlu mendapatkan rawatan.

d) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama melalui pemakaian pelitup muka dan kebersihan tangan.

e) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat

dilaksanakan dengan segera dan berkesan.

MENJAWAB SOALAN KEDUA :

Bagi mengekang penularan penyakit Influenza, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:

- a) Ibu bapa perlu memastikan anak tidak mempunyai gejala influenza (demam, selesema, batuk) sebelum menghantar anak ke sekolah. Sekiranya anak bergejala, ibu bapa dinasihatkan tidak menghantar anak ke sekolah dan segera mendapatkan rawatan.
- b) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar disaran mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.
- c) Sebelum permulaan sesi persekolahan, guru menasihatkan pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan perlu mendapatkan rawatan.
- d) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama melalui pemakaian pelitup muka dan kebersihan tangan.
- e) Pihak sekolah disaran membuat pelaporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan.

BANTUAN DAN SKIM SOKONGAN KEPADA PELAJAR YANG TERJEJAS AKIBAT INFLUENZA

Pada masa ini, tiada bantuan atau skim sokongan khusus yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi keluarga atau pelajar yang terjejas akibat influenza. Namun begitu, semua fasiliti kesihatan kerajaan sedia memberikan rawatan berdasarkan garis panduan KKM, termasuk penilaian klinikal, rawatan simptomatik serta pemberian antiviral kepada kumpulan berisiko mengikut keperluan.

Kerajaan negeri juga terus bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah dan KKM dalam pemantauan situasi influenza di sekolah serta pelaksanaan langkah pencegahan seperti nasihat kesihatan, pengesanan awal dan kawalan jangkitan.

MENJAWAB SOALAN KETIGA :

Pemantauan penyakit Influenza dibuat secara mingguan (Minggu Epidemiologi) melalui Survelan Influenza-Like Illness (ILI). Indikator yang dipantau adalah kadar konsultasi ILI yang dikira sebagai peratus bilangan pesakit ILI yang

dilihat di klinik kesihatan berbanding dengan jumlah kedatangan seluruhan ke klinik kesihatan.

Formula pengiraan kadar konsultasi ILI : $\text{Bilangan Kes ILI} / \text{Jumlah Kedatangan Klinik Kesihatan} \times 100\%$

Untuk negeri Perak terdapat empat (4) Klinik Kesihatan sentinel terpilih yang menjalankan pengumpulan maklumat kadar konsultasi ILI iaitu Klinik Kesihatan Simpang, Klinik Kesihatan Buntong, Klinik Kesihatan Jelapang dan Klinik Kesihatan Tanjung Malim.

Pada tahun 2025, terdapat penurunan kadar konsultasi berkaitan influenza di Negeri Perak daripada:

- a) 8.91% pada Minggu Epidemiologi ke 42 (11 Oktober 2025 - 17 Oktober 2025); kepada
- b) 8.13% bagi Minggu Epidemiologi ke 43 (18 Oktober 2025 - 24 Oktober 2025).

Corak jangkitan Influenza ini berbeza berbanding tahun 2024. Pada tahun 2024, kes influenza memuncak pada Minggu Epidemiologi **25/2024 (16 Jun 2024 - 22 Jun 2024)** dengan kadar konsultasi mencapai sehingga 12.2%. Corak ini berlarutan sekitar 10% hingga 11% sehingga akhir tahun 2024.

Pada awal tahun 2025 pula, kadar konsultasi Survelan Influenza-Like Illness (ILI) menunjukkan penurunan ke 6.4% pada Minggu Epidemiologi 1/2025 dan berada di paras sangat stabil sepanjang tahun sehingga terdapat peningkatan pada Minggu Epidemiologi 39/2025 (21 September 2025 - 27 September 2025) (5.21%) dan peningkatan ini berterusan sehingga Minggu Epidemiologi 40/2025 (5.84%) dan 9.95% bagi Minggu Epidemiologi 41/2025. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah berbanding dengan kemuncak jangkitan pada tahun 2024 (12.2%).

Pada tahun 2025, iaitu sejak ME 1/2025 hingga ME 43/2025 (sehingga 24 Oktober 2025) jumlah kumulatif kluster penyakit Influenza Like Illness (ILI) di Negeri Perak adalah 59. Sekolah menengah mencatatkan bilangan kluster tertinggi, namun telah menurun daripada tujuh belas (17) pada ME 42/2025. kepada satu (1) pada ME 43/2025.

Pada Minggu Epidemiologi 43/2025 (18 – 24 Oktober 2025), bilangan kluster ILI di Perak adalah sebanyak satu (1) kluster melibatkan pusat jagaan orang tua.

Untuk daerah Bagan Datuk, sejak **ME 1/2025 hingga ME 43/2025 (sehingga 24 Oktober 2025)** jumlah kumulatif kluster penyakit ILI adalah lima (5). Pada minggu ini iaitu pada **ME 43/2025 (18-24 Oktober 2025)** tiada (0) kluster ILI telah dilaporkan di **Daerah Bagan Datuk**.

Tindakan kawalan dan pencegahan telah dilaksanakan oleh pihak pentadbiran melalui perbincangan dan kerjasama dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan penularan adalah terkawal.

Soalan Dari : YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BEHRANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Berapakah jumlah kawasan tanah adat dan kawasan rayau masyarakat Orang Asli yang telah diwartakan di Negeri Perak setakat ini, dan apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan pewartaan tersebut?

Jawapan Soalan 1

Soalan telah dijawab secara lisan pada Persidangan Kelima 1 Disember 2025

Pewartaan tanah bagi Orang Asli di Malaysia hanya boleh dilaksanakan sama ada di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) atau Kanun Tanah Negara (Seksyen 62). Tujuan pewartaan di bawah Akta Orang Asli adalah untuk Kawasan Orang Asli (Seksyen 6) dan Rizab Orang Asli (Seksyen 7) manakala dalam Kanun Tanah Negara adalah untuk Kegunaan Awam.

Kawasan Tanah Adat dan Kawasan Rayau tidak dinyatakan di dalam Akta Orang Asli dan Kanun Tanah Negara. Kedua-dua tujuan pewartaan ini juga memang tidak ada di dalam Perlembagaan Tanah Melayu semenjak daripada kemerdekaan Malaysia. Pewartaan bagi Tanah Adat ini dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak kerana telah termaktub di dalam Ordinan Tanah Sabah dan Kanun Tanah Sarawak 1958. Oleh yang demikian, untuk pewartaan sebagai Kawasan Tanah Adat dan Kawasan Rayau memerlukan kepada pindaan terhadap Akta Orang Asli dan Kanun Tanah Negara yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Perak sejak tahun 1965.

Namun begitu, fokus utama pewartaan oleh JAKOA dan PTG pada masa ini adalah untuk mewartakan kawasan penempatan dan kawasan pertanian atau ekonomi sedia ada kerana kawasan tanah ini sangat kritikal dalam memastikan Masyarakat Orang Asli dapat hidup dengan aman dan sejahtera di atas tanah yang dijamin melalui pewartaan.

Untuk makluman YB, Masyarakat Orang Asli ditakrifkan di bawah Seksyen 3, Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] sebagai mana-mana kumpulan rakyat yang termasuk dalam mana-mana suku kaum Orang Asli. Tanah Orang Asli boleh diwartakan bagi tiga maksud utama iaitu kawasan penempatan, kawasan pertanian atau ekonomi, dan kawasan rayau. Sebagai makluman, kawasan masyarakat Orang Asli diwartakan di bawah Seksyen 6 dan 7 Akta 134 dan turut diwartakan juga di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 828].

Berdasarkan kepada terma seksyen pewartaan dirujuk Kerajaan Negeri Perak memberi perhatian dan memastikan kawasan Orang Asli yang diduduki perlu disempurnakan dengan pewartaan. Kerajaan Negeri turut memberi komitmen terhadap kawasan yang diusahakan bagi maksud ekonomi Orang Asli disempurnakan bagi tujuan pewartaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2024 telah menyempurnakan pewartaan bagi kawasan Orang Asli adalah seluas lebih kurang 13,388.666 hektar dengan anggaran jumlah penduduk Orang Asli Negeri Perak seramai 62,000 orang.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada pewartaan yang melibatkan kawasan penempatan Orang Asli, berdasarkan senarai kampung yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Proses pewartaan hanya dapat dilaksanakan setelah pengukuran kawasan oleh juruukur yang dilantik oleh pihak JAKOA dalam menentukan sempadan kawasan yang mempunyai penempatan kawasan Orang Asli. Komitmen pewartaan penempatan ini menunjukkan Kerajaan Negeri perihatin dalam memastikan keperluan asasi manusia dan jaminan pendudukan yang tidak diganggu oleh mana-mana pihak dalam mengiktiraf Orang Asli sebagai sebahagian daripada penduduk di Negeri Perak.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri turut mengambil perhatian terhadap istilah kawasan rayau sepertimana yang dituntut oleh Orang Asli untuk tujuan pewartaan. Bagi maksud ini, urusan pewartaan masih menunggu ketetapan daripada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan tafsiran rasmi terhadap maksud dan keluasan kawasan rayau tersebut.

Sehubungan dengan itu, umumnya Kerajaan Negeri tidak meminggirkan kepentingan Orang Asli dan usaha untuk memperkukuh serta memantapkan kehidupan Orang Asli termasuk kepentingan kebajikan sentiasa diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri.

2. Apakah perancangan dan tindakan Majlis Agama Islam Perak serta Jabatan Agama Islam Perak terhadap masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam tetapi masih tinggal bersama keluarga bukan Islam, dan apakah bentuk kelas bimbingan serta program pengukuhan akidah yang dilaksanakan untuk mereka?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang Dipertua,

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Behrang mengenai masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam tetapi masih tinggal bersama keluarga bukan Islam, Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) serta Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah melaksanakan Program Pemantapan Akidah dan Ibadah khusus untuk masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam.

MAIPk dan JAIPk juga turut menjalankan program dakwah secara berterusan dengan pendekatan yang bersifat inklusif dan berperingkat agar tidak menimbulkan konflik dalam keluarga bercampur agama.

Bagi mualaf yang tinggal bersama keluarga bukan Islam, pendekatan kaunseling dan sokongan emosi turut diberikan agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan akidah tanpa menjejaskan hubungan kekeluargaan. MAIPk juga turut menyediakan skim bantuan sewa rumah dan bina rumah sekiranya perlu atau sesuai dilaksanakan

Pelbagai bentuk kelas bimbingan dan program pengukuhan akidah telah dilaksanakan khusus untuk mereka, antaranya Program Pemantapan Ibadah dan Akidah yang merangkumi ceramah agama, slot tazkirah dan motivasi, latihan dalam kumpulan bagi membina kefahaman Islam, praktikal solat serta amali ibadah harian dan kelas bimbingan mualaf. Selain itu, kelas pengajian secara berkala turut diadakan di pejabat agama daerah meliputi pengajaran asas fardu ain, pembacaan dan pemahaman al-

Quran, pengukuhan akidah melalui kisah para nabi dan sahabat, perbincangan isu semasa berkaitan cabaran hidup sebagai mualaf, serta aktiviti ziarah dan pemantauan.

Pegawai Muballigh Islam dan Penggerak Masyarakat Orang Asli juga sentiasa membuat lawatan berkala ke rumah mualaf Orang Asli untuk memantau perkembangan akidah dan memberi nasihat secara peribadi.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), MAIPk dan JAIPk telah bekerjasama melantik:

- i. Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) seramai 58 orang di bawah lantikan JAKIM;
- ii. Muballigh Islam seramai 56 orang di bawah lantikan MAIPk;
- iii. Guru Asas Pengajian Islam Muallaf (APIM) seramai 75 orang di bawah lantikan MAIPk; dan
- iv. Guru Takmir Orang Asli seramai 22 orang di bawah lantikan JAKIM.

Inisiatif ini merupakan salah satu perancangan berterusan untuk dilaksanakan di perkampungan orang asli seluruh negeri Perak bagi memastikan pemahaman Islam dapat dihayati dan akidah masyarakat orang asli yang telah menganut agama Islam dapat dijaga.

-

Soalan Dari : YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA KURAU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Nelayan tradisional tulen tidak berlesen di seluruh Perak terhimpit beban kenaikan kos minyak petrol RM2.60 bermula 1 Oktober 2025. Apakah usaha dan tindakan pihak kerajaan dan agensi yg berkaitan membantu nelayan tradisional tulen tidak berlesen dalam perkara tersebut.

Jawapan Soalan 1

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin soalan nombor **26086** daripada **Yang Berhormat Kuala Kurau** dan soalan nombor **26250** daripada **Yang Berhormat Hutan Melintang** dibaca bersama. Kedua - dua soalan tersebut menyentuh isu yang sama iaitu isu kenaikan kos bahan api yang memberi impak kepada golongan nelayan laut terutamanya nelayan pantai.

Tuan Yang Dipertua dan ahli dewan yang dihormati, suka saya jelaskan bahawa aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan pantai dan laut dalam di negeri Perak tertakluk kepada pengezonan kawasan tangkapan yang telah ditetapkan di bawah Dasar Jabatan Perikanan Malaysia yang dikelaskan kepada zon - zon tangkapan ikan seperti berikut:

- Zon A: mulai 1 batu nautika daripada pantai sehingga 8 batu nautika yang dizonkan khas kepada nelayan tradisional.
- Zon B: 8 hingga 15 batu nautika yang dikhaskan kepada vesel - vesel zon B termasuk vesel peralatan pukat tunda bersaiz kecil.
- Zon C: 15 hingga 30 batu nautika bagi vesel zon C bersaiz sederhana.
- Zon C2: melebihi 30 batu nautika daripada pantai yang dizonkan untuk operasi penangkapan ikan bagi vesel - vesel perikanan laut dalam.

Merujuk soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Hutan Melintang dan Kuala Kurau, kerajaan negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan nelayan termasuk nelayan tradisi Zon A, iaitu nelayan pesisir pantai yang menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional seperti jaring dan pukat hanyut.

Pada tahun 2024, jumlah pendaratan ikan Zon A di negeri Perak direkodkan sebanyak 65,921 tan metrik dengan bilangan nelayan berlesen yang mempunyai vesel seramai 2,749 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat memahami bebanan yang dihadapi oleh nelayan pesisir pantai akibat kenaikan kos bahan api dan kekurangan hasil tangkapan. Bagi membantu meringankan beban tersebut, Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperuntukkan minyak bersubsidi kepada nelayan tulen yang berdaftar dan berlesen.

Walau bagaimanapun, subsidi minyak hanya layak diberikan kepada nelayan tulen yang berlesen. Bagi nelayan tradisional yang masih belum berlesen, mereka dinasihatkan untuk membuat permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan melalui Jabatan Perikanan Malaysia mengikut prosedur yang ditetapkan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak dan agensi-agensi berkaitan termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) akan sentiasa memberi

bimbingan kepada nelayan dalam urusan permohonan lesen, penyaluran subsidi serta program peningkatan pendapatan nelayan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan negeri akan terus memberi perhatian terhadap kesejahteraan nelayan pesisir pantai termasuk di kawasan Hutan Melintang dan Kuala Kurau agar mereka terus berdaya saing dan mampu menampung kos operasi dalam keadaan ekonomi semasa.

JAWAPAN TAMBAHAN:

Tuan Yang Dipertua,

Maklumat tambahan yang suka saya kemukakan adalah berkenaan dengan prosedur permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan. Umum sedia maklum bahawa permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi nelayan pantai di zon A, B dan C telah dibekukan kerajaan sejak tahun 1982 atas faktor pengurusan perikanan yang lestari. Walaubagaimanapun, permohonan lesen baru bagi vesel perikanan laut dalam masih terbuka sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi lesen sampan khas iaitu lesen nelayan tradisi zon A, kerajaan dari masa ke masa ada melaksanakan program pemutihan lesen - lesen sampan di mana lesen - lesen yang tamat tempoh yang telah dibatalkan, pemilik lesen yang telah meninggal dunia dan lesen - lesen yang telah dikembalikan akan dibuka untuk permohonan baru kepada nelayan tradisi yang belum berlesen. Nelayan - nelayan yang berminat bolehlah membuat permohonan lesen sampan khas kepada pejabat perikanan daerah yang berkaitan. Permohonan lesen ini akan melalui prosedur permohonan sedia ada melalui proses dokumen permohonan, temuduga dan kelulusan oleh Ibupejabat Perikanan Malaysia, Putrajaya. Suka dimaklumkan bahawa ini bukanlah pengeluaran lesen baharu tetapi lesen sampan khas yang diberikan kepada nelayan - nelayan tradisi yang belum berlesen bagi mengisi kuota lesen sampan sedia ada, tertakluk kepada kelayakan dan kelulusan kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sehingga Jun 2025, Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak telah memproses 312 permohonan lesen sampan yang diterima dari seluruh negeri. Daripada permohonan tersebut sebanyak 8 lesen sampan khas baharu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

2. Para peniaga di Pasar Awam Pekan Kurau Kurau telah membantah aktiviti jualan ikan secara runcit oleh pihak pemborong Sin Hai Huat Fishery di Bagan Seberang Mukim Kuala Kurau kerana pendapatan mereka telah terjejas dengan agak teruk. Apakah usaha dan tindakan pihak PBT khususnya dalam menyelesaikan masalah yg dibangkitkan oleh para peniaga di Pasar Awam Kuala Kurau.

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 26 November 2025

Soalan Dari : YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG

Ahli Dewan Undangan Negeri : (ASTAKA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Automotive Hi-Tech Valley (AHTV)
1. Berapakah jumlah pelaburan yang diperolehi oleh AHTV sepanjang tahun 2025?
 2. Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang dapat dihasilkan daripada pelaburan tersebut?
 3. Apakah jenis dan kepakaran pekerjaan yang akan diperlukan di AHTV?

Jawapan Soalan 1

Soalan telah dijawab secara Lisan pada Persidangan Keempat 28 November 2025

2. Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan pelajar-pelajar di sekolah?

Jawapan Soalan 2

Soalan telah dijawab secara lisan pada Persidangan Kelima 1 Disember 2025

3. Kecekapan Perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri
1. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi di bawah Kerajaan Negeri?
 2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan Enakmen seperti Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi negeri?
 3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengemukakan laporan prestasi perkhidmatan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta tersebut bagi tujuan penarafan?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN :

Untuk Makluman Yang Berhormat Astaka ,

Usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi di bawah Kerajaan Negeri adalah melalui Deklarasi Kuala Lumpur-Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Malaysia yang menjadi komitmen penjawat awam seluruh negara untuk menyokong sepenuhnya agenda reformasi perkhidmatan awam. YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah menyempurnakan Penyampaian Sijil Penghargaan Projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) Sempena Program MADANI Rakyat 2025 pada 15 Jun 2025.

Sebanyak tujuh (7) projek Reformasi Karenah Birokrasi (RKB) yang telah siap di Perak kini terbukti memberikan impak positif kepada rakyat, menerusi beberapa mekanisma yang dilihat dapat menjimatkan kos kerajaan, meningkatkan hasil kutipan serta peningkatan kecekapan operasi.

14 projek lagi sedang dilaksanakan di seluruh negeri, sebagai sebahagian inisiatif yang merupakan terjemahan nyata Deklarasi Kuala Lumpur, persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri demi mengurangkan karenah birokrasi, memacu produktiviti dan memudahkan kehidupan rakyat.

Urusan rakyat yang dahulu memakan masa berhari-hari, kini dapat diselesaikan dalam beberapa minit apabila sistem dan aplikasi atas talian digunakan, di mana permohonan boleh dijejak terus dari rumah, sekali gus menghapuskan kos ulang-alik, mengurangkan beban pematuhan peraturan dan membebaskan masa untuk aktiviti yang lebih produktif.

Penjimatan operasi kerajaan juga dapat disalurkan kepada projek kemudahan awam, seperti pembinaan taman, klinik dan jalan yang lebih baik, demi meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Bagi peniaga, prosedur lesen dan permit yang lebih pantas turut menurunkan tempoh dan kos menunggu dan membantu aliran tunai syarikat. Langkah ini membolehkan syarikat menumpukan modal dan tenaga kerja kepada aktiviti yang lebih bernilai tambah, sekali gus memacu peningkatan produktiviti dan mewujudkan iklim perniagaan yang lebih cekap, mesra pengguna dan mampu bersaing.

Antara Projek RKB yang melibatkan jabatan di negeri Perak dan telah diberi pengiktirafan oleh KSN pada 15 Jun 2025 adalah seperti berikut:

(i)Mempercepat proses pendaftaran maklumat bagi bantuan mangsa bencana dan permohonan eKasih dari 1 jam kepada 5 minit melalui "Sistem e-

Penghulu” di bawah semua Pejabat Daerah;

(ii) Mempercepat Proses Pendaftaran Kontraktor daripada 14 hari kepada 1 hari di Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT);

(iii) Mempercepat Pembangunan Industri dan Urusan Menjalankan Perniagaan daripada 18 bulan kepada 9 bulan melalui inisiatif *Muallim Speed Lane* (MSL) di bawah Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM);

(iv) Mempercepat Kelulusan dan Pengeluaran Lesen Menduduki Sementara (LMS) bagi Projek Ternakan Akuakultur (Kerang) daripada 12 bulan kepada 3 bulan melalui Bagan Datuk *Fast Aqua Reform Management* (BD-FARM) oleh Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk;

(v) Mempercepat Proses Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan Hak Milik dari 30 hari kepada 14 hari bekerja oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kampar; dan

(vi) Mempercepat Kelulusan Lesen Premis Perniagaan melalui iPremis daripada 21 hari kepada 10 hari oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM).

2. Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867] telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6 Mac 2025 dan diwartakan pada 22 Mei 2025. Akta ini diperkenalkan bagi mengurangkan karenah birokrasi serta prosedur tertentu dalam urusan Kerajaan. Ini sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menambah baik prosedur penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada masyarakat untuk meningkatkan kualiti, kecekapan, dan keberkesanan perkhidmatan kerajaan.

Penyampaian perkhidmatan Kerajaan hendaklah berdasarkan Prinsip Iltizam seperti berikut:

a) Kecekapan perkhidmatan, iaitu penyampaian perkhidmatan yang cekap, berkesan dan mudah dicapai;

B) Tanggungjawab dalam tadbir urus, iaitu pengamalan budaya kerja beretika dan berprestasi tinggi di semua peringkat entiti Kerajaan dengan menerapkan akauntabiliti, integriti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan kepada individu dan perniagaan;

C) Reformasi struktur, iaitu pelaksanaan perubahan dan penambahbaikan yang berterusan dalam entiti Kerajaan dan instrumen kawal selia untuk mengurangkan birokrasi dan untuk menyesuaikan dengan kemajuan teknologi dan perubahan semasa; dan

d) Tanggungjawab dalam keberkesanan kawal selia, iaitu tanggungjawab dalam mengurangkan beban kawal selia dengan berpandukan nilai kecekapan, keberkesanan dan keperluan.

Sesi Libat Urus Akta Iltizam Bersama Entiti Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri telah diadakan pada 19-20 Jun 2025. Bagi memperkasa Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam, Pekeliling Reformasi Karenah Birokrasi juga telah dilancarkan pada 24 November 2024 bagi memastikan pegawai awam membuat pembaharuan cara kerja dari segenap aspek untuk meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan. Pelaksanaan semua inisiatif ini meliputi projek sama ada di peringkat Persekutuan, negeri mahupun kerajaan tempatan,

Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya inisiatif Akta Iltizam yang telah diperkenalkan ini dan tiada keperluan untuk mewujudkan Enakmen lain di peringkat negeri. Ia adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkukuh struktur dan tatakelola yang telus, memastikan tindakan dan keputusan yang diambil adalah berasaskan kepentingan rakyat. Ia juga merupakan langkah proaktif untuk mengurangkan karenah birokrasi dan menoktahkan salah laku dan rasuah.

3. Pembentangan laporan prestasi perkhidmatan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta tersebut dilaksanakan secara berperingkat oleh Kerajaan Persekutuan dengan permulaan laporan oleh semua Ketua Setiausaha pada tahun 2025. Pembentangan laporan ini akan diperluaskan kepada semua Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahun 2026 selaras dengan usaha untuk menginstitusikan sistem pemantauan perkhidmatan awam supaya lebih dinamik dan berasaskan data.

Soalan Dari : YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUBU GAJAH)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Isu Penempatan Kampung Baru Cina di atas Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak.
 - (a) Adakah benar terdapat perkampungan Kampung Baru Cina ?
 - (b) Jika benar, berapa keluasan tanah Rizab Melayu yang terlibat ?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Kubu Gajah, isu penempatan Kampung Baru Cina di atas Tanah Rizab Melayu di Negeri Perak merupakan antara isu yang sensitif dan kompleks dalam konteks sejarah, undang-undang, dan hubungan kaum di Malaysia. Kampung Baru Cina ialah penempatan yang diwujudkan oleh pihak penjajah British semasa zaman Darurat pada tahun 1948 hingga 1960. Tujuannya adalah untuk mengasingkan penduduk Cina luar bandar daripada pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM). Perak adalah merupakan antara negeri yang mempunyai bilangan Kampung Baru Cina paling banyak di Malaysia iaitu lebih daripada 130 perkampungan yang berdaftar.

Ekoran daripada tindakan untuk menyusun dan meletakkan secara berpusat telah berlaku penempatan penduduk di atas kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan Rizab Melayu. Sebagai contoh di kawasan Kubu Gajah, terdapat enam (6) kawasan Kampung Baru Cina hasil penyusunan oleh pihak British pada ketika itu yang mana satu (1) daripadanya berada dalam kawasan yang diwartakan sebagai Rizab Melayu yang telah diwartakan sekitar tahun 1933.

Namun, selepas darurat tamat dan negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, penduduk di kampung-kampung ini kekal menetap di perkampungan ini dan menjadikannya tempat tinggal tetap, walaupun masih belum diberikan hakmilik. Seiring perubahan berlaku mengikut peredaran masa, permohonan tanah oleh penduduk dikemukakan dan hakmilik dikeluarkan kepada penduduk-penduduk di Kawasan Kampung Baru Cina. Justeru, semasa proses ini dilakukan adalah tidak mustahil berlaku penempatan Kampung Baru Cina di Kawasan Simpanan Melayu.

Sehubungan itu, usaha perlu dilaksanakan secara menyeluruh melalui penyemakan sepenuhnya warta-warta terdahulu dan kesahihan pendudukan bagi mengemukakan jumlah dan keluasan yang sebenar terlibat. Senario ini perlu diselesaikan untuk mengelakkan timbulnya konflik perundangan, sosial dan politik untuk memperoleh satu penyelesaian yang bijaksana untuk menangani isu ini.

2. Dalam menghadapi cuaca yang tidak menentu serta kejadian hujan lebat dan banjir kilat yang kerap berlaku, apakah perancangan dan langkah kerajaan negeri bagi menambah baik serta menyelenggara infrastruktur yang uzur, khususnya:

(a) Jambatan-jambatan dan titi lama atau uzur yang masih digunakan oleh penduduk di kawasan luar bandar, terutamanya yang menjadi laluan utama ke sekolah, ladang dan penempatan penduduk

(b) Sistem saliran sungai dan longkang yang tidak diselenggara dengan baik hingga menyebabkan risiko banjir dan hakisan tebing sungai ?

Jawapan Soalan 2

Soalan telah dijawab secara Lisan pada Persidangan Keempat 28 November 2025

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Jambatan yang berada di jalan seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) sama ada Jalan Negeri atau Jalan Persekutuan masih dalam keadaan baik.
- b) Pihak JKR, melalui JKR Larut Matang dan Selama sentiasa membuat penyelenggaraan dan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan jambatan-jambatan ini masih berfungsi dan selamat untuk pengguna jalan raya.
- c) Bagi struktur jambatan dan titi lama perlulah dilihat melalui tanggungjawab agensi yang membina, menyelenggara terhadap struktur yang diklasifikasikan sudah lama atau uzur.
- d) Kerjasama antara agensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), PBT serta agensi teknikal berkaitan didaerah perlukan di wujudkan dan diteruskan agar sesuatu isu melibatkan tindakan mitigasi melalui kerja menaik taraf dan menyelenggara dapat dilaksanakan melalui peruntukan khas yang dipohon berdasarkan susunan keutamaan, justifikasi permohonan dan impak yang akan dilihat kepada pengguna.
- e) Pejabat Daerah dan Tanah Selama sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih dan turut mendapatkan ulasan teknikal dari pihak JKR LMS bagi baik pulih dan naik taraf jambatan yang berada di bawah tanggungjawab penyelenggaraan PDT Selama.

- f) Bagi tahun 2025, sebanyak tujuh (7) buah jambatan dan titi lama telah dibaiki dan dinaiktaraf dengan kos RM 1.097 juta.
- g) Daripada jumlah tersebut, sebanyak empat (4) buah jambatan dan titi lama adalah dalam kawasan DUN Kubu Gajah.
- h) Di samping itu, PDT Selama juga telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Larut, Matang dan Selama (JPS LMS) bagi membincangkan isu serta tindakan penyelenggaraan terutamanya sistem saliran.
- i) Bagi sistem saliran melibatkan longkang tepi jalan dan pembentung di Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri, pihak JKR melaksanakan kerja pembersihan longkang dan pembentung sekurang-kurangnya dua pusingan setahun.
- j) Sekiranya berlaku kejadian luar jangka menyebabkan sistem saliran di jalan raya seliaan JKR, pihak JKR melalui konsesi yang dilantik melaksanakan kerja kecemasan.
- k) Bagi sistem saliran sungai, Kerajaan Negeri melalui JPS mengambil serius terhadap kerja-kerja selenggara sungai dengan pendekatan **preventive maintenance** dengan mengenal pasti awal, tindakan penyelenggaraan berkala yang dilakukan sebelum sesuatu kerosakan atau kegagalan berlaku bagi mengelakkan berlakunya kesan yang lebih teruk termasuk peningkatan terhadap kos pembaikan atau penyelenggaraan.
- l) Tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang diambil kira bagi sesuatu isu teknikal terhadap sistem saliran sungai dengan perancangan kerja yang mengikut susunan keutamaan dan justifikasi yang kuat disokong dengan peruntukan yang diluluskan melalui peruntukan Negeri atau Persekutuan.
- m) Pihak JPS LMS telah mengambil maklum berhubung perkara ini dan tindakan penyelenggaraan akan dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.
- n) Fokus utama penyelenggaraan adalah di kawasan berisiko tinggi (hotspot) yang dikenal pasti sebagai punca berlakunya banjir.
- o) JPS LMS dan PDT Selama akan terus memantau keadaan infrastruktur ini dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan dan keselesaan penduduk sentiasa terjamin.

3. Isu tekanan air yang rendah dan aliran air yang perlahan di kawasan Kubu Gajah dan kampung sekitar sering menimbulkan kesulitan kepada penduduk, tidak kira waktu dan semasa menggunakannya.

(a) Adakah punca utama kejadian ini disebabkan oleh keusangan paip atau tekanan air yang terlalu dalam sistem agihan yang digunakan oleh Lembaga Air Perak (LAP)?

(b) Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan negeri melalui LAP bagi mengatasi masalah air yang perlahan ini?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

a) Untuk makluman Yang Berhormat, masalah bekalan air yang sering berlaku di kawasan Kubu Gajah dan kampung sekitarnya adalah berpunca dari kerja-kerja pembaikan paip utama yang pecah.

b) LAP telah mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah ini dari terus berulang. Beberapa tindakan jangka pendek dan cadangan tindakan jangka panjang akan diambil dalam menangani isu ini.

c) Di antara tindakan jangka pendek adalah dengan mengawal tekanan air melalui pembentukan District Metering Zone (DMZ) bertujuan untuk memantau dan mengawal tekanan air di dalam paip secara berterusan dan efektif bagi mengurus tekanan serta aliran air pada kawasan tersebut.

d) Manakala tindakan jangka panjang adalah dengan cadangan pembinaan tangki air ternaik baharu di tapak tangki air sedia ada di Kubu Gajah. LAP akan melaksanakan kerja-kerja pemasangan paip secara link-up pada sistem agihan bagi menstabilkan tekanan air dan seterusnya dapat mengurangkan kawasan yang mengalami gangguan sekiranya berlaku kejadian paip pecah.

e) Selain itu, LAP juga akan melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf serta penggantian paip-paip lama secara berkala dan berterusan mengikut keutamaan berdasarkan peruntukan yang disediakan setiap tahun.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD HAKIMI HAMZI BIN MOHD HAYAT
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TITI SERONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk menaik taraf pintu air sedia ada di Pekan Baru, Dennistown, Parit Buntar kepada pintu air jenis pam bagi memudahkan pemindahan air domestik ke sungai, seterusnya mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku di kawasan tersebut?

Jawapan Soalan 1

- 1) Berlakunya kejadian banjir kilat di keseluruhan kawasan Parit Buntar adalah disebabkan sistem saliran perbandaran yang tidak sistematik dan mencukupi bagi menampung aliran hujan sedia ada. Begitu juga di kawasan Pekan Baru, Dennistown, Parit Buntar.
- 2) Bagi menyelesaikan isu banjir kilat yang berlaku di dalam kawasan bandar, JPS selaku agensi teknikal akan memberi ulasan teknikal terhadap sebarang pemajuan dengan mengguna pakai garis panduan **Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)** yang bertujuan mengawal dan menyimpan terlebih dahulu air larian hujan sebelum disalir keluar ke saluran utama bagi mengelakkan banjir kilat berlaku.
- 3) Seperti yang YB sedia maklum, kawasan pembangunan perumahan baru ini masih di dalam pembinaan dan telah menyediakan sistem takungan banjir supaya dapat mengurangkan kesan banjir kilat kepada kawasan sekeliling.
- 4) Walau bagaimana pun, pada awal permohonan kebenaran merancang, JPS turut memberi ulasan teknikal agar pihak pemaju turut menyediakan sistem pam bagi mengeluarkan air dalaman ketika paras air Sungai Kerian tinggi.

- 5) Ini adalah kerana, kawasan pembangunan sedia ada di Dennistown ini sering mengalami banjir kilat dan akan memberi kesan yang lebih teruk sekiranya pembangunan baru tidak diadakan mengikut garis panduan jabatan.
- 6) Pihak perunding dan pemaju projek telah membentangkan pelan pembinaan rumah pam ini kepada pihak JPS, oleh itu isu ini masih di dalam tindakan pihak pemaju.

2. Apakah solusi bagi mengatasi masalah urusan jual beli arak melibatkan pekerja muslim di kedai serbaneka?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang Dipertua,

Yang Berhormat Titi Serong telah bertanyakan soalan berkaitan solusi bagi mengatasi masalah urusan jual beli arak melibatkan pekerja muslim di kedai serbaneka.

Untuk makluman Yang Berhormat Titi Serong, Kerajaan Negeri Perak mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan berhubung urusan jual beli arak yang melibatkan pekerja beragama Islam di kedai serbaneka. Arak merupakan minuman yang jelas diharamkan dalam Islam, dan larangan tersebut turut merangkumi sebarang urusan berkaitan penjualan, mempamerkan untuk jualan dan penyimpanan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 60 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992.

Namun yang demikian, pelaksanaan peruntukan tersebut terhadap pekerja Islam di kedai serbaneka sukar dilaksanakan dengan mengambil kira aspek kebajikan pekerja, keperluan pekerjaan dan bidang kuasa undang-undang. Kerajaan Negeri tidak boleh menghalang mana - mana orang Islam untuk bekerja di kedai serbaneka yang menjual arak kerana ianya bakal menimbulkan konflik, memandangkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titi Serong ini merupakan isu nasional yang melibatkan dasar serta memerlukan perbincangan dengan pelbagai pihak.

Kerajaan Negeri berpandangan beberapa langkah boleh diambil dalam mengurangkan isu ini. Antaranya ialah:

i. Pendekatan Perundingan dan Pendidikan (*Advisory Approach*)

Pendekatan dakwah dan kesedaran kepada majikan serta pekerja Muslim melalui sesi taklimat, risalah dan kempen kesedaran, agar mereka memahami hukum serta tanggungjawab agama masing-masing.

ii. Garis Panduan Bersama (*Code of Practice*)

Pemilik kedai serbaneka boleh menyediakan garis panduan bagi menyelaraskan tatacara pengambilan pekerja Muslim di premis yang menjual arak termasuk menetapkan bahawa pekerja Islam tidak ditugaskan di bahagian jualan atau pengendalian minuman keras.

iii. Kerjasama Strategik dengan Pemilik Kedai Serbaneka

Pihak Berkuasa Tempatan boleh berbincang dengan pengusaha rangkaian kedai serbaneka utama seperti 7-Eleven, KK Mart, dan FamilyMart agar menghormati sensitiviti umat Islam dengan menstruktur semula skop kerja pekerja Muslim di kedai mereka.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa pendekatan langkah - langkah ini dapat dilaksanakan secara berhikmah, mengambil kira keharmonian kaum dan agama, keperluan ekonomi, serta tanggungjawab moral dan agama.

-

Soalan Dari : YB ENCIK ONG SENG GUAN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (POKOK ASSAM)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Beberapa kawasan di sekitar Taiping telah dilanda banjir pada 3 dan 23 Oktober 2025.

a) Apakah usaha atau langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa di antara tempoh kejadian tersebut?

b) Apakah langkah segera dan jangka panjang yang telah serta akan diambil oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi menangani isu banjir ini?

c) Adakah peruntukan khas disediakan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan longkang utama, parit dan sistem saliran di kawasan hotspot banjir sekitar Taiping?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah memohon supaya pihak Puncak Emas Infra Sdn Bhd membersihkan kawasan parit mengikut jadual yang ditetapkan. Parit yang rosak dan terdapat halangan dibaiki oleh pihak Majlis.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Banyak parit dinaiktaraf oleh Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dengan peruntukan KPKT dan kolam takungan dibersihkan menggunakan wang sumbangan perparitan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Punca banjir adalah keamatan hujan yang tinggi dan ban sungai pecah. Ini menyebabkan sungai tidak dapat menampung air yang banyak.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Penyelenggaraan sistem saliran di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya menggunakan peruntukan MARRIS.

2. Beberapa kawasan tanah milikan persendirian di sekitar Taiping dibiarkan terbiar dan dipenuhi semak samun. Keadaan ini menimbulkan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan awam serta menjadi tempat pembiakan haiwan berbisa dan nyamuk Aedes.

a) Apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak berkuasa tempatan terhadap pemilik tanah yang gagal menyelenggara kawasan masing-masing?

b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan mekanisme penguatkuasaan yang lebih tegas, termasuk pengeluaran kompaun atau notis pembersihan mandatori kepada pemilik tanah terbiar?

c) Apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat bagi memastikan kawasan sedemikian dapat dipantau serta dikekalkan dalam keadaan bersih dan selamat?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A DAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan berhubung kawasan tanah milikan persendirian yang terbiar dan dipenuhi semak samun berdasarkan Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Di bawah peruntukan ini, bagi mana-mana lot persendirian atau kediaman yang dikenal pasti menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam, MPT akan mengeluarkan notis kepada pemilik lot atau premis berkenaan untuk menghapuskan kacau ganggu tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan notis.

Sekiranya pemilik gagal mematuhi arahan yang diberikan, tindakan undang-undang boleh diambil, dan apabila disabitkan kesalahan, pemilik boleh dikenakan denda tidak melebihi

RM1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan, atau kedua-duanya sekali.

Berikut merupakan statistik jumlah aduan yang berjaya diselesaikan oleh MPT melalui tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976:

Tahun	Kes Berjaya Diselesaikan	Kes Dibawa ke Tindakan Undang-Undang
2023	196	66
2024	185	73
2025 (hingga Oktober)	69	40

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak berkuasa tempatan bersedia bekerjasama dengan komuniti setempat melalui pemantauan dan aduan berkaitan keadaan kawasan terbiar serta sebarang risiko keselamatan atau kesihatan. Saluran aduan seperti hotline dan portal turut memudahkan laporan dibuat.

Selain itu, program gotong-royong bersama penduduk dan NGO boleh dijalankan dengan sokongan peralatan dan logistik daripada PBT. Kempen kesedaran mengenai pencegahan Aedes dan tanggungjawab pemilik tanah turut boleh digerakkan, manakala pemeriksaan rutin serta notis kepada pemilik dikeluarkan bagi memastikan kawasan tersebut kekal bersih dan selamat.

3. Bandar Taiping berpotensi menjadi peneraju dalam penggunaan tenaga boleh diperbaharui di negeri Perak selaras dengan usaha mengurangkan pelepasan karbon dan menangani perubahan iklim.
- a) Apakah pelan atau projek tenaga boleh diperbaharui yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan di Taiping pada masa ini?
- b) Apakah bentuk galakan atau insentif yang ditawarkan kepada sektor swasta, institusi pendidikan dan komuniti tempatan bagi menggalakkan penggunaan tenaga hijau seperti solar atau sistem tenaga cekap tenaga?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menjadikan Taiping sebagai bandar contoh tenaga boleh diperbaharui melalui peluasan penggunaan panel solar di bangunan kerajaan, sekolah serta kawasan awam?

Jawapan Soalan 3

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keenam 2 Disember 2025

Yang Berhormat Dato' Seri Yang DiPertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Assam atas soalan yang menyentuh mengenai potensi Bandar Taiping sebagai peneraju penggunaan tenaga boleh diperbaharui di negeri Perak, selaras dengan usaha mengurangkan pelepasan karbon serta menangani impak perubahan iklim.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kerajaan Negeri melihat agenda tenaga hijau sebagai komponen penting dalam membina sebuah negeri yang berdaya tahan, inklusif dan berdaya saing dalam jangka panjang. Taiping pula merupakan antara bandar yang mempunyai potensi terbaik untuk menjadi model peralihan tenaga bersih di negeri Perak.

a. Pelan dan projek tenaga boleh diperbaharui yang sedang dilaksanakan

Pada masa ini, beberapa projek dan inisiatif tenaga boleh diperbaharui sedang digerakkan secara aktif oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta di Taiping.

Contoh yang terbaik adalah projek tenaga solar turut dilaksanakan oleh pihak industri. Antaranya ialah **Toyo Tyre Malaysia Sdn. Bhd.** di Kamunting, yang telah melabur kira-kira **RM30 juta** bagi pemasangan lebih daripada **26,000 panel solar** di bumbung kilang seluas hampir 96,000 meter persegi.

Projek ini dijangka memenuhi sebahagian besar keperluan tenaga operasi kilang, sekaligus mengurangkan pergantungan kepada grid elektrik konvensional.

Langkah ini merupakan satu contoh jelas bagaimana sektor industri di Taiping turut menyahut seruan peralihan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui.

Inisiatif ini menandakan bahawa Bandar Taiping sedang bergerak aktif ke arah menjadi bandar rendah karbon dan peneraju tenaga hijau di negeri Perak.

b. Galakan dan insentif untuk menggalakkan penggunaan tenaga hijau

Bagi menggalakkan sektor swasta, institusi pendidikan dan komuniti tempatan melaksanakan projek tenaga boleh diperbaharui, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan menyediakan pelbagai galakan dan insentif.

Pertama, melalui *Green Electricity Tariff (GET)*, pengguna boleh memilih untuk menggunakan elektrik rendah karbon yang dijana daripada solar berskala besar (LSS) dan hidro.

Pengguna GET turut menerima *Malaysia Renewable Energy Certificate (mREC)* sebagai bukti penggunaan tenaga hijau, yang membantu meningkatkan patuhan kepada standard ESG serta mengurangkan jejak karbon.

Kedua, insentif cukai melalui *Green Investment Tax Allowance (GITA)* dan *Green Income Tax Exemption (GITE)* yang memberi elaun cukai pelaburan kepada projek pemasangan

solar, peralatan cekap tenaga, serta pengecualian cukai kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan teknologi hijau bertauliah.

Insentif ini bertujuan mengurangkan kos pelaburan awal bagi sektor swasta untuk beralih kepada teknologi rendah karbon.

Ketiga, *Green Technology Financing Scheme 2.0 (GTFS 2.0)* membantu syarikat mendapatkan pembiayaan melalui subsidi kadar faedah selama 7 tahun pertama dan jaminan kerajaan sehingga 60%.

Skim ini mengurangkan risiko kewangan dan meningkatkan minat syarikat untuk melaksanakan projek tenaga hijau seperti solar, kenderaan elektrik dan sistem cekap tenaga.

Keempat, melalui *Low Carbon Cities Framework (LCCF)* yang dikendalikan oleh MGTC, PBT, sekolah, universiti serta komuniti diberi bimbingan teknikal, pengiktirafan dan sokongan bagi melaksanakan inisiatif rendah karbon seperti solar, pengurusan tenaga, pengurusan sisa dan mobiliti hijau.

Galakan ini merangkumi semua lapisan masyarakat dan ekosistem bandar, bagi mempercepat pembangunan tenaga hijau secara komprehensif di Taiping.

c. Cadangan menjadikan Taiping sebagai bandar contoh tenaga boleh diperbaharui

Yang Berhormat Dato' Seri Yang DiPertua,

Kerajaan Negeri Perak menyokong penuh usaha untuk Taiping menjadi **bandar contoh tenaga boleh diperbaharui**. Beberapa langkah strategik yang boleh diberi perhatian, termasuklah:

i. Pemasangan sistem solar di bangunan kerajaan dan kemudahan awam

- termasuk bangunan pentadbiran MPT, pejabat kerajaan negeri dan kemudahan komuniti.
- Langkah ini dapat menjimatkan kos tenaga elektrik dan mengurangkan pelepasan karbon.

ii. Pengembangan penggunaan tenaga solar di sekolah dan institusi pendidikan

- bagi mengurangkan kos elektrik sekolah,
- serta meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kepentingan kelestarian dan adaptasi perubahan iklim.

iii. Pengintegrasian infrastruktur hijau di ruang awam

- termasuk lampu jalan solar, taman rendah karbon, stesen pengecas EV, serta penggunaan kenderaan elektrik dalam operasi PBT.
- Langkah-langkah ini meningkatkan kualiti hidup bandar dan menjadikan Taiping sebuah bandar hijau yang progresif.

Keseluruhan strategi ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menyokong aspirasi *Low Carbon Cities Framework (LCCF)* dan memastikan Taiping terus menjadi model rujukan kepada bandar-bandar lain dalam pembangunan rendah karbon di negeri Perak.

Penegasan Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri berpendirian bahawa pembangunan tenaga hijau bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan strategik bagi memastikan kelangsungan ekonomi, kebajikan rakyat serta perlindungan alam sekitar.

Taiping, dengan ekosistem yang berkembang dan komitmen PBT serta sektor swasta, berada pada landasan yang kukuh untuk menjadi bandar peneraju dalam tenaga boleh diperbaharui di negeri Perak.

Soalan Dari : YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (SUNGAI MANIK)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri dalam memperkukuhkan industri kopi tempatan, khususnya dalam menggalakkan petani dan pekebun berminat menanam kopi sebagai sebahagian daripada strategi menjadikan Negeri Perak sebagai destinasi utama Agrotourism di Malaysia?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman YB

Dalam memperkukuhkan industri kopi tempatan, khususnya dalam menggalakkan petani dan pekebun berminat menanam kopi, beberapa pendekatan dan strategi telah dirangka oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian. Antara strategi tersebut adalah :

Pertama, promosi dan pelancaran KOPI PERAK di Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2024). Langkah ini dilihat sebagai satu kejayaan dimana kini Negeri Perak dikenali sebagai antara negeri pengeluar kopi di Malaysia selain daripada Johor.

Kedua, menyediakan bantuan pembangunan kepada petani kopi dalam usaha untuk memperkukuh rantai nilai pengeluaran, dan melaksanakan usaha promosi yang lebih menyeluruh. Dibawah Program Pembangunan Industri Kopi yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak, pada tahun 2025 kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi membangunkan keseluruhan rantai pengeluaran kopi dari peringkat penanaman, pemprosesan, promosi, sehinggalah ke pengkomersialan. Kini petani kopi lebih yakin dimana hasil pengeluaran kopi yang bakal dituai boleh memberikan pendapatan dan wujud usahawan/ syarikat yang akan membeli hasil kopi mereka. Untuk rekod, keluasan bertanam aktif tanaman kopi di Perak kini adalah seluas 29.41 hektar.

Ketiga, latihan dari segi teori dan praktikal bermula daripada produk hulu sehingga hiliran disediakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak. Ini adalah untuk memantapkan lagi kemahiran dalam penanaman dan pemprosesan kopi. Seminar Kopi Perak yang telah dijalankan baru-baru ini pada 21 - 23 Oktober 2025 telah membuka minda dan mata pemain industri disepanjang rantai industri kopi ke arah melestarikan rantai industri kopi di Negeri Perak.

Keempat, promosi dan penganjuran program-program di peringkat negeri mahupun persekutuan berkaitan kopi dilihat antara pendekatan yang sangat penting agar semangat untuk menjadikan Negeri Perak sebuah negeri bukan sahaja pengeluar kopi malah satu destinasi agrotourism.

2. A. Apakah punca utama kelewatan penghantaran baja subsidi bagi Musim 2/2025 di kawasan Sungai Manik, memandangkan ramai pesawah dilaporkan lewat menerima baja walaupun padi telah berusia lebih sebulan, sekali gus menimbulkan risiko terhadap pertumbuhan dan hasil tanaman mereka?

B. Selain itu, apakah langkah jangka masa pendek yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan bekalan baja sampai dengan segera kepada pesawah yang terlibat, serta apakah perancangan jangka masa panjang bagi memperkukuh sistem pengurusan dan pengedaran baja subsidi agar masalah sebegini tidak berulang pada musim-musim akan datang?

Jawapan Soalan 2

Terima Kasih Yang Berhormat Sungai Manik diatas soalan yang diajukan

Dato Seri Yang Dipertua,

Berhubung isu kelewatan penghantaran baja subsidi bagi Musim 2/2025 di kawasan Sungai Manik, pihak **Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)** ingin menegaskan bahawa **punca utama kelewatan** adalah proses peralihan kontrak pembekalan. Kontrak lama melalui **NAFAS** telah berakhir pada Musim 1/2025, dan Musim 2/2025 menandakan permulaan kontrak dengan pembekal baharu, iaitu **Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB)**. Peralihan ini telah menimbulkan sedikit kelewatan di kawasan **PPK Sungai Manik** dan **PPK Seberang Perak**, dan saya ingin tekankan bahawa ini bukan kegagalan pengurusan, tetapi satu transisi yang perlu dilakukan untuk memastikan sistem pembekalan yang lebih teratur pada masa akan datang.

Yang Berhormat,

Selepas MNFSB dilantik secara rasmi pada **3 Oktober 2025** hingga **2 Oktober 2028**, bekalan baja telah dihantar ke PPK berkenaan pada **6 Oktober 2025**, termasuk bekalan racun yang diperlukan oleh pesawah. Ini menunjukkan bahawa **tindakan telah diambil segera** untuk memastikan pesawah tidak terjejas secara signifikan walaupun berlaku kelewatan awal.

Kerajaan Negeri berharap langkah segera yang telah diambil dapat memastikan pesawah di Sungai Manik, PPK Seberang Perak, dan kawasan pertanian lain menerima bekalan baja subsidi tepat pada masanya, seterusnya mengekalkan pertumbuhan dan hasil tanaman padi yang optimum. Dengan sistem pengurusan dan pengedaran baja yang lebih tersusun pada masa hadapan, saya yakin masalah kelewatan dapat diatasi sepenuhnya, sekaligus memastikan

kesejahteraan pesawah terjamin, produktiviti padi negeri Perak terus meningkat, dan sektor pertanian negeri kekal kukuh, berdaya saing serta menyumbang kepada kemakmuran rakyat.

Soalan Dari : YB ENCIK CHEAH POU HIAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (JELAPANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 3. Merujuk kepada dasar penghentian pemberian lesen penjualan vape/rokok elektronik oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Perak yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026, persoalan saya adalah seperti berikut:
- a. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan konsistensi dalam pelaksanaan dasar ini, khususnya bagi menghalang aktiviti jualan secara pasaran gelap tanpa lesen daripada berleluasa?
 - b. Memandangkan sesetengah negeri masih membenarkan penjualan vape, isu pembelian vape secara merentas negeri oleh penduduk Perak berpotensi menjejaskan keberkesanan dasar ini. Adakah Kerajaan Negeri telah merangka mekanisme kawalan rentas negeri atau menjalin kerjasama dengan negeri-negeri terbabit bagi menangani isu ini?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan negeri boleh mengambil langkah-langkah bagi menghalang aktiviti jualan secarapasaran gelap tanpa lesen daripada berleluasa.

Pertama, melalui penguatkuasaan undang-undang. di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. undang-undang yang boleh dirujuk berkenaan operasi judi adalah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2017.

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan UUK ini. Sebagai contoh, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Ipoh) 2017. Aktiviti penjualan vape di bawah UUK ini di bawah kategori alat elektronik dan elektrik. Aktiviti perniagaan ini dikawal melalui tindakan pelesenan, pematuhan syarat lesen dan hukuman menjalankan aktiviti tanpa lesen.

Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga disokong dengan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852). Akta ini diwujudkan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pendaftaran, pengiklanan, kawalan penjualan dan pembelian produk tembakau, bahan merokok dan produk pengganti tembakau, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya. Akta ini di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan Polisi Larangan Lesen Penjualan Rokok Elektronik dan Vape, yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri melindungi kesihatan rakyat, khususnya generasi muda, daripada ancaman produk berisiko tinggi.

Mulai tarikh tersebut, tiada lesen baharu akan dikeluarkan, dan lesen sedia ada tidak akan diperbaharui selepas tamat tempoh. Penguatkuasaan dilaksanakan secara bersepadu oleh PBT, KKM, PDRM dan agensi lain, bagi memastikan tiada premis yang terus menjual vape tanpa lesen.

JKN Perak turut menjalankan operasi rutin dan khas, termasuk pemantauan atas talian terhadap aktiviti promosi dan penjualan vape di media sosial, dengan tindakan undang-undang diambil di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Kerajaan Negeri juga akan terus mengadvokasi kepada Kerajaan Persekutuan agar larangan sepenuhnya terhadap penjualan rokok elektronik dan vape dilaksanakan di seluruh negara, bagi memastikan dasar ini benar-benar berkesan dan melindungi kesihatan rakyat Malaysia secara menyeluruh.

Soalan Dari : YB ENCIK NADZIRUDDIN BIN MOHAMED BANDI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHANGKAT JONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Memandangkan kadar pelaburan langsung asing (FDI) di Negeri Perak masih rendah berbanding negeri jiran khususnya Negeri Selangor dan Pulau Pinang, Apakah strategi khusus Kerajaan Negeri bagi menarik pelabur strategik termasuk pemberian insentif penyediaan tanah industri dan promosi antarabangsa.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Changkat Jong,

Kerajaan Negeri Perak telah merangka beberapa strategi khusus untuk meningkatkan daya tarikan pelabur strategik menerusi pendekatan-pendekatan berikut sejajar dengan saranan dan polisi yang telah ditetapkan iaitu antaranya:

- i. Menenalpasti Sektor-Sektor Perindustrian dan Pelabur-Pelabur Baru Yang Berpotensi.

Kerajaan Negeri melalui InvestPerak menenalpasti sektor-sektor industri yang dapat memberi impak berganda kepada pertumbuhan ekonomi negeri yang sesuai dan boleh ditempatkan di Negeri Perak. Pendekatan ini disusuli dengan menenalpasti bakal-bakal pelabur yang berpotensi dalam sektor-sektor ini dari kalangan pelabur tempatan dan luar negara.

Seterusnya pertemuan dengan bakal-bakal pelabur ini akan dilaksanakan untuk sesi penerangan dan perbincangan bagi meyakini mereka untuk membuat keputusan menempatkan projek- projek mereka di Negeri Perak.

- ii. Mengalakkan pembesaran operasi / pelbagaian produk / peningkatan penggunaan teknologi / penglibatan R&D oleh pelabur-pelabur sedia ada.

Selain dari pelaburan baru usaha-usaha mengalakkan pelabur- pelabur asing sedia ada untuk terus kekal dan mengembangkan operasi dan mempelbagaikan aktiviti mereka di

Negeri Perak juga dilaksanakan.

iii. Pusat Perkhidmatan Pelaburan (Centre of Investment – COI)

Menerusi agensinya, InvestPerak bertindak sebagai ‘One Stop Centre – “Centre of Investment” (COI)’, yang berperanan menyediakan khidmat fasilitasi, rundingan, serta penyelarasan antara pelabur baru dan pelabur asing sedia ada bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk memberi laluan “Fast-Track” bagi permohonan yang dikemukakan. Melalui peranan ini, pelabur dapat menikmati proses kelulusan projek yang lebih cepat, telus, dan efisien, selain mendapat nasihat dan panduan tepat mengenai sebarang persoalan berkaitan pelaburan di Perak.

COI didapati amat berkesan dalam mempercepatkan pelaksanaan pembangunan projek pelaburan, khususnya dalam sektor pembuatan dan industri berkaitan, dan sentiasa digunakan oleh bakal pelabur baru serta pelabur sedia ada. Selain itu, pusat ini turut berperanan dalam mengkoordinasi penyelesaian terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh para pelabur.

iv. Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Pelaburan

Terdapat kawasan industri baru di Negeri Perak yang boleh ditawarkan kepada pelabur asing baru untuk menempatkan projek-projek pelaburan mereka. Antaranya projek pembangunan kawasan perindustrian baharu seperti SilverValley Technology Park (SVTP) di Kanthan, Chemor, Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) dan KLK Techpark di Tanjong Malim, Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) di Kerian, Ipoh Raya Integrated Park di Simpang Pulai, Lumut Maritime Industrial City di Lumut, Perak Halal Industrial Park di Lekir.

v. Peningkatan Aktiviti Nilai Tambah (Value Added) Kepada Bahan Mentah dan Sumber Asli

Negeri Perak memiliki kekayaan hasil bumi yang pelbagai, termasuk batu kapur, tanah liat barbola, kaolin, serisit, pegmatit, pasir silika, batu kuarza, serta mineral bernilai seperti timah dan byrit.

Kerajaan Negeri aktif menggalakkan pengeluaran hasil bumi ke arah pengolahan hiliran, sama ada pertengahan atau keluaran akhir, bagi menarik pelaburan asing baharu dan meningkatkan nilai tambah (value-adding) sumber tersebut, seterusnya memperkukuh pertumbuhan ekonomi negeri.

vi. InvestPerak mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan kemasukan pelaburan asing ke Negeri Perak terus berkembang

Melalui penyertaan dalam Misi Penggalakan Pelaburan ke luar Negara terutamanya Negara China bagi memanfaatkan polisi China+1 serta penyertaan di dalam pameran/expo di dalam dan luar negara bagi mempromosikan peluang pelaburan di Negeri Perak serta mengenal pasti pelabur-pelabur yang berpotensi.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dinyatakan, Kerajaan Negeri turut memperkukuh jaringan kerjasama strategik dengan jabatan serta agensi Persekutuan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), serta Investment Promotion Agency negeri-negeri lain termasuk InvestPenang, InvestKedah dan InvestSelangor. Kerjasama ini dilaksanakan bagi merencanakan langkah-langkah proaktif dalam menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke Negeri Perak.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menjalin hubungan erat dengan syarikat-syarikat swasta seperti Proton & Geely, KLK Land, serta syarikat multinasional yang

beroperasi di Perak bagi menggalakkan vendor dan rakan kongsi mereka dari luar negara memilih Perak sebagai destinasi pelaburan. Kerajaan Negeri juga memberikan sokongan berterusan kepada badan industri seperti Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM Perak), Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak (PCCCI), serta Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dalam usaha bersama memacu pertumbuhan pelaburan dan merancakkan perkembangan ekonomi negeri.

2. Berapakah jumlah bilangan keluarga bagi Kelas B40, M40 dan T20 yang telah direkodkan di Negeri Perak setakat tahun 2024.

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Changkat Jong, statistik berkaitan dengan pendapatan isi rumah diperoleh melalui Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Penemuan survei terkini bagi tahun 2024 telah diterbitkan pada bulan Oktober 2025.

Kumpulan isi rumah Terendah - 40 peratus (B40), Pertengahan - 40 peratus (M40) dan Tertinggi - 20 peratus (T20) telah diselaraskan kepada kumpulan desil pendapatan, iaitu desil pertama hingga desil keempat (D1-D4) bagi B40, desil kelima hingga desil kelapan (D5-D8) bagi M40, dan desil kesembilan hingga desil kesepuluh (D9-D10) bagi T20. Kumpulan desil pendapatan merujuk kepada pembahagian isi rumah kepada sepuluh bahagian yang disusun mengikut pendapatan isi rumah kasar, daripada yang paling rendah hingga yang paling tinggi.

Had pendapatan kasar isi rumah di Malaysia bagi tahun 2024 ditetapkan mengikut kategori desil seperti berikut. Kumpulan D1-D4 merangkumi isi rumah dengan pendapatan kurang daripada RM5,860; kumpulan D5-D8 terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan di antara RM5,860 hingga RM12,679; manakala kumpulan D9-D10 merangkumi isi rumah dengan pendapatan RM12,680 dan ke atas.

Berdasarkan dapatan survei tersebut, Negeri Perak mencatatkan 12.6 peratus bersamaan 413.9 ribu isi umah daripada keseluruhan 3,285.2 ribu isi rumah dalam kumpulan D1-D4 iaitu B40. Sementara itu, kumpulan D5-D8 iaitu M40 merangkumi 5.9 peratus bersamaan 193.8 ribu isi rumah daripada jumlah 3,285.2 ribu isi rumah, manakala bagi kumpulan D9-D10 iaitu T20, Perak merekodkan 3.2 peratus bersamaan 52.6 ribu isi rumah daripada keseluruhan 1,642.3 ribu isi rumah.

NOTA TAMBAHAN:

Perincian peratusan isi rumah mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1.

Negeri	Kumpulan Isi Rumah mengikut Desil		
	D1 - D4	D5 - D8	D9 - D10
Bilangan isi rumah ('000)	3,285.2	3,285.2	1,642.3
Peratusan isi rumah (%):			
Malaysia	100.0	100.0	100.0
Johor	10.6	13.1	15.7
Kedah	10.4	5.5	1.9
Kelantan	8.1	2.4	1.2
Melaka	3.2	3.7	2.9
Negeri Sembilan	5.2	3.3	2.6
Pahang	7.8	3.4	1.6
Pulau Pinang	5.3	6.7	6.0
Perak	12.6	5.9	3.2
Perlis	1.5	0.8	0.3
Selangor	6.5	29.7	40.6

Negeri	Kumpulan Isi Rumah mengikut Desil		
	D1 - D4	D5 - D8	D9 - D10
Terengganu	3.6	4.4	2.1
Sabah	11.9	5.4	3.9
Sarawak	10.0	6.5	4.1
W.P. Kuala Lumpur	2.6	8.4	12.9
W.P. Labuan	0.2	0.3	0.2
W.P. Putrajaya	0.1	0.4	0.9

Jadual 1: Peratusan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, Malaysia, 2024

Nota: Mengikut had pendapatan kasar kumpulan isi rumah Malaysia, 2024

D1 – D4: < RM5,860

D5 – D8: RM5,860 – 12,679

D9 – D10: ≥ RM12,680

-

3. Dengan kenaikan kos sara hidup , apakah inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu pengusaha kecil dan penjaja menghadapi tekanan ekonomi tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan Persekutuan.

Jawapan Soalan 3

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada Persidangan Keenam 2 Disember 2025

Soalan Dari : YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH

Ahli Dewan Undangan Negeri : (SELINSING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Industri desa boleh membantu pesawah menambah pendapatan terutama semasa hasil padi yang tidak menentu. Mohon jelaskan apakah kerajaan negeri mempunyai perancangan khusus untuk membangunkan industri ini terutama di jelapang padi Kerian.

Jawapan Soalan 1

Terima kasih Dato Seri Yang Dipertua

Untuk makluman Yang Berhormat Selinsing

Bagi kawasan Jelapang Padi Kerian, kerajaan persekutuan melalui IADA Kerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi kepada pesawah. Antara inisiatif yang diberikan termasuk:

1. Projek Pengurusan Sisa Pertanian Melalui Aktiviti Koperasi

Sekumpulan pesawah di bawah koperasi seliaan IADA Kerian telah berjaya menjalankan projek pengurusan sisa pertanian dengan menghasilkan baja kompos organik. Selain daripada itu, pihak koperasi juga menjalankan jualan jerami mentah kepada pengusaha ternakan di kawasan sekitar dengan kuantiti Inisiatif ini bukan sahaja memberi pendapatan tambahan kepada pesawah tetapi turut membantu mengurangkan

pembakaran terbuka dan pembebasan karbon. Setakat ini, penghasilan jerami mentah pada bulan Julai - Ogos 2025 adalah 785 gulung atau 1,000 metrik tan dengan harga RM 51,025.00 manakala penghasilan baja kompos organik daripada jerami juga dapat dikeluarkan sebanyak 14 metrik tan.

Perancangan telah dirangka pada tahun hadapan dimana pihak koperasi dengan bantuan daripada IADA Kerian akan mempelbagai aktiviti ekonomi melalui projek penghasilan cendawan serta penghasilan baja daripada *Black Soldier Fly* (BSF).. Melalui penghasilan jerami juga dapat diproses bagi makanan untuk ternakan. Kepelbagaian aktiviti ini dijangka dapat membuka peluang dan ruang bagi menambahkan pendapatan kepada pesawah serta masyarakat setempat.

2. Projek Agropelancongan/ Homestay/Inap Desa

Projek Agropelancongan/ Homestay / Inap desa juga boleh memberikan sumber ekonomi tambahan kepada pesawah dimana, pesawah dapat mempromosikan homestay/inap desa dengan menyediakan pelbagai pakej penginapan dan aktiviti di sekitar kampung berlatarbelakang kawasan sawah padi. Melalui geran Projek Agropelancongan di bawah IMAT, peruntukan boleh disalurkan bagi menaiktaraf infrastruktur projek, landskap serta membantu mempromosikan homestay atau inap desa dan pada masa yang sama membantu melonjakkan sektor pelancongan di daerah Kerian. Peruntukan yang telah diterima oleh IADA Kerian pada 2023 melibatkan Homestay Dahlia II dengan peruntukan sebanyak RM 187,400.00 manakala bagi Teratak Tok Su, peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM 145,000.00 pada tahun 2024.

3. Ekonomi Tambahan(Ternakan Itik Penelur /Penghasilan Telur Masin)

Para pesawah boleh menjana ekonomi tambahan melalui ternakan itik penelur, dan penghasilan telur masin sebagai sumber pendapatan sampingan. Peruntukan di bawah IMAT juga diberikan dari segi anak itik, membina reban dan makanan pada peringkat permulaan projek ternakan. Pembungkusan produk yang menarik dan promosi projek perlu dibuat oleh pesawah dengan menggunakan platform media massa, facebook atau program seperti Agrofest, MAHA dan Hari Ladang bagi mengetengahkan projek atau produk di Daerah Kerian dan Negeri Perak khususnya.

2. Jelaskan langkah-langkah dan kawalan yang dibuat oleh kerajaan negeri bagi memastikan pesawah dapat mengeluarkan hasil padi yang berkualiti. Ini dapat mengelakkan pesawah daripada potongan timbangan yang tinggi semasa jualan hasil.

Jawapan Soalan 2

Langkah-langkah dan kawalan kerajaan negeri bagi memastikan pesawah mengeluarkan hasil padi berkualiti untuk mengurangkan potongan timbangan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak IADA Kerian. Antaranya adalah mengatur langkah dan strategi bagi mengeluarkan hasil padi berkualiti tinggi melalui dua (2) program yang besar iaitu:

Program Pengurusan Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian dan Program Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah. Dua program ini memberikan signifikan peningkatan hasil bermutu tinggi dan menunjukkan peningkatan yang dinamik. Hal ini boleh dirujuk melalui prestasi peningkatan hasil padi di mana hasil Luar Musim 2023 adalah sebanyak 3.367 tan per hektar, hasil Musim Utama 2023 sebanyak 3.165 tan per hektar, manakala hasil Luar Musim 2024 sebanyak 3.733 per hektar dan terkini hasil Musim Utama 2024 adalah yang tertinggi buat masa ini sebanyak 4.231 per hektar.

Data keempat - empat musim menunjukkan peningkatan sebanyak 1.26% melalui program-program yang telah dibuat oleh pihak IADA Kerian. Pelaksanaan kedua-dua program ini dengan memperkasakan Pematuhan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan juga mempraktikkan amalan *Rice Check* untuk menghasilkan hasil padi yang berkualiti dan terbaik.

Antara program – program di bawah Program Pengurusan Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian yang mempraktikkan amalan *Rice Check* yang dibuat oleh pihak IADA Kerian adalah seperti berikut :

- 1) Khidmat Pengembangan/Pemindahan Teknologi Tanaman Padi (Kursus dan *Hands On* Mengikut Kalendar Tanaman Padi) untuk memberi bimbingan jadual gerak kerja ladang yang baik kepada pesawah.
- 2) Program Pengurusan Perosak Bersepadu/IPM (*Integrated Pest Management*) Dan Kawalan Kemerebakan Penyakit (*Outbreak*) untuk mengawal populasi serangan perosak dan penyakit supaya kesihatan dan pertumbuhan pokok padi dalam keadaan baik.
- 3) Program Teknologi Pertanian Tepat untuk membimbing pesawah menggunakan mekanisasi ,automasi dan jentera dengan cekap melalui aplikasi teknologi terkini untuk peningkatan hasil padi.
- 4) Program Pengurusan Kejuruteraan Ekologi Dan Alam Sekitar melatih para pesawah untuk membuat mekanisma kerja yang sistematik tanpa mengabaikan alam sekitar dengan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan racun kimia serta menanam pokok melalui kejuruteraan ekologi sebagai elemen kelestarian bagi pengeluaran hasil padi yang berkualiti.
- 5) Program Pengurusan *Rice-Check/Rice Traceability Project* (RTP) diwujudkan untuk melatih petani dalam membuat keputusan yang tepat dan mencuba inovasi baru berkaitan teknologi tanaman padi dalam pengurusan tanaman padi agar berada dalam keadaan terbaik mengikut amalan *Rice Check*

Di samping itu, antara skop dan kerja- kerja yang dilaksanakan di bawah Program Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah yang mempraktikkan amalan *Rice Check* yang dibuat oleh pihak IADA Kerian adalah seperti berikut :

- 1) Membina/Menaiktaraf Infrastruktur Dalam Sawah (On Farm) seperti aktiviti perataan tanah sawah, menaiktaraf parit ladang, menambun kawasan tanah jerlus di petak sawah serta memberikan suasana kondusif penyediaan kawasan yang optimum untuk peningkatan hasil padi tanpa halangan ataupun kekangan yang melibatkan pengairan dan saliran serta keadaan petak yang sempurna untuk kesemua aktiviti mengikut jadual gerak kerja ladang.

- 2) Program Pemuliharaan Tanah melibatkan aktiviti pengapuran bagi memastikan keadaan tanah tidak berasid dan mempunyai pH tanah yang sangat baik untuk pertumbuhan tanaman padi dan pada masa yang sama membantu meningkatkan kompetensi penyerapan nutrien di dalam tanah kepada tanaman padi dengan lebih efisien dan mampu meningkatkan hasil padi yang bermutu tinggi.
- 3) Program Teknologi Pemuliharaan Dan Peningkatan Kesuburan Tanah dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini iaitu *soil profiling* untuk membantu memulihara tanah yang bermasalah seperti tanah gambut, tanah masam melalui penggunaan input dan peralatan yang bersesuaian bagi meningkatkan hasil yang lebih baik selepas program pemulihan tanah dibuat dengan bersistematik.

Program Pengurusan Mengatasi Masalah Tanah Jerlus, di mana beberapa program yang dilaksanakan adalah melibatkan empat (4) skop utama, iaitu

1) Skop 1: Kerja-kerja Membina dan Menaiktaraf Petak Sawah (On Farm)

Melibatkan kerja perataan tanah seluas 1,459 hektar dan penyelenggaraan parit ladang sepanjang 1,524,800 meter bagi memastikan sistem saliran dan pengairan sawah berfungsi dengan lebih efisien.

2) Skop 2: Perolehan dan Perkhidmatan Teknologi Mengatasi Masalah Tanah Jerlus

Meliputi kawasan seluas 1,500 hektar, termasuk penggunaan teknologi moden seperti soil profiling dan kaedah pengurusan tanah mampan bagi mengatasi masalah mendapan dan jerlus.

3.) Skop 3: Kerja-kerja Menyelenggara dan Menaiktaraf Infrastruktur

- a) Penyelenggaraan parit utama, kedua dan ketiga bagi memastikan aliran air terkawal dan cekap.
- b) Menaiktaraf struktur saliran termasuk Drainage Outlet (DO) dan struktur kawalan air (DEC) bagi memperkukuh keupayaan sistem pengairan.

4.) Skop 4: Insentif, Sokongan dan Galakan Program Pengurusan Tanah Jerlus

Meliputi kawasan 200 hektar yang menerima bantuan dan insentif bagi menggalakkan pesawah mengadaptasi teknologi dan amalan baik pertanian (GAP) di kawasan berisiko

tanah jerlus.

Manakala bagi langkah jangka masa panjang pula, pihak IADA akan memohon peruntukan dalam Rolling Plan RP5 RMKe12 Tahun 2025 bagi 2 projek baru khusus bagi menyelesaikan isu tanah jerlus iaitu Projek Pengurusan Mengatasi Tanah Jerlus sebanyak RM 12,000,000.00 dan Projek Menaiktaraf Dan Menyelenggara Infrastruktur Pengairan Dan Saliran sebanyak RM 5,000,000.00.

Projek ini memfokuskan menaiktaraf petak sawah dan sistem saliran, perolehan perkhidmatan teknologi dan insentif galakan program dalam menangani masalah tanah jerlus.

Pelaksanaan ketiga-tiga program yang telah dibuat oleh pihak IADA Kerian telah banyak mengubah corak pemindahan teknologi yang lebih baik kepada para pesawah untuk mendapatkan hasil yang berkualiti dan pesawah perlulah memberi komitmen yang baik dan berdisiplin dan konsisten dengan mengikuti program yang dianjurkan oleh pihak IADA Kerian bagi peningkatan hasil padi serta mengurangkan potongan timbangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari konteks penyelidikan, bagi memastikan hasil padi yang berkualiti, pihak MARDI sentiasa memantau kualiti penghasilan benih padi asas melalui pelaksanaan sistem pengeluaran mengikut standard ISO 9001:2015 untuk penghasilan benih yang mencapai kualiti genetik dan fizikal yang tinggi. Salah satu stesen utama di Perak yang menjalankan fungsi ini ialah MARDI Parit. Proses kawalan penghasilan benih padi asas meliputi:

1. Kawalan di peringkat lapangan
2. Kawalan di peringkat penuaian dan pemprosesan
3. Kawalan di makmal
4. Kawalan dokumentasi dan audit ISO

Kawalan penghasilan benih padi asas melalui sistem kualiti ISO 9001:2015 menjadikan MARDI sebuah institusi yang bukan sahaja menghasilkan varieti baru tapi memastikan penghasilan benih asas yang berkualiti tinggi dan tulen secara konsisten.

3. Mohon nyatakan inisiatif kerajaan dalam membantu pesawah menghadapi kos upah jentera dan input pertanian yang semakin meningkat serta risiko perubahan cuaca ekstrem pada masa ini

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman YB,

Kenaikan kos pengurusan seperti kos upah, input pertanian dan perubahan cuaca yang ekstrem merupakan cabaran besar bagi semua petani. Kerajaan negeri dan persekutuan melihat isu ini adalah isu yang serius terutamanya bagi pesawah. Berikut adalah insentif yang disediakan bagi membantu golongan ini dalam mendepati isu ini.

Pertama, bagi menghadapi cabaran kenaikan kos upah jentera Kementerian Kewangan telah meluluskan sejumlah insentif bagi membantu pesawah padi yang terkesan. Antara insentif yang telah diluluskan adalah penambahan nilai insentif pembajakan daripada RM100 sedia ada kepada RM160. Selain daripada itu, insentif penuaian juga diberikan iaitu sebanyak RM50 per hektar per musim di mana jumlah insentif keseluruhan yang akan dinikmati oleh para pesawah adalah berjumlah RM 210 per hektar bagi satu musim.

Kedua, kesan daripada kenaikan kos input pertanian seperti baja, racun serta peralatan pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Perak telah mewujudkan insentif bagi pembangunan komoditi pertanian yang turut dinikmati oleh para pesawah di

kawasan luar jelapang. Antara bantuan yang diberikan dibawah program pembangunan ini adalah infrastruktur ladang seperti naik taraf parit sawah, pengapuran dan perataan sawah. Selain itu terdapat juga pemberian insentif pengeluaran iaitu input pertanian seperti baja, pemulihan kesuburan tanah dan racun pertanian untuk mengawal perosak bagi memastikan pesawah boleh meneruskan kelangsungan projek dalam apa jua situasi yg datang.

Ketiga, bagi mengurangkan risiko kerugian akibat bencana dikalangan pesawah, kerajaan telah memperkenalkan Skim Takaful Tanaman dan Tabung Bencana Pertanian yang memberi perlindungan kewangan sehingga 50% daripada nilai kerugian kepada pesawah dan petani yang terjejas. Ini adalah bantuan kehilangan hasil yang disediakan bagi membantu meringankan bebanan pesawah dan petani akibat daripada bencana yang berlaku.

Keempat, berkuatkuasa 16 Februari 2025, kerajaan turut melaksanakan peningkatan subsidi dan harga lantai padi, daripada RM1,300 kepada RM1,500 setan metrik, bagi memastikan pesawah menikmati pulangan yang lebih kompetitif. Pengeluaran benih padi berkualiti juga dipantau melalui Skim Pengeluaran Benih Padi Berkualiti agar benih yang diterima oleh pesawah adalah benih yang berkualiti dan masalah berkaitan benih dapat dikurangkan.

Dengan sokongan kerajaan negeri melalui pelaksanaan dibawah agensi KPKM Inc, masalah ini dapat dikawal dan dibendung dan semoga strategi dan insentif yang disediakan dapat mambantu pesawah dalam mendepani cabaran ini.

Jawapan mengikut IADA Kerian

1. Inisiatif kerajaan dalam membantu pesawah menghadapi kos upah jentera dan input pertanian yang semakin meningkat. Antara langkah-langkah berikut diperkenalkan oleh kerajaan dari segi pemberian subsidi dan insentif bagi meringankan beban pesawah iaitu:

a) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)

Skim ini meliputi baja sebatian sebanyak 12 beg/ha dengan harga RM 41/beg dengan kadar 240 kg/ha (20 kg/beg). Dalam skim juga diberikan baja urea, 4 beg/ha dengan harga RM 39.00/ beg dengan kadar 80 kg/ha. Jumlah per hektar yang diterima adalah **RM 648.00** oleh IADA Kerian.

b) Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)

i) Bayaran insentif pembajakan RM 160/ ha/musim

ii) Bayaran penuaian RM 50.00/ha/musim

iii) Baja Tambahan NPK adalah 6 beg/ha dengan harga RM 360/beg

v) Pemberian insentif racun adalah RM200/ha (2025) manakala RM300 (2026)

vi) Perkhidmatan pengapuran serta upah adalah 3 tan/ha dengan RM 1,100/ha

Jumlah keseluruhan yang diterima pada tahun 2025 oleh pesawah adalah **RM 1,870.00**.

Jumlah keseluruhan subsidi/ insentif bagi input, benih, baja, menuai, bajakan dan racun adalah **RM 2,662.20**

c) Skim Harga Padi dan Subsidi Harga Padi (SSHP)

Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) RM 500.00 per tan metrik dengan harga lantai padi sebanyak RM 1,500.

d) Insentif Benih Padi Sah (IBPS)

Insentif Benih Padi Sah adalah melibatkan 7 beg/ha dengan harga di pintu kilang adalah RM 52.00 manakala di lapangan harga purata adalah RM 58.00 (PPK termasuk kos penghantaran)

Jumlah subsidi adalah $RM\ 20.60 \times 7\ beg = RM144.20$

e) Skim Insurans Padi (STTP)

Skim ini memberikan perlindungan kepada pesawah sekiranya berlaku kerosakan tanaman akibat banjir, kemarau atau serangan penyakit. Langkah ini dapat mengurangkan kerugian kewangan pesawah serta menjamin kesinambungan pengeluaran padi. Peringkat vegetatif :

- i) Fasa vegetatif (50%) kerosakan RM 1,500/ha
- ii) Fasa Pengeluaran Semula (75%) RM 2,250.00/ha
- iii) Fasa Pematangan (100%) RM 3,000/ha

Tempoh perlindungan adalah 6 bulan, insentif adalah RM60/ha/musim.

Tuntutan tiada had keluasan tanaman padi.

f) Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP)

Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) diberikan kepada pesawah yang terkesan dengan bencana samada banjir, kemarau dan ribut.

- i) Peringkat umur padi 1-70 HLT adalah RM 876.00
- ii) Peringkat umur padi 71-120 HLT adalah RM 1,800.00

Tuntutan had maksimum sehingga keluasan 3 ha/musim sahaja

g) Insentif kerajaan melalui IADA Kerian adalah melibatkan 3 program seperti berikut:

Antara program – program di bawah Program Pengurusan Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian yang mempraktikkan amalan *Rice Check* yang dibuat oleh pihak IADA Kerian adalah seperti berikut :

- 1) Khidmat Pengembangan/Pemindahan Teknologi Tanaman Padi (Kursus dan *Hands On* Mengikut Kalendar Tanaman Padi) untuk memberi bimbingan jadual gerak kerja ladang yang baik kepada pesawah.
- 2) Program Pengurusan Perosak Bersepadu/IPM (*Integrated Pest Management*) Dan Kawalan Kemerebakan Penyakit (*Outbreak*) untuk mengawal populasi serangan perosak dan penyakit supaya kesihatan dan pertumbuhan pokok padi dalam keadaan baik.
- 3) Program Teknologi Pertanian Tepat untuk membimbing pesawah menggunakan mekanisasi, automasi dan jentera dengan cekap melalui aplikasi teknologi terkini untuk peningkatan hasil padi.
- 4) Program Pengurusan Kejuruteraan Ekologi Dan Alam Sekitar melatih para pesawah untuk membuat mekanisma kerja yang sistematik tanpa mengabaikan alam sekitar dengan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan racun kimia serta menanam pokok melalui kejuruteraan ekologi sebagai elemen kelestarian bagi pengeluaran hasil padi yang berkualiti.
- 5) Program Pengurusan *Rice-Check/Rice Traceability Project* (RTP) diwujudkan untuk melatih petani dalam membuat keputusan yang tepat dan mencuba inovasi baru berkaitan teknologi tanaman padi dalam pengurusan tanaman padi agar berada dalam keadaan terbaik mengikut amalan *Rice Check*.

Di samping itu, antara skop dan kerja- kerja yang dilaksanakan di bawah Program Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah yang mempraktiskan amalan *Rice Check* yang dibuat oleh pihak IADA Kerian adalah seperti berikut :

- 1) Membina/Menaiktaraf Infrastruktur Dalam Sawah (On Farm) seperti aktiviti perataan tanah sawah, menaiktaraf parit ladang, menambun kawasan tanah jerlus di petak sawah serta memberikan suasana kondusif penyediaan kawasan yang optimum untuk peningkatan hasil padi tanpa halangan ataupun kekangan yang melibatkan pengairan dan saliran serta keadaan petak yang sempurna untuk kesemua aktiviti mengikut jadual gerak kerja ladang.
- 2) Program Pemuliharaan Tanah melibatkan aktiviti pengapuran bagi memastikan keadaan tanah tidak berasid dan mempunyai pH tanah yang sangat baik untuk pertumbuhan tanaman padi dan pada masa yang sama membantu meningkatkan kompetensi penyerapan nutrien di dalam tanah kepada tanaman padi dengan lebih efisien dan mampu meningkatkan hasil padi yang bermutu tinggi.

- 3) Program Teknologi Pemuliharaan Dan Peningkatan Kesuburan Tanah dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini iaitu *soil profiling* untuk membantu memulihara tanah yang bermasalah seperti tanah gambut, tanah masam melalui penggunaan input dan peralatan yang bersesuaian bagi meningkatkan hasil yang lebih baik selepas program pemulihan tanah dibuat dengan bersistematik.

Program Pengurusan Mengatasi Masalah Tanah Jerlus, di mana beberapa program yang dilaksanakan adalah melibatkan empat (4) skop utama, iaitu

1) Skop 1: Kerja-kerja Membina dan Menaiktaraf Petak Sawah (On Farm)

Melibatkan kerja perataan tanah seluas 1,459 hektar dan penyelenggaraan parit ladang sepanjang 1,524,800 meter bagi memastikan sistem saliran dan pengairan sawah berfungsi dengan lebih efisien.

2) Skop 2: Perolehan dan Perkhidmatan Teknologi Mengatasi Masalah Tanah Jerlus

Meliputi kawasan seluas 1,500 hektar, termasuk penggunaan teknologi moden seperti soil profiling dan kaedah pengurusan tanah mampan bagi mengatasi masalah mendapan dan jerlus.

3.) Skop 3: Kerja-kerja Menyelenggara dan Menaiktaraf Infrastruktur

- a) Penyelenggaraan parit utama, kedua dan ketiga bagi memastikan aliran air terkawal dan cekap.
- b) Menaiktaraf struktur saliran termasuk Drainage Outlet (DO) dan struktur kawalan air (DEC) bagi memperkukuh keupayaan sistem pengairan.

4.) Skop 4: Insentif, Sokongan dan Galakan Program Pengurusan Tanah Jerlus

Meliputi bantuan dan insentif bagi menggalakkan pesawah mengadaptasi teknologi dan amalan pertanian baik di kawasan berisiko tanah jerlus.

2. Inisiatif Menghadapi Cuaca Ekstrem

Menghadapi perubahan cuaca yang ekstrem, terutamanya yang melibatkan keadaan hujan lebat dan banjir yang berpanjangan, pihak IADA Kerian serta agensi yang berkaitan telah menyusun beberapa langkah persediaan dan pelan kontingensi untuk melindungi pesawah padi agar tidak terjejas secara signifikan. Berikut adalah beberapa langkah dan pelan kontingensi yang boleh diambil oleh pihak IADA Kerian melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi-agensi berkaitan:

a) Pemantauan dan Amaran Awal

- i. Mesyuarat Penyelaras Bekalan Air (JPPA) bagi Pengairan IADA Kerian dibuat secara berkala dan menjadi platform bagi agensi dan Jabatan yang terlibat dalam perbincangan menangani segala isu dan masalah berkaitan air termasuk sekiranya berlakunya cuaca yang ekstrem, contohnya La Nina. Di samping itu, pengaktifan Kumpulan Penggunaan Air (KPA) di semua kawasan dilaksanakan bagi membantu atau memantau sebarang denominator La Nina.
- ii. Libat urus Kumpulan Pengguna Air (KPA)

Penjadualan Bekalan Air Dalam Musim Utama 2025/2026 dapat dilaksanakan baik, dan bersistematik dengan komitmen bersama dengan Kumpulan Pengguna Air (KPA) bagi menyelaraskan penjadualan bekalan air bagi musim penanaman. Di samping itu, libat urus ini akan mengurangkan isu-isu dan aduan berkaitan pengairan dan saliran apabila pihak berkepentingan bersama-sama sepakat dalam hal ini. Menyebarkan maklumat mengenai ramalan cuaca dan amaran awal melalui pelbagai saluran seperti media massa, media sosial dan rangkaian tempatan untuk memastikan pesawah padi bersedia.

b) Operasi Pembenihan Awan (OPA)

Pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan oleh NADMA dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia pada Julai 2024 dan 2025 bertujuan menambah taburan hujan di kawasan tadahan dan menaikkan paras air di Empangan Bukit Merah serta di kawasan sawah yang terjejas akibat kemarau.

c) Pembinaan Rumah Pam Solar dan Telaga Tiub Pam Solar

Sebanyak dua (2) unit rumah pam solar dan empat (4) unit rumah telaga tiub pam solar akan dibina pada tahun 2025 bagi memastikan bekalan air ke kawasan sawah kekal mencukupi.

d) Penyediaan Pam Bergerak

Kerajaan menyediakan beberapa jenis pam bergerak, termasuk tujuh (7) unit pam berkapasiti 5 cusec, enam (6) unit pam berkapasiti 2.5 cusec, dan lima belas (15) unit pam mudah alih (pam solar) untuk kegunaan di kawasan sawah yang memerlukan pengairan segera.

e) Naiktaraf dan Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan

Langkah jangka panjang yang diambil adalah bertujuan menambah sumber air bawah tanah bagi kawasan yang mengalami kekurangan air pada musim kering. Sumber air akan diperolehi dan sekiranya ada kawasan yang tidak mempunyai air penggunaan pam bergerak dapat mengatasi masalah tersebut.

Kerajaan akan melaksanakan kerja-kerja naik taraf serta penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran bagi memastikan kelancaran bekalan air ke sawah, terutamanya semasa musim kemarau dan hujan lebat.

f) Kelulusan Projek Rancangan Malaysia Ke-13 (2026–2028)

Dalam Rancangan Malaysia Ke-13, kelulusan sebanyak RM 15,850,000.00 dengan RP1, 2026 sebanyak 1,500,000.00 bagi Projek Meningkatkan Kecekapan Pengairan di Kerian Darat, Rancangan Pengairan IADA Kerian, Perak Darul Ridzuan) dengan pembinaan seratus (100) unit rumah pam solar baharu melibatkan kawasan di Kompatmen E, F, dan H akan dibina bagi memperkukuhkan infrastruktur pengairan serta meningkatkan kapasiti penggunaan air oleh pesawah terhadap perubahan cuaca pada masa yang akan datang.

g) Kajian Pengurusan Sumber Air Pertanian Di Skim Pengairan Dan Saliran IADA Kerian, Perak Oleh Syarikat Perunding Ranhill dalam Rancangan Malaysia (RMK12) telah dilaksanakan dan akan berakhir pada Disember 2025. Antara *Term of Reference* (TOR) Adalah melibatkan Kajian Penemuan Kaitan Antara Alam Sekitar atau Kesan Kepada Pengairan dan Saliran IADA Kerian, Pelan Tindakan serta Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Keupayaan dan Efisien Sistem Pengairan serta Analisis Berkaitan Musim Penanaman Padi juga dilihat bagi Kajian Pengurusan Sumber Air bagi memastikan pengairan bagi kawasan padi tidak terjejas dengan pembangunan kawasan di Daerah Kerian.

Soalan Dari : YB DR. HASHIM BIN BUJANG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BUKIT CHANDAN)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Perak Pawsitive Initiaitve

- 1.Minta Kerajaan Negeri nyatakan perkembangan terkini dan hasil daripada pelaksanaan program ini
2. Selain program pemandulan anjing dan kucing bersubsidi,. apakah dasar dan program baharu yang akan dilaksanakan
- 3.Bagaimana kempen ini meningkatkan kesedaran dan kerjasama antara pelbagai pihak

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Perak Pawsitive Initiative merupakan usaha holistik Kerajaan Negeri yang dirancang untuk menangani isu haiwan jalanan secara mampan, berperikemanusiaan dan berasaskan data.

Perkembangan paling signifikan ialah keberangkatan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, bagi merasmikan program ini untuk peringkat Daerah Kinta pada 13 Ogos yang lalu. Keberangkatan Tuanku membawa makna yang besar kerana ia memperlihatkan sokongan moral dan keprihatinan institusi diraja, sekali gus mengangkat usaha Kerajaan Negeri dalam membina komuniti yang lebih penyayang, inklusif dan seimbang dalam mengurus isu haiwan jalanan. Sokongan Tuanku ini turut meningkatkan kesedaran awam dan memberi dorongan kuat kepada semua pihak untuk bersama menjayakan inisiatif ini.

Dari segi pelaksanaan, inisiatif ini berteraskan tiga komponen utama:

- 1) Kempen pemandulan bersubsidi;
- 2) Pendaftaran dan pelesenan anjing;
- 3) Kempen kesedaran Masyarakat

Melalui siri kempen pemandulan bersubsidi, sebanyak 544 ekor anjing dan 376 ekor kucing telah berjaya dimandulkan setakat 17 Ogos 2025. Selain itu, sebanyak 567 lesen anjing telah dikeluarkan oleh PBT sempena program ini, menunjukkan peningkatan pemilikan haiwan yang lebih bertanggungjawab.

Di bawah komponen kesedaran masyarakat, Kerajaan Negeri turut menaja pencetakan buku cerita kanak-kanak pertama di Malaysia bertemakan haiwan jalanan. Buku ini telah digunakan dalam program kesedaran di 10 buah sekolah bersama 7 Ahli Dewan Undangan

Negeri, untuk mendidik generasi muda mengenai empati, kebajikan haiwan dan pemilikan yang bertanggungjawab.

Perubahan yang berkekalan memang tidak berlaku semalaman. Namun dengan dasar yang jelas dan pelaksanaan yang konsisten, kita sedang membina impak yang akan terus berkembang dari tahun ke tahun.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Selain program pemandulan bersubsidi, Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa dasar dan program baharu yang akan dilaksanakan secara berfasa, selaras dengan pendekatan jangka panjang Perak Pawsitive Initiative.

DASAR BAHARU

1) Program Microchipping

Ini membolehkan penguatkuasaan lebih berkesan terhadap pemilik tidak bertanggungjawab dan mengurangkan insiden pembuangan haiwan.

2) Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing

Kerajaan juga sedang meminda UUK Pelesenan Anjing dan Premis Pemeliharaan Anjing bagi tujuan penambahbaikan. Kerajaan Negeri turut meneliti mekanisme pelesenan yang menggalakkan pemilik memandulkan anjing, termasuk struktur yuran yang lebih tersusun dan berperingkat.

PROGRAM BAHARU

1) Feeders Mapping System

Kerajaan sedang membangunkan sistem pemetaan komuniti feeders untuk menyelaraskan usaha individu yang memberi makan haiwan jalanan. Melalui rangkaian ini, feeders boleh menjadi mata dan telinga kerajaan, membantu tindak balas aduan dengan lebih cepat, dan menyumbang data populasi yang lebih tepat. Ini mengubah mereka daripada usaha bersendirian kepada sebahagian daripada penyelesaian yang menyeluruh.

2) Kempen Kesedaran Pemilik Haiwan

Kerajaan Negeri juga akan melancarkan risalah kesedaran untuk pemilik haiwan bagi mendidik tentang tanggungjawab pemilikan, kepentingan pemandulan, Akta Kebajikan Haiwan, dan undang-undang kecil PBT.

Semua dasar dan program ini bertujuan membentuk ekosistem jangka panjang yang lebih teratur dan berkesan dalam pengurusan haiwan jalanan di Negeri Perak.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kempen di bawah Perak Pawsitive Initiative memberi kesan kepada dua aspek utama, iaitu peningkatan kesedaran dan pengukuhan kerjasama.

1) Peningkatan Kesedaran

Kempen ini membantu memupuk kesedaran di pelbagai peringkat masyarakat melalui pendekatan yang disasarkan, termasuk:

1. Pemilik haiwan: tentang tanggungjawab pemilikan, kepentingan pemandulan dan kepatuhan kepada undang-undang kecil PBT.
2. Murid sekolah: melalui program kesedaran yang memperkenalkan nilai empati serta pengurusan haiwan yang betul sejak usia muda.

3. Feeders dan pencinta haiwan: dengan memberikan panduan yang lebih jelas dan membantu mereka memahami peranan mereka dalam ekosistem pengurusan haiwan jalanan.

2) Pengukuhan Kerjasama

Untuk menyelaraskan pelbagai usaha di lapangan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan platform Friends of Pawsitive. Platform ini berfungsi sebagai ruang penyatuan bagi NGO yang berkongsi nilai dan komitmen yang sama dalam mencari penyelesaian terhadap isu haiwan jalanan. Setakat ini, 8 NGO telah menyertai rangkaian ini, membentuk kerjasama yang lebih tersusun antara Kerajaan Negeri, PBT dan masyarakat sivil.

Melalui Friends of Pawsitive, kita bukan sahaja mengumpulkan rakan strategik, tetapi juga mewujudkan rangkaian sokongan yang lebih kuat dan responsif.

2. Peruntukan DUN dikawal sepenuhnya oleh Pegawai khas MB. Apakah peruntukan ini untuk Adun atau Pegawai Khas MB

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Chandan, Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan kepada ADUN mahupun kepada Pegawai Khas YAB Menteri Besar. Namun begitu, peruntukan RM300,000 yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah bagi tujuan pembangunan untuk setiap kawasan DUN di seluruh negeri Perak.

Bagi kawasan DUN Kerajaan, Ahli – Ahli Yang Berhormat ADUN Kerajaan boleh merujuk kepada Garis Panduan Perbelanjaan Peruntukan Khas Bagi Maksud Pembangunan Negeri Perak Tahun 2025 Kawasan Dewan Negeri (Kerajaan) manakala Ahli – Ahli Yang Berhormat ADUN Pembangkang perlu merujuk kepada Garis Panduan Perbelanjaan Peruntukan Khas Bagi Maksud Pembangunan Negeri Perak Tahun 2025 Kawasan Dewan Negeri (Pembangkang) yang telah diedarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada tarikh 14 Januari 2025 yang lalu.

Peruntukan kawasan dewan negeri hanya boleh dibelanjakan di dalam kawasan masing-masing sahaja dan tidak boleh di belanjakan diluar daripada kawasan persempadanan DUN tersebut.

Bagi kawasan DUN yang diwakili oleh ADUN Kerajaan, proses pengurusan peruntukan adalah seperti berikut:

- a) Pejabat ADUN menerima permohonan daripada rakyat di kawasan masing-masing, termasuk melalui JPKK, NGO, PIBG, agensi kerajaan dan lain-lain.

b) Pejabat ADUN meneliti dan menilai permohonan untuk menentukan sama ada boleh dipertimbangkan.

c) Permohonan yang disokong akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk kelulusan dan pelaksanaan. Manakala bagi kawasan DUN yang diwakili oleh ADUN Pembangkang, prosesnya adalah seperti berikut:

a) Semua permohonan hendaklah di mohon secara bertulis kepada YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui Pegawai Khas YAB Menteri Besar di kawasan Dewan Negeri berkenaan.

b) Permohonan tersebut akan diteliti dan dinilai oleh urusetia sebelum dipanjangkan kepada YAB Menteri Besar untuk pertimbangan dan kelulusan.

c) Setelah diluluskan oleh YAB Menteri Besar, permohonan berkenaan akan dikemukakan kepada UPEN untuk proses penyaluran.

Adalah ditegaskan bahawa peruntukan ini disediakan untuk manfaat rakyat di kawasan DUN, bukan untuk diberikan sebagai peruntukan langsung kepada mana-mana ADUN.

-

Soalan Dari : YB ENCIK AHMAD BIN MAN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA SEPETANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah tindakan kerajaan negeri, melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan agensi berkaitan, dalam menangani peningkatan masalah disiplin pelajar termasuk penyalahgunaan rokok elektronik (vape) serta pengaruh negatif media sosial yang menjejaskan sahsiah pelajar sekolah?

Jawapan Soalan 1

Telah dijawab secara lisan pada 26 November 2025

2. Apakah langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam menangani peningkatan kes demam denggi serta memastikan tahap kebersihan, pengurusan longkang dan sisa pepejal di kawasan perumahan berada pada tahap memuaskan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN :Untuk Makluman Yang Berhormat Kuala Sepetang ,

Perbandingan pada tempoh yang sama tahun lepas bagi Minggu Epidemiologi ke - 43, jumlah kes denggi di Perak telah menurun sebanyak 75%. Sehingga 31 Oktober 2025, jumlah kes denggi adalah sebanyak 1,543 kes berbanding tahun lepas sebanyak 6,157 kes dan tiada daerah yang menunjukkan peningkatan kes. Bagi mukim Matang, hanya 3 kes denggi dilaporkan pada tahun ini.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Perak sentiasa proaktif membendung peningkatan kes denggi. Antara tindakan yang dibuat ialah :

- i. Menyalurkan maklumat berkenaan masalah kebersihan dan infrastruktur kepada pihak yang berkenaan seperti pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan lain-lain agensi. Berdasarkan maklumat

ini, pihak tersebut mengambil tindakan melalui kontraktor yang dilantik ataupun menggunakan kakitangan agensi tersebut sendiri.

- ii. Aktiviti bersama komuniti dijalankan oleh Cawangan Promosi Kesihatan Negeri dengan kerjasama pasukan COMBI (*Communication for Behavioural Impact*). Aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran dijalankan secara berkala oleh pasukan COMBI dan komuniti.
- iii. Mengadakan taklimat berkaitan bebas aedes seperti dengan pihak *Federation of Malaysia Manufacturers* (FMM) Perak (sasaran pendidikan kesihatan kepada kilang-kilang) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) (sasaran pendidikan kesihatan kepada tapak pembinaan).
- iv. Menjalankan aktiviti pencegahan cari dan musnah di kawasan lokasi yang berisiko semasa peningkatan pergerakan populasi manusia seperti contoh semasa hari perayaan dan musim cuti sekolah.
- v. Melakukan penguatkuasaan seperti penyerahan kompaun dan arahan pembersihan secara bertulis kepada premis yang dijumpai jentik-jentik atau berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk.
- vi. Memastikan kawalan aedes (pemeriksaan tempat pembiakan dan fogging) dibuat dalam tempoh 24 jam selepas pihak Pejabat Kesihatan Daerah menerima notifikasi dari fasiliti kesihatan yang merawat.

Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan pelbagai langkah proaktif dan bersepadu bagi menangani peningkatan kes demam denggi serta memastikan tahap kebersihan, pengurusan longkang dan sisa pepejal di kawasan perumahan berada pada tahap yang memuaskan. Usaha ini dijalankan di peringkat tempatan, dengan kerjasama strategik daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), agensi kerajaan dan komuniti setempat. Antara langkah-langkah utama yang dilaksanakan adalah ,

PBT menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang, parit dan kawasan awam secara rutin, termasuk di kawasan perumahan. Tindakan ini bagi memastikan sistem saliran berfungsi dengan baik serta mengelakkan takungan air yang berpotensi menjadi tempat pembiakan

nyamuk Aedes. PBT turut memberi tumpuan kepada pembersihan di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi berisiko.

Selain itu, PBT juga memastikan kutipan sisa pepejal dilaksanakan mengikut jadual dan kawasan pembuangan sampah haram dibersihkan secara berterusan. Pembersihan di kawasan “hotspot” pembuangan sampah haram dan tindakan terhadap pesalah turut dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang kecil serta pemasangan papan tanda larangan bagi mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan awam.

PBT melaksanakan aktiviti seperti search and destroy dan penghapusan tempat pembiakan nyamuk Aedes (PTP) di kawasan perumahan tanpa menunggu laporan kes. Di samping itu, aktiviti larviciding turut dijalankan oleh PBT sebagai langkah pencegahan awal. Bagi aktiviti semburan kabus (fogging), tindakan ini diketuai oleh **Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)** dan dilaksanakan secara bersepadu bersama PBT apabila terdapat kes positif denggi atau peningkatan indeks pembiakan nyamuk.

Tambahanya, PBT melaksanakan program gotong-royong di peringkat komuniti yang dilaksanakan secara berkala dengan penglibatan penduduk setempat, ahli majlis, jawatankuasa penduduk dan PKD. Program ini memberi tumpuan kepada pembersihan longkang, pemotongan rumput, penghapusan tempat berisiko denggi serta penanaman budaya kebersihan dalam kalangan masyarakat. Di beberapa kawasan, PBT turut melaksanakan aktiviti inovatif seperti plogging bagi memupuk kesedaran sivik terhadap kebersihan awam.

PBT mempergiatkan usaha mendidik masyarakat melalui kempen kesedaran dan promosi kebersihan yang dilaksanakan secara berterusan, termasuk melalui media sosial rasmi, hebahan awam, pemasangan kain rentang serta program pendidikan komuniti. Kempen ini memberi tumpuan kepada bahaya denggi, tanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran, dan amalan pengurusan sisa yang betul. PBT turut bekerjasama dengan PKD dalam pelaksanaan kempen kesihatan awam dan program pendidikan untuk memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap pencegahan denggi.

PBT sentiasa menjalankan pemantauan lapangan bagi memastikan tahap kebersihan persekitaran berada pada tahap memuaskan. Pemeriksaan turut dijalankan di kawasan tumpuan awam seperti pasar, terminal bas, kawasan rekreasi dan kawasan perumahan. Sekiranya didapati terdapat kegagalan dalam penjagaan kebersihan atau aktiviti pembuangan sampah haram, tindakan penguatkuasaan dan kompaun akan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang kecil PBT.

Melalui pelaksanaan langkah-langkah tersebut, Kerajaan Negeri menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan usaha pencegahan demam denggi dan pengurusan kebersihan awam dilaksanakan secara menyeluruh, bersepadu dan berterusan. Kejayaan inisiatif ini bergantung kepada kerjasama semua

pihak termasuk komuniti setempat dalam memastikan persekitaran yang bersih, sihat dan bebas daripada wabak denggi dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat.

Antara langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bagi menangani peningkatan kes demam denggi serta memastikan tahap kebersihan di kawasan perumahan berada pada tahap memuaskan termasuklah melalui pelaksanaan aktiviti gotong-royong bersepadu bersama komuniti setempat dan agensi berkaitan seperti Pejabat Kesihatan Daerah. Program ini memberi tumpuan kepada aktiviti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan penghapusan tempat yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Pembersihan lokasi *hot spot* yang dikenalpasti menjadi tempat pembuangan sampah secara haram juga dijalankan secara rutin mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) turut melaksanakan aktiviti *search and destroy* bagi memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes serta menjalankan *larviciding* berdasarkan aduan awam, tanpa mengira sama ada terdapat kes denggi atau tidak di lokasi tersebut. Langkah ini dijalankan secara berkala sebagai langkah pencegahan awal untuk memastikan kawasan perumahan sentiasa bersih dan selamat daripada risiko penularan denggi.

Soalan Dari : YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY

Ahli Dewan Undangan Negeri : (HUTAN MELINTANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 1. Ekonomi & Nelayan

Soalan :

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membantu nelayan pesisir pantai di Hutan Melintang yang terjejas akibat kenaikan kos bahan api dan kekurangan hasil tangkapan?

Jawapan Soalan 1

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin soalan nombor **26250** daripada Yang Berhormat Hutan Melintang dan soalan nombor **26086** daripada Yang Berhormat Kuala Kurau dibaca bersama. Kedua - dua soalan tersebut menyentuh isu yang sama iaitu isu kenaikan kos bahan api yang memberi impak kepada golongan nelayan laut terutamanya nelayan pantai.

Tuan Yang Dipertua dan ahli dewan yang dihormati, suka saya jelaskan bahawa aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan pantai dan laut dalam di negeri Perak tertakluk kepada pengezonan kawasan tangkapan yang telah ditetapkan di bawah Dasar Jabatan Perikanan Malaysia yang dikelaskan kepada zon - zon tangkapan ikan seperti berikut:

- Zon A: mulai 1 batu nautika daripada pantai sehingga 8 batu nautika yang dizonkan khas kepada nelayan tradisional.
- Zon B: 8 hingga 15 batu nautika yang dikhaskan kepada vesel - vesel zon B termasuk vesel peralatan pukat tunda bersaiz kecil.
- Zon C: 15 hingga 30 batu nautika bagi vesel zon C bersaiz sederhana.
- Zon C2: melebihi 30 batu nautika daripada pantai yang dizonkan untuk operasi penangkapan ikan bagi vesel - vesel perikanan laut dalam.

Merujuk soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Hutan Melintang dan Kuala Kurau, kerajaan negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap kebajikan nelayan termasuk nelayan tradisi Zon A, iaitu nelayan pesisir pantai yang menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional seperti jaring dan pukat hanyut.

Pada tahun 2024, jumlah pendaratan ikan Zon A di negeri Perak direkodkan sebanyak 65,921 tan metrik dengan bilangan nelayan berlesen yang mempunyai vesel seramai 2,749 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan amat memahami bebanan yang dihadapi oleh nelayan pesisir pantai akibat kenaikan kos bahan api dan kekurangan hasil tangkapan. Bagi membantu meringankan beban tersebut, Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memperuntukkan minyak bersubsidi kepada nelayan tulen yang berdaftar dan berlesen.

Walau bagaimanapun, subsidi minyak hanya layak diberikan kepada nelayan tulen yang berlesen. Bagi nelayan tradisional yang masih belum berlesen, mereka dinasihatkan untuk membuat permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan melalui Jabatan Perikanan Malaysia mengikut prosedur yang ditetapkan.

Kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak dan agensi-agensi berkaitan termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) akan sentiasa memberi bimbingan kepada nelayan dalam urusan permohonan lesen, penyaluran subsidi serta program peningkatan pendapatan nelayan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan negeri akan terus memberi perhatian terhadap kesejahteraan nelayan pesisir pantai termasuk di kawasan Hutan Melintang dan Kuala Kurau agar mereka terus berdaya saing dan mampu menampung kos operasi dalam keadaan ekonomi semasa.

JAWAPAN TAMBAHAN:

Tuan Yang Dipertua,

Maklumat tambahan yang suka saya kemukakan adalah berkenaan dengan prosedur permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan. Umum sedia maklum bahawa permohonan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi nelayan pantai di zon A, B dan C telah dibekukan kerajaan sejak tahun 1982 atas faktor pengurusan perikanan yang lestari. Walaubagaimanapun, permohonan lesen baru bagi vesel perikanan laut dalam masih terbuka sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi lesen sampan khas iaitu lesen nelayan tradisi zon A, kerajaan dari masa ke masa ada melaksanakan program pemutihan lesen - lesen sampan di mana lesen - lesen yang tamat tempoh yang telah dibatalkan, pemilik lesen yang telah meninggal dunia dan lesen - lesen yang telah dikembalikan akan dibuka untuk permohonan baru kepada nelayan tradisi yang belum berlesen. Nelayan - nelayan yang berminat bolehlah membuat permohonan lesen sampan khas kepada pejabat perikanan daerah yang berkaitan. Permohonan lesen ini akan melalui prosedur permohonan sedia ada melalui proses dokumen permohonan, temuduga dan kelulusan oleh Ibupejabat Perikanan Malaysia, Putrajaya. Suka dimaklumkan bahawa ini bukanlah pengeluaran lesen baharu tetapi lesen sampan khas yang diberikan kepada nelayan - nelayan tradisi yang belum berlesen bagi mengisi kuota lesen sampan sedia ada, tertakluk kepada kelayakan dan kelulusan kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sehingga Jun 2025, Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak telah memproses 312 permohonan lesen sampan yang diterima dari seluruh negeri. Daripada permohonan tersebut sebanyak 8 lesen sampan khas baharu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

2. 2. Pertanian & Pekerjaan

Soalan:

Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu petani di kawasan Hutan

Melintang untuk meningkatkan hasil dan akses pasaran bagi produk tempatan?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman YB,

Dari tahun 2023 hingga 2025, sejumlah RM308,621.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai skop pembangunan pertanian yang merangkumi tanaman kelapa, herba dan rempah ratus, sayur-sayuran, program Agropreneur Muda serta lain-lain program berkaitan. Antara insentif yang disalurkan termasuklah pembinaan infrastruktur ladang, pemberian input dan peralatan pertanian, penyediaan bahan tanaman, serta kemudahan saluran pemasaran seperti pembinaan pusat pengumpulan hasil ladang. Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada seramai 25 orang usahawantani melibatkan kawasan seluas 33.4 hektar di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hutan Melintang.

Kerajaan negeri juga telah menawarkan pelbagai program pemasaran bagi memperkukuh akses pasaran produk tempatan, termasuk pameran, rantai pembekalan dan kerjasama strategik bersama agensi berkaitan. Usaha pembinaan kapasiti dan sokongan terhadap pembentukan kumpulan atau persatuan seperti kelapa dan kopi bagi membolehkan para petani beroperasi secara berskala besar serta membentuk jaringan pasaran yang lebih mampan.

Di samping itu, kerjasama antara pemain industri makanan turut digalakkan bagi memperkaya nilai tambah produk pertanian tempatan. Hasil daripada kolaborasi ini, pelbagai produk berasaskan kelapa dan kopi telah dihasilkan seperti kerepek, kraftangan, minyak kelapa dara (VCO), santan segar dan kotak, jelly kelapa, kelapa botak, aiskrim, kopi dan coklat. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan daya saing produk tempatan, malah membuka peluang lebih luas kepada usahawan tani untuk menembusi pasaran domestik dan antarabangsa. FAMA melalui program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memberi jaminan pasaran hasil pertanian petani dengan mengadakan Perjanjian Jual-Beli (Forward Agreement) di mana FAMA akan membantu memasarkan hasil tersebut mengikut terma-terma yang dipersetujui bersama petani.

Petani/Peserta program Khidmat Pemasaran Ladang Kontrak ini juga ditawarkan jaminan harga lantai di mana FAMA akan membeli pada harga lantai yang telah ditetapkan apabila harga pasaran semasa belian lebih rendah daripada harga lantai.

Sebagai contoh, harga lantai bagi timun untuk peserta Ladang Kontrak ialah RM1.00/kilogram. Jika harga pasaran pada waktu jualan petani jatuh kepada RM0.70/kg, maka FAMA akan membeli pada harga RM1.00/kg. Dengan ini, petani mampu menampung kos operasi mereka dan boleh meneruskan penanaman untuk musim baru bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat.

Sehingga November 2025, terdapat seramai 522 peserta program Ladang Kontrak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan termasuk 107 orang peserta baru bagi tahun 2025. Pada tahun ini juga, Perjanjian Jual-Beli yang telah dibuat melibatkan 47 orang petani dengan nilai sebanyak 658.7MT dengan nilai RM1,030,164.00.

Pemasaran Digital adalah satu usaha yang dijalankan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam memanfaatkan teknologi digital dan platform dalam talian untuk mempromosi, memasarkan, dan mengedarkan produk-produk pertanian di Malaysia. Produk-produk pertanian adalah seperti buah-buahan, sayur-sayuran, hasil ternakan, dan produk agro makanan. Bahagian Pemasaran Digital bertanggungjawab untuk mempromosi dan memasarkan produk makanan pertanian (agro makanan) menggunakan pelbagai platform dalam pasaran digital.

Berikut adalah strategi dan inisiatif Bahagian Pemasaran Digital:

1.Membantu memasarkan produk agro makanan:

Bahagian Pemasaran Digital bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, dan menguruskan kempen pemasaran digital yang bertujuan untuk mempromosikan produk agro makanan, melibatkan penggunaan pelbagai alat pemasaran digital seperti iklan dalam talian, media sosial, laman web, dan lain-lain untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan kepada pengguna dalam talian.

2.Menyediakan ruang pasaran digital:

Salah satu peranan utama Bahagian Pemasaran Digital adalah untuk mencipta peluang dalam pasaran digital dengan tujuan membantu produk agromakanan mencapai lebih ramai pelanggan dalam talian. Bahagian Pemasaran Digital berusaha untuk memastikan ketersediaan produk usahawan di pelbagai platform e-dagang dan laman web, bertujuan untuk memperluaskan pasaran digital produk usahawan.

3. Penggunaan Platform Agrobazaar Online:

Agrobazaar Online adalah platform pasaran maya yang dikelola oleh FAMA khas untuk memberikan penekanan kepada penjualan produk pertanian dan makanan secara atas talian. Bahagian Pemasaran Digital menggunakan platform ini untuk memapar dan menjual produk agromakanan kepada pengguna yang berminat.

4. Penglibatan Platform E-Dagang lain (Shopee, Lazada dan TikTok):

Selain daripada platform Agrobazaar Online, Bahagian Pemasaran Digital juga menggunakan platform e-dagang yang popular seperti Shopee, Lazada dan TikTok. Usahawan digalakkan membuat penyenaian produk, menguruskan inventori dalam talian, dan menggunakan ciri-ciri pemasaran yang disediakan oleh platform swasta untuk menarik pelanggan dan meningkatkan penjualan produk agro makanan.

5. Kerjasama dengan pelbagai pihak:

Bahagian Pemasaran Digital juga menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pengeluar agro makanan, pakar dalam bidang pertanian, pengendali platform e-dagang, dan agensi pemasaran digital untuk mencapai matlamat pemasaran yang berkesan.

Selain itu, melalui bahagian **Keusahawanan Pemasar**, FAMA juga bertanggungjawab dalam menyediakan latihan, khidmat nasihat, bimbingan dan perundingan dalam ilmu pemasaran kepada kumpulan sasar seperti usahawan FAMA, usahawan agromakanan dan usahawan yang baru merancang untuk memulakan perniagaan agromakanan. Bahagian ini mempunyai dua cawangan iaitu cawangan latihan dan cawangan pendidikan pemasaran.

Selain daripada menyediakan khidmat latihan kepada golongan sasar dan warga FAMA, Bahagian ini juga menguruskan institut Latihan FAMA di Port Dickson dan Institut Latihan FAMA di Kota Bharu. Institut Latihan FAMA di Port Dickson menyediakan kemudahan tempat latihan seperti dewan seminar, penginapan, dewan makan dengan pakej-pakej kursus yang menarik manakala Institut Latihan FAMA di Kota Bharu menawarkan Kursus Pengajian berkaitan Pemasaran Pertanian berasaskan kemahiran (NATC). Bahagian Pendidikan Pemasaran menyediakan khidmat nasihat dan latihan yang berfokus kepada:

- i. Kursus Pemasaran
- ii. Kursus Pensijilan (HALAL, Mesti, HACCP)
- iii. Kursus Penjenamaan
- iv. Kursus Pengurusan Kewangan

- v. Kursus Pemasaran Internet
- vi. Kursus Keusahawanan

Syarat-Syarat Penyertaan:

- Usahawan FAMA (Peserta Kontrak Pemasaran, Khidmat Pemasaran (IAT), Peserta Pasar Tani, dan lain-lain)
- Usahawan Agromakanan (Produk sayur, buah dan Industri Asas Tani)
- Usahawan Baru

Bagi kursus-kursus yang dibuka kepada umum permohonan penyertaan perlu dibuat menerusi pautan permohonan dalam talian yang diberi.

Pengumuman pelaksanaan kursus akan dibuat menerusi Laman Web Rasmi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di www.fama.gov.my dan di laman sosial rasmi Facebook Pendidikan Pemasaran FAMA di <https://www.facebook.com/PendidikanPemasaranFAMA>

3. 3. Program Residensi Rakyat (PRR)

Soalan:

Berapakah jumlah pemohon yang masih menunggu kelulusan untuk mendiami rumah PRR dan apakah status pelaksanaan PRR Lenggong dan Tambun yang telah diumumkan sebelum ini?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga Oktober 2025, terdapat sejumlah 843 permohonan PPR yang masih menunggu untuk menduduki PPR. Bagi tahun 2025 sahaja permohonan baru untuk menduduki PPR adalah sejumlah 378 pemohon.

Bagi PRR Lenggong, surat pelantikan Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) sebagai agensi pelaksana pembangunan projek tersebut telah diterima daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek kini berada dalam proses penyelarasan dokumen *Client Brief of Requirement* (CBOR), Anggaran Kos Awalan (AKA) dan *Schedule of Accommodation* (SOA) sebelum perolehan bagi lantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka.

Manakala bagi PRR Tambun pula, berdasarkan maklumat yang diterima daripada KPKT, taklimat tender bagi projek tersebut telah diadakan oleh pihak KPKT pada 23 Oktober 2025. Tarikh tutup tender ditetapkan pada 24 Disember 2025 dan proses penilaian tender akan dijalankan oleh KPKT dalam tempoh 60 hari selepas tarikh tutup tersebut.

Secara keseluruhannya, kedua-dua projek PRR ini berada di fasa pelaksanaan yang aktif dan merupakan inisiatif penting bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat di negeri Perak.

Soalan Dari : YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BUNTONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah pencapaian-pencapaian signifikan bagi Kerajaan negeri Perak dalam sektor ekonomi dan pelaburan sepanjang tahun 2025 yang akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bermutu tinggi menjelang 10 tahun akan datang dan mohon diperincikan jumlah pekerjaan baharu yang akan diwujudkan oleh pelaburan yang masuk ke negeri Perak serta impaknya kepada pendapatan negeri Perak.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Buntong,

Bagi tahun 2025 (Januari hingga September), Kerajaan Negeri Perak melalui InvestPerak telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM7.9 bilion melibatkan 74 projek baharu dalam sektor pembuatan, yang melibatkan pelaburan domestik dan pelaburan asing. Sebanyak 8,777 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan dalam tempoh sembilan (9) bulan pertama 2025 dalam sektor pembuatan.

Manakala, jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan pula adalah sebanyak RM3.86 billion, melibatkan 227 projek baharu yang mewujudkan 322 peluang pekerjaan bagi tempoh Januari hingga September 2025. Selain itu, sebanyak RM13.5 juta pelaburan direkodkan dalam sektor sumber utama, merangkumi aktiviti pertanian, perladangan dan komoditi, melibatkan 2 projek baharu yang dijangka mewujudkan 28 peluang pekerjaan. Secara keseluruhan, Negeri Perak mencatatkan sebanyak RM11.77 bilion jumlah pelaburan bagi tempoh Januari hingga September 2025 dengan kenaikan sebanyak 74% berbanding RM6.77 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2024. Pelaburan daripada 303 projek ini dijangka membuka peluang pekerjaan baharu sebanyak 9,127.

Bagi sektor pembuatan, antara sektor yang menjadi tumpuan promosi ialah Food Manufacturing (RM1.51 bilion), Transport Equipment (RM4.47 bilion), Electrical & Electronics (RM1.14 bilion), serta Fabricated Metal Products (RM281.3 juta).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan kepada sektor baharu dan berimpak tinggi seperti Kenderaan Elektrik (EV) dan smart automotive components, Tenaga Boleh Baharu (Renewable Energy) serta Digital & information technology yang menyokong pembangunan industri masa hadapan.

Projek-projek ini dijangka mewujudkan peluang pekerjaan baharu berpendapatan tinggi, khususnya dalam bidang kejuruteraan, teknikal, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penyelenggaraan industri yang selaras dengan keperluan semasa.

Berdasarkan kepada pengkalan data MIDA bagi projek-projek pelaburan di bawah seliaan agensi tersebut, untuk sepanjang tempoh 2014 hingga September 2025, Negeri Perak telah mencatatkan pertumbuhan pelaburan yang stabil dan signifikan, dengan sejumlah 1,159 projek pelaburan yang telah dilaksanakan, melibatkan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak RM54.67 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik (DDI) kekal menjadi penyumbang utama dengan nilai pelaburan sebanyak RM32.81 bilion (60%), manakala pelaburan asing (FDI) pula berjumlah RM21.86 bilion (40%).

Kejayaan ini membuktikan bahawa Perak memiliki asas ekonomi yang kukuh serta keyakinan berterusan terutama dari dalam kalangan pelabur tempatan/sediada dan antarabangsa terhadap ekosistem pelaburan negeri yang stabil, kompetitif, dan kondusif untuk pembangunan industri.

Secara keseluruhannya, pelaburan-pelaburan yang diterima sepanjang tempoh ini telah mewujudkan atau dijangka mewujudkan sebanyak 68,911 peluang pekerjaan baharu di seluruh negeri. Peluang-peluang pekerjaan ini bukan sahaja meningkatkan kadar guna tenaga tempatan, malah menandakan peralihan struktur ekonomi Perak ke arah pekerjaan berkemahiran tinggi yang berasaskan teknologi dan inovasi. Ia turut memberi impak positif terhadap peningkatan pendapatan negeri, khususnya melalui hasil cukai tanah, premium industri, dan pertumbuhan aktiviti ekonomi sokongan di peringkat daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam konteks masa depan sepuluh tahun akan datang (2025–2035), Negeri Perak berada pada kedudukan yang strategik untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi, terutamanya dalam sektor teknologi hijau, automotif, semikonduktor, dan maritim. Projek-projek pembangunan utama yang sedang dilaksanakan seperti Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP), Silver Valley Technology Park (SVTP), Lumut Maritime Industrial City (LUMIC), dan Automotive High-Tech Valley (AHTV) dijangka menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi baharu negeri. Pembangunan taman-taman industri ini bukan sahaja memperkukuh daya saing negeri dalam menarik pelabur berskala besar, malah akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan baharu dalam tempoh sedekad akan datang.

Kesimpulannya, prestasi pelaburan Negeri Perak jelas mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang stabil, progresif dan berdaya tahan. Negeri ini berjaya mengekalkan keseimbangan antara pelaburan domestik dan asing, sambil memberi tumpuan kepada sektor-sektor berimpak tinggi yang mendorong transformasi ekonomi jangka panjang. Berbekalkan momentum semasa serta pelaksanaan strategi pembangunan industri yang lebih terancang dan berfokus, Perak berada pada landasan kukuh untuk muncul sebagai antara negeri terpenting dalam rangkaian pelaburan negara. Perak dijangka memperkukuh kedudukannya sebagai hab industri teknologi, automotif dan tenaga masa hadapan Malaysia, sekali gus meningkatkan keupayaan pendapatan negeri serta menjamin kesejahteraan rakyat menjelang tahun 2035.

2. Susulan insiden kematian di Gunung Liang, apakah tindakan dan langkah-langkah keselamatan tambahan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menjamin keselamatan para pengembara yang menjalankan aktiviti di hutan-hutan yang jatuh dibawah bidang kuasa kerajaan negeri?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada Persidangan Ketiga 27 November 2025 (Khamis)

Dato' Seri Yang Dipertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Buntuong dan Yang Berhormat Pangkor secara bersekali kerana ianya berkaitan iaitu isu berkaitan keselamatan para pengembara yang menjalankan aktiviti di hutan

Kerajaan Negeri mengambil serius berkenaan kes kematian Allahyarham Mustaqqeem Mansor berumur 34 yang ditemui meninggal dunia di puncak Gunung Liang pada Oktober yang lalu. Sehingga kini Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) sedang menjalankan siasatan ke atas 11 orang individu yang terdiri daripada dua (2) orang malim gunung perhutanan dan 9 orang pendaki di bawah Seksyen 47(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 bagi kesalahan memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa permit.

Di Negeri Perak, terdapat 55 kawasan pendakian telah dikenalpasti oleh JPNPk yang berada di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Berdasarkan Seksyen 47(1)(c), setiap aktiviti pendakian di dalam kawasan HSK diwajibkan untuk memiliki Permit Memasuki HSK yang boleh dimohon secara atas talian bagi membolehkan pemantauan bilangan pendaki dijalankan secara sistematik. Jika aktiviti pendakian pada ketinggian melebihi 500 meter, Kerajaan Negeri melalui JPNPk telah menetapkan aktiviti pendakian tersebut perlu disertai Malim Gunung Perhutanan (MGP) yang diiktiraf termasuk pemakaian dokumen SOP pendakian. Penguatkuasaan ini telah bermula pada 1 Jun 2023 setelah mendapat kelulusan oleh Jawatankuasa Sumber Hasil Hutan Negeri Perak dan diperakukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 1 Mac 2023. Sehingga kini, 376 orang MGP telah dilatih dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan seramai 320 masih aktif menjalankan tugas sebagai juru pandu rasmi.

Bagi memastikan keselamatan dan kawalan aktiviti, JPNPk telah menggubal Prosedur Operasi Standard (SOP) Pendakian HSK Negeri Perak dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Meteorologi serta Persatuan Malim Gunung Negeri Perak. SOP ini menjadi panduan utama dalam aspek pengurusan risiko, keselamatan, tindakan kecemasan serta tanggungjawab pihak berkaitan termasuk pihak berkuasa perhutanan, pentadbir kawasan, malim gunung dan pendaki.

Bagi aktiviti yang melibatkan pendakian rentas negeri, JPNPk akan berunding dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Kelantan dan Pahang bagi memperhalusi syarat serta penyelarasan tatacara pendakian trans agar aspek keselamatan dan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan secara bersama.

Sebagai langkah jangka panjang, JPNPk turut merancang untuk melaksanakan Kajian Risiko Kemalangan dan Bencana di Kawasan Pendakian bagi mengenal pasti kawasan berisiko serta menambah baik langkah pencegahan. Dalam masa yang sama, jabatan turut meneliti penggunaan sistem pemantauan dan penilaian secara masa nyata (real-time) bagi kawasan pendakian berisiko tinggi untuk meningkatkan kecekapan tindak balas sekiranya berlaku insiden tidak diingini

Sebagai langkah kawalan tambahan, JPNPk sedang melaksanakan Kajian Had Daya Tampung Kawasan Pendakian Tumpuan di Negeri Perak melalui peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT). Dua kajian telah disiapkan di Daerah Hutan Kinta/Manjung dan Perak Selatan, dua lagi sedang dijalankan di Hulu Perak dan Kuala Kangsar, manakala satu lagi di Larut dan Matang dijadualkan pada tahun 2026. Kajian ini akan membantu kerajaan negeri menetapkan kuota pendaki yang dibenarkan pada satu-satu masa demi memastikan aktiviti pendakian dijalankan secara terkawal, selamat dan lestari.

3. Kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif untuk melarang penjualan rokok elektronik atau "Vape" di negeri Perak bermula Januari 2026. Langkah ini sememangnya satu langkah yang perlu dan tepat pada masa.

Soalan :

- i. Bagaimana pihak kerajaan negeri akan memastikan penguatkuasaan larangan ini adalah seragam di semua 15 pihak berkuasa tempatan?
- ii. Apakah hukuman atau tindakan undang-undang yang ditetapkan bagi perniagaan yang didapati melanggar larangan ini?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 2197 bertarikh 08 Oktober 2025 telah memutuskan tiada lesen perniagaan baru dan pembaharuan lesen dikeluarkan bagi aktiviti menjual rokok elektronik/vape di Negeri Perak dan Cadangan tarikhkuasa larangan tersebut ialah pada 01 Januari 2026.

Bagi peringkat Pihak Berkuasa Tempatan, undang-undang yang boleh dirujuk berkenaan operasi vape adalah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2017. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan UUK ini. Sebagai contoh, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Ipoh) 2017. Aktiviti penjualan vape di bawah UUK ini di bawah kategori alat elektronik dan elektrik. Aktiviti perniagaan ini dikawal melalui tindakan pelesenan, pematuhan syarat lesen dan hukuman menjalankan aktiviti tanpa lesen.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Undang-undang yang dirujuk adalah di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Ipoh) 2017. Merujuk UUK 3, mana-mana aktiviti melibatkan tred, perniagaan dan perindustrian atau penggunaan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis hendaklah mendapat suatu lesen dari Pihak Kuasa Melesen.

Selain itu, UUK 49 memperuntukkan Datuk Bandar, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan UUK ini dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan

kesalahan itu untuk mengkompakan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi RM1000 bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Tindakan pendakwaan boleh dimulakan sekiranya jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan. Kegagalan mendapatkan lesen adalah merupakan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan berterusan, boleh didenda tidak melebihi RM200.00 atau sebahagiannya bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan selaras dengan UUK 3.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMAD ARAFAT BIN VARISAI MAHAMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri : (HULU KINTA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Isu peneroka ditanah Pembangunan projek SVTP2 Kanthan oleh Maju Perak. Apakah status terkini penyelesaian dan cadangan dari pihak Maju Perak dan tuntutan dari pihak peneroka serta sebab peneroka tidak menerima cadangan tanah gantian di Kampung Kolam ,Changkat Kinding

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kinta,

Berdasarkan pemeriksaan serta bancian secara fizikal yang telah dilaksanakan di SVTP2, Majuperak Holdings Berhad (Majuperak) telah mengenalpasti 91 lot pelbagai tanaman serta ternakan yang telah diusahakan oleh setinggan pertanian tanpa izin.

Susulan itu, pihak Majuperak selaku pemaju kawasan tersebut telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama setinggan pertanian tanpa izin ini. Hasil daripada sesi libat urus tersebut, beberapa maklumat telah dikenalpasti seperti berikut :

- Beberapa setinggan tanpa izin telah bersetuju dan akur untuk tidak meneruskan pertanian atas faktor usia dan masalah kesihatan;
- Beberapa setinggan tanpa izin bersetuju untuk berpindah;
- Beberapa setinggan tanpa izin tidak bersetuju untuk berpindah ke tapak ganti.

Tanah gantian yang telah ditawarkan kepada setinggian pertanian tanpa izin ini terletak di Kampung Kolam, Changkat Kinding. Namun demikian, terdapat segelintir setinggian pertanian tanpa izin yang tidak bersetuju dengan tanah gantian yang ditawarkan kerana menurut mereka, tanah tersebut tidak sesuai untuk jenis tanaman bagi tujuan pertanian. Walaupun begitu, terdapat lima (5) setinggian pertanian tanpa izin dari tapak SVTP1 yang telah berpindah ke tapak gantian ini.

Soalan Dari : YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MANONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Keselamatan awam merupakan perkara yang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Masyarakat ingin sentiasa berada dalam keadaan sejahtera dan bebas dari sebarang ancaman dan bahaya. Langkah-langkah pencegahan, kawalan dan tindakan kecemasan perlu diambil oleh pihak-pihak yang berwajib. Sejak akhir-akhir ini isu keselamatan awam di jalanraya dan bangunan awam mencemaskan masyarakat.
Berapa peratus kemalangan jalanraya di negeri Perak yang berpunca dari masalah teknikal kenderaan?
a. Apakah tindakan kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalanraya yang berpunca dari kecuaiian manusia seperti mabuk dan memandu melebihi had laju?
b. Apakah langkah-langkah proaktif kerajaan untuk mengurangkan risiko keselamatan awam yang berpunca dari ancaman pokok-pokok besar di tepi jalanraya?

Jawapan Soalan 1

Jawapan :

- a) Bagi mengatasi masalah ini, pihak PDRM sentiasa meningkatkan operasi mabuk dan saman perangkap had laju (*speedtrap*) di sekitar kawasan pentadbiran IPD Kuala Kangsar.
- b) Tahun 2025 (Januari - Oktober) saman had laju yang telah dikeluarkan di sekitar kawasan pentadbiran IPD Kuala Kangsar adalah sebanyak 941 saman.

**STATISTIK KEMALANGAN MELIBATKAN TEKNIKAL
DI DAERAH KUALA KANGSAR (TAHUN KAJIAN 2023-2025 (JANUARI - OKTOBER)**

BIL	TAHUN	JUMLAH KEMALANGAN
1	2023 (Januari - Disember)	22
2	2024 (Januari - Disember)	31
3	2025 (Januari - Oktober)	13

- c) MPKK dan JKR Kuala Kangsar sentiasa bekerja sama bagi memantau keadaan pokok yang berada di tepi jalan sama ada di jalan persekutuan dan jalan negeri.
- d) Ia juga dibantu oleh dua konsesi yang telah dilantik oleh JKR iaitu Belati Wangsa Sdn. Bhd dan Empayar Indera Sdn Bhd.

- e) Di peringkat MPKK tindakan pengeluaran notis kepada pemilik pokok akan dibuat terlebih terlebih dahulu bagi memastikan kelancaran tindakan sekiranya pokok tersebut berada dalam tanah milik.
- f) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JKR tidak mempunyai rekod data berkenaan punca kemalangan.
- g) Namun demikian, pihak JKR sentiasa mengambil faktor keselamatan pengguna jalan raya terutamanya dalam reko bentuk jalan atau pun penyenggaraan jalan.
- h) Di antara tindakan bagi menambahbaik ciri-ciri keselamatan jalan raya termasuk penyediaan transverse bar, solar amber light, papan tanda amaran dan lain-lain kerja yang berkaitan.
- i) Di samping itu, JKR turut melaksanakan Program Rawatan Blackspot di mana tindakan rawatan yang bersesuaian dengan corak kemalangan dijalankan secara khusus di lokasi dikenal pasti kerap berlaku kemalangan berdasarkan Borang PDRM (K) 2(POL 27).

2. Infrastruktur digital berkualiti merupakan antara perkara utama untuk mencapai Pelan Digital Ekonomi Perak. Rangkaian 4G/5G, menara telekomunikasi dan liputan gentian optik merupakan prasarana digital yang perlu diperkukuhkan. Apakah tahap liputan 5G terkini untuk keseluruhan negeri Perak?
- a. Apakah usaha kerajaan untuk memperluaskan liputan 5G diluar bandar khususnya di kawasan pendalaman sebagai sokongan ekonomi digital rakyat?
 - b. Apakah perancangan kerajaan untuk membentuk masyarakat digital di negeri Perak?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 26 November 2025

JAWAPAN A:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur digital negeri Perak dilaksanakan secara terancang dan progresif. Sehingga September 2025, liputan 5G di kawasan berpenduduk bagi seluruh negeri Perak telah mencapai 80.9%. Pembangunan rangkaian ini dilaksanakan secara berperingkat melalui peluasan tapak pemancar di kawasan-kawasan strategik dan berimpak tinggi. Di DUN Manong, sebanyak empat (4) tapak pemancar 5G telah beroperasi bagi menyokong keperluan capaian teknologi baharu tersebut.

Pembangunan rangkaian 5G juga diperkukuh melalui perancangan rangkaian 5G kedua oleh U Mobile Sdn. Bhd., yang kini sedang dalam pelaksanaan secara berfasa. Langkah ini dijangka meningkatkan kapasiti rangkaian, memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna serta memperkukuh daya saing ekosistem digital negeri Perak.

Kerajaan memberi keutamaan kepada peluasan liputan 5G di kawasan luar bandar sebagai sokongan kepada pembangunan ekonomi digital rakyat. Namun, terdapat beberapa kekangan teknikal dan logistik yang perlu ditangani secara berperingkat. Antara cabaran utama termasuk bentuk muka bumi berbukit, kedudukan geografi yang tidak mempunyai, dengan izin, Line of Sight (LOS) yang jelas, serta ketiadaan laluan, dengan izin, backhaul gentian optik di kawasan tertentu. Faktor seperti kepadatan penduduk yang rendah,

ketiadaan infrastruktur asas dan bekalan elektrik yang tidak stabil turut memberi implikasi kepada tempoh pelaksanaan projek.

Walau bagaimanapun, peluasan rangkaian 5G akan terus dilaksanakan dengan mengambil kira kesediaan tapak, keperluan setempat serta keutamaan kawasan berimpak tinggi seperti zon perindustrian, institusi pendidikan, kawasan tumpuan awam dan pusat pertumbuhan ekonomi luar bandar. Pendekatan ini memastikan perbelanjaan awam dioptimumkan dan manfaat teknologi baharu dapat dinikmati secara inklusif.

JAWAPAN B:

Bagi soalan Yang Berhormat berkaitan perancangan kerajaan untuk membentuk masyarakat digital di negeri Perak. Untuk makluman Yang Berhormat berdasarkan pelancaran Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030, kerajaan negeri telah mengenal pasti empat teras utama, salah satunya ialah “masyarakat diperkasa pendigitalan”. Beberapa langkah / perancangan yang spesifik termasuk:

- I. Memastikan akses infrastruktur digital berkualiti kepada semua lapisan masyarakat, termasuk kawasan luar bandar.
- II. Memperkasa masyarakat melalui pendidikan dan latihan digital supaya individu boleh mengambil bahagian dalam ekonomi digital dan mempunyai kemahiran digital yang relevan.
- III. Memperluas pendigitalan pentadbiran awam dan interaksi digital (e-perkhidmatan) supaya masyarakat terbiasa dengan penggunaan teknologi digital dalam kehidupan harian.
- IV. Memacu transformasi digital perniagaan mikro/PKS dan komuniti setempat supaya masyarakat bukan hanya pengguna pasif tetapi juga pelaku dalam ekonomi digital.

Kerajaan melalui MCMC turut menyediakan rangkaian Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) sebagai platform akses internet kolektif, pembelajaran digital serta sokongan pembangunan komuniti. Sehingga kini, sebanyak 90 NADI beroperasi di seluruh negeri Perak. Pusat-pusat ini berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi digital setempat melalui program latihan, literasi digital dan pembangunan kemahiran rakyat.

NADI melaksanakan lima (5) teras utama di bawah inisiatif Perkhidmatan Pintar, iaitu:

- I. Keusahawanan
- II. Pembelajaran Sepanjang Hayat
- III. Kesejahteraan Kendiri
- IV. Kesedaran
- V. Inisiatif Kerajaan

Setiap teras dirangka untuk menyokong rakyat memanfaatkan platform digital dalam kehidupan harian, sama ada untuk perniagaan, pendidikan atau urusan pentadbiran. Selaras dengan inisiatif 1 DUN 1 NADI, DUN Manong kini mempunyai satu (1) pusat NADI yang beroperasi bagi memenuhi keperluan rakyat setempat.

Setiap teras dirangka untuk menyokong rakyat memanfaatkan platform digital dalam kehidupan harian, sama ada untuk perniagaan, pendidikan atau urusan pentadbiran. Selaras dengan inisiatif 1 DUN 1 NADI, DUN Manong kini mempunyai satu (1) pusat NADI yang beroperasi bagi memenuhi keperluan rakyat setempat.

Selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk membentuk masyarakat digital Digital Perak telah menubuhkan Unit Hub Inovasi dan Multimedia (HiM) yang bertanggungjawab untuk membangunkan tenaga kerja mahir meliputi program-program ICT untuk usahawan, pelajar dan lepasan sekolah, latihan ICT berbentuk teknikal dan praktikal, latihan digital korporat untuk golongan profesional serta program kesedaran ICT.

Fungsi utama HiM adalah:

- Menyelaraskan usaha pembangunan ekosistem startup negeri;
- Sebagai hab penyelidikan, inovasi dan pembangunan kreatif bagi pembelajaran berterusan;

- Menyediakan fasiliti dan sokongan Latihan dan;
- Menjadi pusat komuniti usahawan digital Perak.

Antara kursus yang sedang dilaksanakan di bawah HiM adalah

Kursus Keusahawanan Digital

Memperkukuh penggunaan teknologi digital oleh PKS melalui sistem pembayaran tanpa tunai, latihan pengenalan dan pengukuhan platform e-dagang, kursus bimbingan dan digitalisasi perkhidmatan, sekali gus membuka peluang integrasi startup ke dalam rantai nilai digital negeri. Kerjasama erat dengan pihak Sekretariat Usahawan Negeri Perak (SteP) Latihan Digital Korporat

Pelaksanaan program latihan yang mempunyai kandungan latihan yang memenuhi keperluan industri di sekitar Perak. Program latihan disesuaikan dengan keperluan pelanggan tidak mengira industri atau daripada pihak kerajaan.

Kursus Inovasi Rakyat

Pelaksanaan kursus asas yang berorientasi keperluan komuniti setempat dengan kos/yuran yang rendah, sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa.

Kursus Makerspace

Penyediaan ruang dan kursus berorientasikan kreativiti dan partisipatif bagi memupuk kreativiti, inovasi, dan pembelajaran praktikal dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM), serta seni dan reka bentuk.

Kerajaan negeri, melalui Digital Perak merancang serta melaksanakan program kerjasama di bawah HiM dengan:

1. Universiti dan Institusi Pendidikan – penganjuran kursus, bengkel dan program latihan bersama bagi membangunkan bakat digital tempatan.
2. Sektor Swasta – perkongsian strategik dengan penyedia teknologi, pelabur dan syarikat korporat untuk sokongan perniagaan dan pemasaran.
3. Inisiatif Kebangsaan – penglibatan dalam program Malaysia Digital dan kempen seperti Jelajah Malaysia Digital@Perak bagi menyelaraskan ekosistem teknologi dengan hala tuju negara.
4. Pengkomersilan Inovasi – menyediakan kemudahan dan peluang jaringan di HiM untuk membantu usahawan mengkomersilkan produk atau perkhidmatan teknologi.

3. Dokumen Perak Sejahtera 2030 telah menetapkan Niche Daerah Kuala Kangsar di bawah Koridor TVET Malaysia antaranya ialah Agromakanan Perak – Lembah Makanan Negara dan Taman Agro Teknologi Manong. Kedua-dua niche tersebut merupakan satu gagasan yang besar iaitu sebagai lembah makanan negara dan taman agro berteknologi.
 - a. Apakah perancangan projek industri agromakanan berskala besar yang bakal dilaksanakan di daerah Kuala Kangsar?
 - b. Apakah fokus dan impak ekonomi projek Taman Agro Teknologi Manong kepada masyarakat setempat?

Jawapan Soalan 3

MESYUARAT KETIGA, TAHUN KETIGA, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK
DARUL RIDZUAN

Lisan

No. Rujukan: 26302

Soalan 3

Dokumen Perak Sejahtera 2030 telah menetapkan Niche Daerah Kuala Kangsar di bawah Koridor TVET Malaysia antaranya ialah Agromakanan Perak – Lembah Makanan Negara dan Taman Agro Teknologi Manong. Kedua-dua niche tersebut merupakan satu gagasan yang besar iaitu sebagai lembah makanan negara dan taman agro berteknologi.

- a. Apakah perancangan projek industri agromakanan berskala besar yang bakal dilaksanakan di daerah Kuala Kangsar?
- b. Apakah fokus dan impak ekonomi projek Taman Agro Teknologi Manong kepada masyarakat setempat?

Daripada
Manong

JAWAPAN :

Mohon rujuk pihak berkaitan.

Dato' Seri Yang Dipertua,

Kerajaan Negeri melalui penglibatan PASAK juga memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan modal insan terutamanya menerusi TVET. PASAK telah bekerjasama dengan institusi Latihan Kemahiran (ILK) dan pihak industri untuk menyediakan latihan kemahiran yang spesifik dan berorientasikan industri khususnya dalam agro-teknologi. Antara kursus yang telah dijalankan adalah Kursus Smart Farming Technology, Kursus Sistem Hidroponik serta pelbagai jenis latihan yang diperlukan oleh masyarakat setempat di Daerah Kuala Kangsar.

Tambahan lagi, PASAK dengan kerjasama agensi negeri membudayakan teknologi dalam pertanian dengan memastikan graduan TVET didedahkan serta dilatih untuk mengadaptasi teknologi terkini seperti Internet of Things (IoT) dan pengurusan data raya bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan pertanian.

Jawapan Soalan a ;

Untuk makluman YB,

Sekiranya pihak SADC menyerahkan tanah seluas 50 hektar seperti yang dipohon oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak, perancangan bagi Taman Agroteknologi Manong ini adalah seperti berikut :

- a) Menggunakan konsep sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Agropelancongan Pertanian dibawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Perak.
- b) Pembangunan tanaman kontan seperti tanaman pisang, kopi dan nurseri buah-buahan secara komersial berkonsepkan pengurusan yang bersepadu seluas 40 ha.
- c) Pembangunan infrastruktur asas seperti jalan ladang, pusat pengumpulan hasil, pusat jualan, pameran dan agropelancongan seluas 10 ha.

Projek ini memberi tumpuan kepada peningkatan pengeluaran makanan berkualiti, melahirkan usahawantani moden, serta menjadikan Manong sebagai pusat pertanian setempat berkonsepkan One Stop Centre. Selain menyokong dasar sekuriti makanan negara, projek ini turut membuka peluang kepada penduduk tempatan untuk menceburi bidang keusahawanan tani serta meningkatkan taraf sosioekonomi luar bandar.

Jawapan Soalan b ;

Untuk makluman YB,

Fokus dan impak kepada ekonomi bagi Taman Agroteknologi Manong ini adalah seperti berikut :

- a) Peluang pekerjaan baharu dalam sektor pertanian, jualan, penyelenggaraan dan pelancongan.

- b) Menjana pendapatan tetap kepada peserta dengan anggaran pendapatan RM3000-RM4500 sebulan.
- c) Menambah hasil ekonomi tempatan melalui aktiviti jualan hasil segar dan produk pertanian.
- d) Meningkatkan kemahiran dan keusahawanan masyarakat luar bandar melalui latihan dan bimbingan Jabatan Pertanian.
- e) Menarik pelaburan dan pelancong ke kawasan manong, menjadikan ia tumpuan baharu agropelancongan negeri Perak.
- f) Memastikan bekalan makanan berkualiti dan selamat untuk pasaran tempatan, menyumbang kepada sekuriti makanan negeri/negara.

Berdasarkan pangkalan data bagi projek yang telah didaftarkan dalam Dashboard Perak Sejahtera 2030 dan maklumat tambahan yang diterima, pelaksanaan projek industri agromakanan di daerah Kuala Kangsar dilaksanakan secara berperingkat melalui inisiatif sedia ada dan cadangan baharu yang sedang diperhalusi untuk dimasukkan ke dalam Dashboard Perak Sejahtera 2030.

Antara projek utama yang sedang dan akan dilaksanakan ialah seperti berikut:

1. **Taman Agroteknologi MARDI Kuala Kangsar (DurioTourism)**
Projek ini dilaksanakan oleh MARDI Negeri Perak sebagai pusat agropelancongan berasaskan durian serta hab pemindahan teknologi pertanian. Ia berperanan sebagai tarikan pelancongan berasaskan pertanian selain memupuk penyertaan masyarakat tempatan dalam aktiviti nilai tambah berasaskan buah-buahan tempatan.
2. **Projek Perintis**
Merupakan projek rintis di bawah MARDI Negeri Perak bagi menguji keberkesanan teknologi dan kaedah pertanian baharu yang berpotensi diperluas kepada komuniti agro tempatan.
3. **Pemindahan Teknologi, Pembangunan Usahawan dan Hubungan Antara Agensi**
Dilaksanakan bagi memperkasa kapasiti usahawan tani melalui program latihan, pemindahan teknologi dan kerjasama strategik antara agensi seperti Sekretariat Usahawan Negeri Perak dan Jabatan Pertanian.
4. **Ladang Usahawan Senggang**
Projek ini memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan agro berskala kecil di Mukim Senggang dengan sokongan Jabatan Pertanian Negeri Perak.

Selain projek sedia ada, beberapa inisiatif baharu turut dikenal pasti dan akan diperincikan sebelum dimasukkan ke dalam Dashboard Perak Sejahtera, iaitu:

- Membina **Medan Agrobazaar** sebagai pusat jualan hasil pertanian tempatan;
- **Program Usahawan Muda Senggang** bagi memperkasa belia tani;
- **Program Desa Lestari Tanaman Jagung di Kg. Sayong, Mukim Sayong;**
- **Program Desa Lestari Tanaman Cili Fertigasi di Kg. Suak Petai, Mukim Senggang;**
- **Taman Agro Makanan** sebagai kawasan pertanian bersepadu berkonsepkan *food valley*; serta
- **Bantuan Infrastruktur Padi** bagi memperkukuh sistem pengairan dan meningkatkan hasil pengeluaran.

Pelaksanaan keseluruhan projek ini dijangka memperkukuh kedudukan Kuala Kangsar sebagai salah satu komponen utama dalam Lembah Makanan Negara serta memperluas rangkaian nilai agromakanan berimpak tinggi di negeri Perak

Bagi menjunjung hasrat Kerajaan Negeri Perak melalui dokumen Perak Sejahtera 2030 yang menetapkan Kuala Kangsar sebagai koridor TVET Malaysia di bawah kluster Agromakanan Perak – Lembah Makanan Negara dan Taman Agro Teknologi Manong, pihak Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) melalui Akademi Sekuriti Makanan (ASM) telah merangka pelaksanaan projek industri agromakanan berskala besar di daerah ini.

Antara projek utama yang sedang dibangunkan ialah USAS Agriculture Industry Laboratory (UAIL) yang melibatkan kawasan seluas 250 ekar di Manong, Kuala Kangsar. Projek ini merupakan inisiatif strategik universiti untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran, penyelidikan, inovasi, dan pengkomersialan dalam bidang pertanian moden serta sekuriti makanan.

Pada masa ini, USAS melalui Akademi Sekuriti Makanan (ASM) sedang melaksanakan penyediaan Pelan Zoning pecah tanah daripada keseluruhan kawasan 250 ekar bagi tujuan pembangunan berfasa mengikut komponen utama seperti:

1. Zon tanaman makanan dan herba bernilai tinggi
2. Zon ternakan integrasi dan akuakultur
3. Zon teknologi pertanian dan automasi (AgroTech Park)
4. Zon pemprosesan makanan dan inkubasi industri

Pelan zoning ini dirancang secara bersepadu bagi memastikan setiap komponen dapat berfungsi secara optimum serta menyokong aktiviti penyelidikan, latihan, dan pengkomersialan hasil pertanian.

Selain itu, proses Request for Proposal (RFP) kepada industri juga sedang disediakan dan dirancang untuk dijalankan dalam masa terdekat selepas mendapat kelulusan rasmi daripada Lembaga Pengarah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Proses RFP ini bertujuan untuk menarik penyertaan sektor swasta dan rakan strategik industri dalam pembangunan infrastruktur pertanian moden, pelaksanaan penyelidikan bersama (industry–university collaboration), serta aktiviti pengkomersialan hasil dan teknologi pertanian.

Fungsi utama UAIL adalah untuk menjadi:

1. Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi tanaman strategik negeri seperti padi, sayuran bernilai tinggi, dan ternakan integrasi.
2. Hab Latihan TVET Pertanian Moden, yang melatih pelajar, belia dan komuniti tempatan dalam teknologi agromakanan seperti automasi, IoT, dan sistem fertigasi pintar.
3. Makmal Industri Hidup (Living Lab) yang menghubungkan universiti, agensi kerajaan, dan sektor swasta dalam rangkaian nilai makanan daripada pengeluaran hingga pengkomersialan.
4. Pusat Inkubasi dan Pengkomersialan Produk Agro, bagi menyokong pembangunan usahawan tani dan perusahaan kecil serta sederhana (PKS) tempatan.

Dengan pelaksanaan projek ini, UAIL dijangka menjadi pemangkin utama pembangunan industri agromakanan berteknologi tinggi di Kuala Kangsar, sekaligus memperkukuh kedudukan daerah ini sebagai 'Lembah Makanan Negara' selaras dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030.

Soalan Dari : YB ENCIK AZMAN BIN NOH

Ahli Dewan Undangan Negeri : (PENGKALAN BAHARU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. PROJEK PERUMAHAN SAKIT DAN TERBENGKALAI

Apa kah usaha Kerajaan Negeri dan perkembangan yang berjaya dicapai dalam penyelesaian projek sakit dan projek terbengkalai di negeri Perak susulan MOU kerjasama antara JPN dan LPHP pada tahun 2024 ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Susulan kerjasama MoU antara Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang telah ditandatangani pada 10 Julai 2024, pelbagai langkah proaktif telah dilaksanakan bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di Negeri Perak.

Melalui kerjasama ini, pihak JPN telah mula melibatkan LPHP sebagai agensi pemudah cara dalam mesyuarat yang membincangkan isu-isu teknikal berkaitan pelaksanaan projek berkenaan. Selain itu, mesyuarat teknikal secara berkala turut dilaksanakan antara LPHP, JPN dan pihak pemaju bagi memantau perkembangan kerja di tapak serta memastikan setiap langkah pemulihan berjalan mengikut perancangan.

Di samping itu, LPHP bersama JPN juga telah mengadakan beberapa siri lawatan tapak ke projek-projek sakit dan terbengkalai bagi menilai keadaan sebenar di lokasi serta mengenal pasti tindakan susulan yang perlu diambil.

Perbincangan bersama pihak pemaju turut dilaksanakan bagi memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka, selain membincangkan langkah penyelesaian yang sesuai untuk memastikan projek dapat diteruskan semula. LPHP dan JPN juga mengadakan sesi perjumpaan bersama para pembeli bagi mendengar sendiri hasrat, pandangan dan cadangan mereka supaya penyelesaian yang diambil mengambil kira kepentingan semua pihak.

Soalan Dari : YB ENCIK CHAW KAM FOON
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MENGLEMBU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. KONSEP BINA DAN JUAL.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan konsep Bina dan Jual bagi projek perumahan baharu di Negeri Perak?

Jawapan Soalan 1

Telah dijawab secara lisan pada 26 November 2025

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Konsep Bina dan Jual (Build-Then-Sell, BTS) bukanlah perkara baharu, ia telahpun digariskan sebagai salah satu pendekatan di bawah Dasar Perumahan Negara. Di banyak negara ia dianggap lebih selamat untuk pembeli kerana rumah hanya dijual apabila siap, sekaligus mengurangkan risiko pembeli terperangkap dalam projek sakit atau terbengkalai.

Di bawah model sekarang, pembeli membayar ansuran untuk sesuatu yang mereka belum lihat dan belum wujud sepenuhnya. Risiko sebesar itu tidak sepatutnya diletakkan pada bahu pengguna. Inilah kelemahan struktur utama model sell-then-build yang semakin ketara hari ini dan menjadi kebimbangan pelbagai pihak.

Dengan BTS, pemaju perlu menyiapkan pembinaan terlebih dahulu sebelum mengutip bayaran penuh. Mekanisme ini meningkatkan akauntabiliti dan kualiti kerana rumah yang dijual ialah rumah yang siap dinilai, bukan sekadar pelan atau janji. Negara seperti Australia dan Singapura membuktikan bahawa kaedah ini mengurangkan projek sakit dan memastikan standard pembinaan lebih terjamin.

Di Malaysia, lebih 100 projek sakit dan terbengkalai dikenalpasti setiap tahun oleh KPKT, dan sebahagian besarnya berlaku di bawah model sell-then-build. Maka, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT sedang meneliti langkah memperluas dan memperkukuhkan pelaksanaan konsep BTS bermula RMK-13 dan Belanjawan 2026, termasuk:

1. Insentif kewangan kepada pemaju yang memilih BTS;
2. Kemudahan jaminan pembiayaan (guarantee scheme) bagi modal awal;
3. Penyelarasan kawal selia dengan bank dan
4. Peralihan secara berperingkat mengikut segmen projek.

Ini menunjukkan wujudnya komitmen nasional untuk mengarusperdanakan konsep bina dan jual sebagai sebahagian daripada reformasi ekosistem perumahan negara.

Di peringkat Negeri Perak pula, buat masa ini, Kerajaan Negeri belum membuat keputusan untuk mewajibkan konsep bina dan jual bagi projek perumahan baharu. Ini kerana terdapat beberapa faktor yang perlu diteliti secara lebih mendalam, antaranya:

1. Kekukuhan kewangan pemaju, khususnya pemaju berskala kecil dan sederhana, kerana BTS memerlukan modal permulaan yang jauh lebih besar.
2. Risiko kenaikan harga rumah sekiranya pemaju memindahkan kos pembiayaan awal kepada pengguna.
3. Ketersediaan rantaian industri seperti pembiayaan bank, kawal selia, serta insentif yang diperlukan agar pelaksanaan BTS dapat dijalankan secara mampan.
4. Keseserasian dengan pasaran perumahan di Perak, termasuk permintaan, kemampuan rakyat, dan struktur industri pemajuan negeri.

Sebagai persediaan awal selaras dengan hala tuju nasional, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) telah:

1. Mengadakan beberapa siri libat urus bersama pemaju, institusi kewangan, persatuan hartanah dan pemain industri;
2. Mendapatkan maklum balas mengenai keperluan, cabaran dan model kewangan yang sesuai;
3. Menjalankan kajian dalaman ke atas beberapa model BTS yang telah berjaya di negeri-negeri lain serta;
4. Menilai ketersediaan pasaran perumahan negeri untuk pelaksanaan mengikut segmen dan kategori projek.

Usaha ini penting untuk memastikan sekiranya Kerajaan Persekutuan memuktamadkan pelaksanaan BTS secara lebih meluas pada masa akan datang, Perak berada dalam keadaan bersedia, termasuk dari aspek dasar, mekanisme pelaksanaan, dan kesiapsiagaan industri.

Bagi kebanyakan rakyat, rumah adalah impian seumur hidup. Impian itu wajar dilindungi, bukan dibiarkan terdedah kepada risiko yang tidak adil. Prinsip kita adalah jelas bahawa BTS ialah langkah pembetulan struktur, bukan hukuman kepada pemaju, tetapi jaminan kepada rakyat. Kerajaan Negeri Perak akan terus menyokong hala tuju nasional ke arah ekosistem perumahan yang lebih selamat dan berpaksikan pengguna.

2. DASAR DAN POLISI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI).

- a) Apakah dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri dalam memperkasa penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di sektor awam?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan strategik bagi memastikan pembangunan AI sejajar dengan etika dan keselamatan data rakyat Perak?

Jawapan Soalan 2

Soalan telah dijawab secara lisan pada Persidangan Kelima 1 Disember 2025

JAWAPAN:

Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang proaktif dan holistik dalam menerapkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pentadbiran negeri. Pendekatan ini meliputi pelbagai sektor termasuk pentadbiran agama, perancangan bandar pintar, pertanian moden dan pembangunan modal insan, yang dirancang secara inklusif serta menyeluruh.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pelan Strategik Pendigitalan Perak 2022–2025 melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada tahun 2023, disamping Pelan Tindakan Ekonomi Digital Negeri Perak 2030 serta Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 pada 4 Jun 2025.

Ketiga-tiga pelan ini merupakan pelengkap kepada Pelan Perak Sejahtera 2030, dengan memberi tumpuan khusus kepada pembangunan ekonomi digital negeri. Pendekatan ini telah membuka laluan kepada penerapan teknologi AI dalam sektor strategik termasuk pentadbiran, perkhidmatan awam, ekonomi dan pembangunan bandar pintar.

Kerajaan Negeri Perak komited dalam memajukan pembangunan kecerdasan buatan (AI) secara menyeluruh dan bertanggungjawab. Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk mengemas kini pelan-pelan sedia ada bagi memasukkan agenda keselamatan siber dan etika kecerdasan buatan, sejajar dengan keperluan semasa dalam memastikan keselamatan data dan perlindungan maklumat rakyat Negeri Perak terjamin.

Bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan mutu penyampaian perkhidmatan awam. Fokus utama dasar ini meliputi:

- i. Memperkukuh tadbir urus berasaskan data bagi menyokong keputusan strategik;
- ii. Memodenkan operasi melalui automasi proses serta penggunaan aplikasi AI seperti chatbot dan analitik ramalan;
- iii. Membangunkan kapasiti pegawai melalui latihan literasi digital dan kerjasama dengan institusi akademik serta industri; serta
- iv. Memastikan keselamatan siber, etika penggunaan AI dan perlindungan data dipatuhi sepenuhnya.

Pendekatan ini diharap dapat mempertingkatkan produktiviti jabatan, memodenkan penyampaian perkhidmatan, serta memacu pentadbiran Kerajaan Negeri ke arah tadbir urus digital yang lebih cekap dan responsif.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semasa pelancaran majlis Taklimat Belanjawan 2026 bersama Komuniti MADANI dan Taklimat Internet Selamat Peringkat Negeri Perak pada 28 Oktober 2025, saya juga telah mencadangkan supaya pihak Digital Perak memulakan proses penyediaan kerangka strategik AI dalam usaha memanfaatkan potensi teknologi AI, selaras dengan pembangunan pesat infrastruktur digital di negeri Perak termasuk perlu mengambilkira etika dan keselamatan data rakyat Perak.

Lanjutan itu, pihak Digital Perak selaku agensi pelaksana negeri telah memulakan gerak kerja membangunkan kerangka AI Negeri. Gerak kerja yang dilaksana mendapat kerjasama erat daripada Agensi Persekutuan di bawah Kementerian Digital iaitu *National AI Office* (NAIO), Digital Nasional Berhad (DNB), MyDigital Corporation, CyberSecurity Malaysia (CSM) dan MDEC di mana setiap inisiatif atau program yang bakal diwujudkan di bawah kerangka tersebut selari dengan Kerangka AI Nasional ke arah *AI Nation*. Selaku Exco yang bertanggungjawab, saya telah meminta agar segala perkara asas yang perlu diberi perhatian termasuk keselamatan data (*Cyber Security*) perlu dibentang dan diperhalusi semasa Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital (MeDI) yang dirancang diadakan pada 16 Disember 2025 ini. Bagi membantu dalam penyediaan kerangka strategik AI negeri Perak tersebut, pihak Digital Perak sedang mengatur beberapa sesi bengkel dan libat urus melalui penglibatan agensi Persekutuan dan Negeri disamping jemputan kepada pihak pakar rujuk (*SME-Subject Matter Expert*) daripada pihak industri.

3. PENCEMARAN SUNGAI.

a) Sila nyatakan jumlah kes pencemaran sungai yang telah direkodkan sepanjang tahun 2025 dan apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab?

b) Nyatakan langkah terkini yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan pencemaran air sungai?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Menglembu,

Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk menjawab soalan berkaitan isu pencemaran sungai, iaitu satu perkara yang amat dekat dihati rakyat dan menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Perak di bawah agenda Perak Sejahtera 2030, khususnya dalam teras kelestarian alam sekitar dan pengurusan sumber air yang mampan.

a) JUMLAH KES PENCEMARAN SUNGAI DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

-

Sepanjang tahun 2025 dari 1 Januari 2025 hingga 11 November 2025 terdapat 72 premis yang tidak patuh dan telah diambil tindakan kerana melepaskan efluen melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Sebanyak 49 Notis Arahan dikeluarkan, 21 Kompaun telah dikenakan dan 2 Kertas Siasatan Mahkamah telah disediakan kerana melanggar had yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Sementara itu, sebanyak 24 aduan berkaitan pencemaran sungai telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (JAS). Pencemaran berkenaan adalah daripada aktiviti

perindustrian, kumbahan, perternakan dan perlombongan. Tindakan telah diambil di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), manakala di luar bidangkuasa JAS telah dikemukakan kepada agensi berkaitan untuk tindakan di bawah perundangan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat Menglembu,

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Perak dari sudut semakan Jabatan, mendapat tiga aduan berkaitan pencemaran sungai yang diterima bagi tahun 2025, iaitu :

- i. Aduan kekeruhan aliran air Sungai Bernam yang diterima Jabatan pada 27 Mac 2025,
- ii. Aduan kekeruhan aliran air Sungai Rui dan kematian ikan yang diterima Jabatan pada 13 Oktober 2025, dan
- iii. Aduan aliran air Sungai Perak menjadi biru yang diterima Jabatan pada 22 Oktober 2025.

Bagi aduan berkaitan pencemaran sungai, Jabatan Mineral dan Geosains akan menjalankan pemeriksaan ke tapak aduan dan mengenalpasti sekiranya terdapat sebarang aktiviti perlombongan atau pengkuarian berhampiran kawasan aduan.

Sekiranya didapati aktiviti perlombongan atau pengkuarian turut menyumbang kepada pencemaran sungai, Jabatan Mineral dan Geosains akan mengambil

tindakan ke atas lombong atau kuari yang terlibat :

- i. Bagi aduan kekeruhan Sungai Bernam, Jabatan telah mengambil tindakan ke atas lombong bijih timah yang terletak berhampiran Sungai Bernam dengan mengarahkan pengusaha lombong untuk melaksanakan kerja mitigasi dan membaikpulih runtuh di kawasan lombong serta melaksanakan pemantauan berkala ke atas kualiti air sungai berhampiran kawasan lombong.
- ii. Bagi aduan kematian ikan di Sungai Rui dan kejadian air Sungai Perak menjadi biru, Jabatan Mineral dan Geosains tidak dapat mengesahkan punca sungai kebiruan akibat aktiviti perlombongan. Namun demikian, Jabatan ini juga telah mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan dalam pengurusan efluen di lombong-lombong di hulu sungai dengan menggantung operasi perlombongan serta mengarahkan lombong-lombong untuk melaksanakan kerja baikpulih dan mitigasi di tapak lombong.

Untuk makluman Yang Berhormat Menglembu,

Selain itu, berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (JPV) sehingga November 2025, terdapat 3 aduan berkaitan pencemaran sungai yang didakwa disebabkan oleh aktiviti penternakan unggas dan babi. Sebuah ladang unggas telah dikenakan tindakan kompaun di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 kerana melepaskan sisa unggas tanpa dirawat keluar dari ladang ke sungai berhampiran.

Ladang terlibat juga diarahkan untuk memberhentikan aktiviti penternakan unggas sehingga langkah-langkah penambahbaikan dibuat.

Sebagai makluman, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melibatkan aktiviti penternakan unggas yang berisiko mencemari sungai dan sumber air adalah dengan penambahbaikan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2024 dengan menaikkan kadar kompaun dan denda bagi kesalahan di bawah Seksyen 15, melepaskan sisa unggas tanpa dirawat kepada minima RM10,000.00 dan maksima RM25,000.00 bagi kompaun. Manakala bagi denda, maksima RM50,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun.

B) LANGKAH TERKINI KERAJAAN NEGERI

-

Kerajaan Negeri melalui JAS meningkatkan pemeriksaan, rondaan harian, dan operasi luar waktu pejabat bagi mencegah pelepasan efluen yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, JMG pula mempertingkatkan pemantauan kawasan perlombongan berhampiran sungai dan mengambil tindakan tegas terhadap ketidakpatuhan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994.

Manakala, dalam sektor penternakan, Kerajaan Negeri menguatkuasakan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023, yang menaikkan kadar kompaun kepada RM10,000 – RM25,000 dan denda sehingga RM50,000 atau penjara 3 tahun.

PENEGASAN DASAR KERAJAAN NEGERI

Untuk makluman Yang Berhormat Menglembu,

Kerajaan Negeri menegaskan bahawa isu pencemaran sungai bukan sahaja isu alam sekitar, tetapi juga isu keselamatan awam, kesihatan rakyat, pembangunan ekonomi, dan kelangsungan hidup generasi akan datang.

Oleh itu, dasar kerajaan di bawah Kerajaan Negeri Perak adalah jelas bahawa kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang mencemarkan sungai dan menjejaskan sumber air negeri.

Selaras dengan matlamat Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri komited untuk :

- Memperketat penguatkuasaan secara strategik dan bersepadu
- Memperkukuhkan pemantauan digital dan penggunaan teknologi
- Memperkemas perundangan sektor industri, perlombongan dan penternakan
- Melibatkan komuniti setempat dalam pengawasan sungai
- Menjadikan sungai sebagai aset ekonomi, rekreasi dan ekologi yang bernilai tinggi

Kerajaan Negeri percaya bahawa hanya melalui pendekatan tegas, konsisten, melibatkan semua agensi, dan disokong oleh penduduk setempat dengan kerjasama pihak industri barulah usaha mengembalikan mutu sungai di Perak dapat dicapai secara dengan kerjasama bersama pihak industri dengan menyeluruh dan mampan.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB ENCIK TIW TEE SIANG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TRONOH)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi membantu pelajar yang ditimpa bencana banjir semasa waktu peperiksaan SPM bagi tahun 2025?

Apakah perancangan kerajaan negeri terhadap sekolah-sekolah yang berisiko tinggi mengalami banjir semasa waktu peperiksaan SPM bagi tahun 2025?

Jawapan Soalan 1

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak sentiasa mengambil berat dan mengambil sikap peduli terhadap semua pelajar yang menjadi tanggungjawab kita semua. Pelbagai sesi libat urus telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam usaha menyediakan keperluan dan persiapan rapi terhadap semua calon SPM bagi tahun 2025 di negeri Perak. Untuk makluman, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia akan/telah bermula pada 3-5 November 2025 dengan Ujian Bertutur Bahasa Inggeris diikuti Ujian Bertutur Bahasa Inggeris, 10-13 November 2025, Ujian Amali Sains, 17-19 November 2025, Ujian Mendengar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, 20 November 2025 dan diakhiri dengan Ujian Bertulis bermula pada 25 November 2025 sehingga 23 Disember 2025

Dari aspek pengurusan kecemasan seperti banjir, kerosakan bilik kebal dan hal-hal lain berkaitan pengurusan peperiksaan, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah mendapatkan data seperti berikut:

Melalui sesi libat urus bersama Pejabat Pendidikan Daerah seluruh negeri Perak, maklumat awal pusat peperiksaan SPM berisiko terkesan banjir mengikut daerah seperti berikut:

Bagan Datuk, 1 sekolah
Batang Padang, 1 sekolah
Hilir Perak, 2 sekolah
Kerian, 1 sekolah
Kinta Selatan, 1 sekolah
Kinta Utara, 2 sekolah
Kuala Kangsar, 1 sekolah
Larut, Matang dan Selama, 5 sekolah

Berdasarkan situasi semasa, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengklasifikasikan situasi banjir yang boleh berlaku terhadap calon SPM seperti berikut:

Situasi 1. Hanya pusat peperiksaan sahaja yang terlibat banjir, kediaman calon dan jalan ke pusat peperiksaan tidak terlibat banjir
Situasi 2. Hanya jalan menuju ke pusat peperiksaan sahaja yang terlibat banjir
Situasi 3. Pusat peperiksaan, jalan menuju ke pusat peperiksaan dan persekitarannya banjir.

Berdasarkan penilaian risiko yang dilaksanakan oleh PPD, didapati terdapat 136 calon berisiko menghadapi situasi 1, 66 calon berisiko menghadapi situasi 2 dan 107 calon berisiko menghadapi risiko 3 bagi seluruh negeri Perak dengan jumlah terkumpul jumlah calon berisiko sebanyak 309 orang calon.

Bagi pusat peperiksaan berisiko terkesan banjir pula, 17 buah sekolah berisiko terkesan dengan banjir dengan 5 buah sekolah di daerah Larut, Matang dan Selama, 3 buah sekolah di daerah Kerian, 2 buah sekolah di daerah Hilir Perak dan Kinta Utara serta masing-masing sebuah sekolah di daerah Bagan Datuk, Batang Padang, Kuala Kangsar dan Kinta Selatan.

Bagi pelan tindakan yang sedang dan telah dijalankan bagi menghadapi situasi 1, Jabatan Pendidikan Negeri mengambil langkah untuk memindahkan Pusat Peperiksaan dengan calon akan menumpang di premis lain yang sesuai. Bagi situasi 2, pusat peperiksaan akan dikekalkan namun arahan diberikan kepada calon untuk menumpang di rumah saudara atau menempatkan calon di asrama yang berhampiran dengan pusat peperiksaan. (bagi sekolah yang mempunyai asrama) atau menghubungi agensi awam seperti PDRM, JPAM atau JBPM bagi membantu membawa calon ke pusat peperiksaan. Seterusnya, bagi situasi 3, pihak Jabatan Pendidikan Negeri akan memindahkan pusat peperiksaan ke pusat alternatif yang dikenali pasti tidak terlibat dengan banjir. Perpindahan ini akan membawa sekali calon-calon SPM serta guru yang bertugas ke premis pusat yang baharu. Untuk makluman juga, sekiranya terdapat calon yang terkesan dengan banjir, calon dibenarkan untuk menduduki peperiksaan di pusat peperiksaan lain yang boleh diakses sebagai calon menumpang dan boleh memaklumkan kepada pihak sekolah (pusat peperiksaan asal)

Sebagai penutup, sukacita saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited memastikan calon-calon SPM tahun 2025 tidak terjejas akibat bencana banjir, khususnya di daerah yang dikenali pasti sebagai kawasan berisiko tinggi. Segala langkah persediaan meliputi penyediaan pusat peperiksaan gantian, pelan penyelarasan sokongan logistik, pengurusan rapi bersama agensi utama pengurusan bencana, serta bantuan kebajikan kepada murid dan keluarga yang terkesan akan terus diperkukuh bagi memastikan peperiksaan SPM dapat dijalankan dengan selamat dan teratur.

Kerajaan Negeri Perak juga akan terus bekerjasama erat dengan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah, Majlis Keselamatan Negara Negeri Perak, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Perak serta semua agensi yang berkaitan bagi memastikan tindakan intervensi dapat dilaksanakan secara pantas dan berkesan. Usaha bersepadu ini mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri Perak untuk memastikan hak pendidikan anak-anak Perak terus terpelihara walaupun berdepan cabaran bencana alam yang kita harungi saban tahun.

2. Apakah perkembangan berkenaan pelaburan tenaga boleh diperbaharui seperti 'large-scale solar farm', 'mini-hydro power plants' dan 'biogas power plant' yang telah beroperasi dan bakal dibina di negeri Perak?

Apakah manfaat yang diterima oleh rakyat Perak melalui kemasukan pelaburan tenaga boleh diperbaharui?

Jawapan Soalan 2

Telah dijawab secara lisan pada 26 November 2025

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PENGKALAN HULU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. PENCEMARAN AIR

Adakah kerajaan negeri bersedia mempertimbangkan pelaksanaan “Audit Kesihatan Air Negeri Perak” iaitu satu audit menyeluruh terhadap semua sungai, saliran dan loji rawatan bagi memastikan ketahanan sumber air untuk jangka panjang?

- a) Adakah audit ini boleh dijalankan secara bebas oleh pihak universiti atau institusi teknikal negeri seperti Universiti tempatan bagi meningkatkan ketelusan?
- b) Adakah kerajaan negeri akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi, pakar hidrologi, dan NGO alam sekitar dalam pelaksanaan audit ini?

Jawapan Soalan 1

YB Pengkalan Hulu ,

Kerajaan Negeri pada prinsipnya tidak mempunyai halangan bagi melaksanakan “Audit Kesihatan Air Negeri Perak”, iaitu suatu audit menyeluruh terhadap keadaan semua sungai, saliran dan loji rawatan air di negeri ini bagi memastikan ketahanan sumber air jangka panjang serta memperkukuh keselamatan air negeri.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, fokus kawal selia aspek pelepasan efluen industri dan bukan industri tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang sentiasa memastikan pematuhan terhadap semua peraturan yang berkuat kuasa, termasuk:

- i. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977
- v. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978

Walau bagaimanapun, audit holistik bagi “kesihatan air” melangkaui skop kawal selia AKAS 1974, dan melibatkan aspek hidrologi, kualiti air mentah, keselamatan sistem rawatan serta kapasiti bekalan air.

Sehubungan itu, Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak (LPSA) telah ditubuhkan sebagai utama yang bertanggungjawab mengurus, mengawal selia serta memelihara keseluruhan sumber air negeri Perak. Maka, apa-apa pelaksanaan Audit Kesihatan Air Negeri Perak secara menyeluruh adalah berada di bawah bidang kuasa, koordinasi serta tanggungjawab LPSA, tertakluk dengan **undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa**, serta **kesediaan pihak LPSA untuk menguatkuasakan Seksyen 44**; iaitu Larangan pencemaran sumber Air seperti mana dalam Enakmen Sumber Air Perak 2023 selaras dengan mandat bagi memastikan integriti, keselamatan, kelestarian dan perancangan sumber air negeri secara saintifik dan bersepadu serta kesediaan

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri juga terbuka untuk mempertimbangkan penglibatan universiti tempatan atau institusi teknikal sebagai pihak bebas bagi pelaksanaan audit tersebut. Penyertaan institusi akademik dapat meningkatkan ketelusan, memperkukuh integriti data dan menyediakan analisis saintifik yang objektif, **tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa**, demi menjaga kepentingan negeri. Namun, pelaksanaan audit bebas ini hendaklah diselaraskan oleh LPSA, dengan sokongan agensi teknikal yang berkaitan seperti JAS, Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), bagi memastikan pematuhan perundangan dan standard teknikal semasa. Kerjasama bersepadu ini dijangka dapat membantu menghasilkan laporan audit yang lebih holistik, menyeluruh dan berasaskan bukti, sekali gus memperkukuh ketahanan sumber air jangka panjang.

2. Masih terdapat jalan utama di Daerah Hulu Perak khususnya di DUN Pengkalan Hulu seperti di Laluan FT076 dari Sempadan Baling, Kedah ke Pengkalan Hulu dan ke Gerik dan Laluan FT077 Pengkalan Hulu - Sempadan Thailand yang belum dinaiktaraf dan penambahbaikan. Apakah perancangan pihak kerajaan negeri Perak melalui JKR negeri bagi memastikan perkara ini dapat diatasi dengan segera?

Jawapan Soalan 2

Soalan telah dijawab secara lisan pada Persidangan Kelima 1 Disember 2025